

# ***CONTOH KARANGAN TRIAL 2021 SETIAP NEGERI (batch 1<sup>st</sup> KSSM)***

***DIKOMPILASIKAN : @minumsoftlan / @nuru1ain\_***

## ***TERENGGANU***

### ***BAHAGIAN A : PELANCONGAN DI NEGARAINI***

Industri pelancongan adalah merupakan antara sektor terpenting bagi perkembangan dan kemajuan bagi sesebuah negara. Hal ini kerana industri pelancongan banyak membawa kepada penyumbangan hasil dan pulangan yang lumayan kepada sesebuah negara dalam aspek pendapatan negara. Sejumlah 24.6 juta orang telah berkunjung dan melancong ke Malaysia telah dicatatkan dan dikeluarkan oleh Kementerian Pelancongan bagi bulan Januari hingga Disember 2015. Peningkatan pula telah ditunjukkan oleh pelancongan Asia Barat pada tahun 2016 berbanding dengan tahun 2015. Meskipun keadaan ekonomi serantau yang agak kurang memberangsangkan pada masa kini, peningkatan 44 peratus daripada 5.02 juta kepada 7.23 juta telah berlaku pada tempoh enam bulan pertama bagi jumlah pelancong yang telah melawat dan berkunjung ke Malaysia. Jumlah pelancong yang bertandang ini berdasarkan pada tempoh yang sama tetapi pada tahun yang berlainan. Pada pandangan saya, pelbagai inisiatif dan usaha haruslah dijalankan bagi menggalakkan pertumbuhan dan kepesatan pelancongan di Malaysia.

Sebagai kesinambungan pendapat dan idea saya, pelbagai pihak termasuklah pihak kerajaan dan pihak swasta perlu mengambil inisiatif dan usaha untuk memperkenalkan dan mempromosikan Malaysia ke mata dunia dan ke peringkat lebih global. Kegiatan untuk mempromosi Malaysia boleh dibuat dengan memperbanyak dan merancakkan lagi aktiviti pelancongan di negara kita. Terdapat beberapa promosi pelancongan yang boleh dijalankan seperti memperkenalkan destinasi pelancongan yang menarik untuk dituju, karnival jualan atau kebudayaan pelbagai bangsa dan etnik di Malaysia. Kesemua program yang dianjurkan ini hendaklah dijalankan dengan kerjasama yang pada daripada pelbagai pihak wajib yang berkenaan dan bukan sekadar hanya

hangat-hangat tahi ayam ataupun sekadar melepaskan batuk di tangga. Sebagai contohnya, promosi kebudayaan telah dianjurkan oleh kementerian Pelancongan untuk menarik minat para pelancong dari negara Asia Barat seperti di Arab Saudi dan di Dubai.

Penggunaan teknologi maklumat seperti internet juga boleh menjadi antara salah satu usaha untuk mempromosikan negara kita ke mata dunia dengan penyebaran meluas mengenai informasi dan butiran lanjut pelancongan di Malaysia. Semua pelancong akan memperoleh informasi yang tepat dan butiran yang jelas berkenaan dengan destinasi pelancongan menarik yang boleh dilawati di Malaysia bersama dengan aktiviti pelancongannya dengan adanya penggunaan internet ini. Jelasnya di sini, promosi yang ligat dan giat dijalankan dapat memastikan penyebaran secara berkesan bagi semua informasi pelancongan seterusnya menarik pelancong untuk bertandang ke Malaysia. Ini seterusnya dapat menjadikan Malaysia sebagai salah satu destinasi pelancongan yang diminati untuk dilawati oleh pelancong luar. Natiyahnya, industri pelancongan akan lebih terserlah dan dapat bersinar bergemerlapan ke seluruh dunia dan dapat berdiri sama tinggi, duduk sama rendah dengan negara maju yang lain.

Selain itu, Malaysia juga dapat bersaing dengan industri pelancongan negara-negara lain di dunia dengan langkah pihak swasta haruslah bekerjasama atau berganding bahu dengan pihak kerajaan dengan membuka lebih banyak pusat-pusat percutian yang bertaraf dunia dan memberi keselesaan yang optimum kepada pengunjung. Pihak swasta dan pihak kerajaan boleh mempraktikkan konsep bulat air kerana pembetung, bulat manusia kerana muafakat demi menjamin industri pelancongan ke arah yang lebih baik. Usaha ini boleh dilaksanakan dengan pembinaan hotel lima bintang yang akan menyediakan servis perkhidmatan yang terbaik diiringi dengan bilik dan suasana yang selesa untuk menarik minat pelancong. Sebagai analoginya, pakej penginapan murah berserta dengan pakej makanan tempatan telah diperkenalkan oleh Hotel Seri Malaysia dan buktinya, hotel ini telah berjaya menarik lebih ramai pengunjung untuk menginap saban tahun.

Bagi membuktikan perkara ini, peningkatan ketibaan pelancong luar atau antarabangsa dan pertumbuhan sektor pelancongan domestik yang teguh telah menyumbang kepada pertambahan kadar penginapan hotel sebanyak 4.3

peratus iaitu perangkaan pada tahun 2000, 59.2 peratus kepada 63.5 peratus pada lima tahun kemudian. Pendek kata, sekiranya inisiatif yang dijalankan secara bersungguh-sungguh, sistematik, konkret dan berterusan sudah pasti kadar pengunjungan pelancong ke Malaysia bagaikan pepatah di mana ada gula di situ ada semut.

Selain itu, peranan dan fungsi ibu bapa dalam proses penggalakkan sektor industri pelancongan haruslah tidak diketepikan. Memang sangat diakui bahawa peranan ibu bapa adalah sangat penting dalam pendidikan anak-anak dalam membentuk keperibadian yang cemerlang. Ibu bapa adalah orang pertama yang bertanggungjawab di rumah untuk mencorakkan personaliti anak-anak agar mempunyai sifat patriotism yang tinggi dan tidak melakukan perbuatan atau gejala sosial seperti vandalisme yang boleh merosakkan imej negara kita. Oleh itu, ibu bapa hendaklah melentur buluh dari rebungnya agar anak-anak tidak akan melakukan perbuatan yang boleh menyebabkan nama Malaysia terpalit. Pihak sekolah juga berperanan dan terlibat dalam menggalakkan pelancongan dengan memperkenal dan memperdalamkan lagi subjek Geografi dan Sejarah dalam kalangan para pelajar.

Kelab pelancongan juga boleh ditubuhkan bagi memupuk dan menanam minat pelajar untuk melancong. Pihak sekolah dan kelab-kelab yang telah ditubuhkan boleh mengadakan lawatan sambil belajar dan pertandingan atau kuiz mengenai tempat pelancongan yang dilawati untuk lebih mendalami ilmu pengetahuan tentang tempat pelancongan tersebut.

Selain itu, filem mengenai adat resam dan keistimewaan tempat pelancongan menarik untuk dilawati seperti di Sarawak dan Sabah boleh ditampilkan oleh pihak sekolah. Dalam konteks ini, anak-anak tidak akan menjadi seperti katak di bawah tempurung sekiranya masa dapat diluangkan oleh ibu bapa dengan anak-anak dengan melancong bersama-sama. Kesannya, hubungan antara ahli keluarga dapat dieratkan dan jalinan silaturrahim dapat dirapatkan di samping turut dapat menenangkan minda sekeluarga. Oleh yang demikian, ibu bapa dan para guru hendaklah memainkan peranan dalam menggalakkan pelancongan di negara ini.

Ketika kita sebagai rakyat rakus dan terlalu ghairah mengejar kemajuan dan kemewahan, kita sebagai rakyat Malaysia alpa dan terleka untuk melakukan penjimatan pengaliran keluar wang negara ini. Ini kerana apabila kita melacong di dalam negara, banyak kelebihan akan diperoleh termasuklah wang yang dibelanjakan untuk pelancongan akan diperoleh semula oleh kerajaan melalui sistem cukai yang dikenakan. Sekiranya rakyat Malaysia melancong ke luar negara, segala perbelanjaan akan diperoleh oleh rakyat dan kerajaan negara asing. Ini hanya akan merugikan dua pihak iaitu diri sendiri dan juga negara kita. Banyak manfaat dapat diperoleh dengan melancong di dalam negara seperti ilmu pengetahuan dan pengalaman dapat diperluaskan. Khazanah warisan bangsa di tanah air tercinta kita akan dipelajari dengan lebih mendalam jika kita berkunjung ke tempat-tempat yang belum pernah dilawati.

Tambahan pula, keunikan sesuatu budaya dan tradisi masyarakat dapat kita ketahui. Dengan adanya aktiviti melancong di dalam negara, sebarang kekurangan atau kelebihan dan keistimewaan dapat diketahui berbanding di tempat sendiri, seterusnya idea-idea berasas dapat disalurkan untuk pembangunan negeri dan pelancongan. Sebagai langkah untuk penghayatan yang lebih mendalam terhadap warisan khazanah Malaysia yang diiktiraf bertaraf dunia, kita hendaklah melancong di negara kita sendiri.

Konklusinya, pelbagai usaha dan inisiatif hendaklah diteruskan dan dipergiatkan bagi menarik lebih ramai pengunjung tidak mengira dalam dan luar negara untuk melancong ke negara kita. Sehubungan dengan itu, gandingan kerjasama daripada semua pihak amat penting bagi memaju dan mengembangkan industri pelancongan Malaysia. Martabat industri pelancongan dapat ditingkatkan apabila pelbagai sektor daripada pihak kerajaan, pihak swasta, agensi pelancongan dan juga rakyat Malaysia sendiri harus sama-sama berganding bahu. Hal ini sungguh bersesuaian dengan pepatah Melayu yang ada mengatakan hati gajah sama dilapah, hati kuman sama dicecah. Matlamat atau usaha untuk memantapkan ekonomi tidak akan tercapai jika rakyat dan pelbagai pihak hanya berpeluk tubuh dan tidak bekerjasama.. Oleh yang demikian, jika kita menggunakan prinsip pepatah, bulat air kerana pembetung, bulat manusia kerana muafakat sudah tentu kejayaan dan matlamat untuk memajukan industri pelancongan Malaysia dapat direalisasikan dengan jayanya.

## **1. BAHAGIAN B : ISU PERPADUAN & AKTIVITI SUKAN**

### ***BERPERANAN SEBAGAI AGEN PERPADUAN***

Perpaduan dapat diertikan sebagai hubungan erat bersifat toleransi yang diwujudkan secara sengaja dalam kalangan kaum dan etnik yang berbeza untuk mencapai matlamat bersama secara jujur dan ikhlas. Dalam kata lain perpaduan adalah proses menyatupadukan seluruh masyarakat untuk membentuk satu identiti dan nilai bersama serta perasaan cinta dan banggakan negara.

Perpaduan dalam kalangan pelbagai etnik di negara kita haruslah dikenalkan untuk menjamin keselamatan negara agar kemerdekaan yang kita kecapi sekarang ini berkekalan. Hal ini adalah untuk mengelakkan berulangnya perkara yang tidak diingini seperti rusuhan kaum pada 13 Mei 1969 yang telah berlaku di negara kita. Kesan daripada rusuhan ini kita dapat lihat betapa ramai masyarakat negara kita yang mati dalam peristiwa berdarah ini. Oleh itu, perpaduan penting agar kejadian yang sama tidak akan berulang. Dalam nada yang sama kita akan dapat mengekalkan kestabilan politik jika kejadian rusuhan kaum ini dapat dielakkan oleh semua anggota masyarakat yang memiliki semangat nasionalisme dan patriotik yang tinggi.

Bidang sukan dilihat masih mampu menjadi landasan dalam memupuk perpaduan antara kaum. Biarpun berlainan fahaman politik, berbeza agama dan bangsa namun ketika menyokong pasukan negara yang bertanding, tembok yang tebal itu boleh dihapuskan. Contohnya, apabila pasukan Harimau Malaya bertanding, semua sempadan terhapus dengan sendirinya kerana kita memberi fokus agar kemenangan dapat berpihak kepada pasukan Harimau Malaya.

Sama-sama bersorak, sama-sama menjerit dengan satu harapan agar Harimau Malaya dapat menang. Bila kalah, sama-sama kecewa. Tapi menang sama-sama, kalah pun sama-sama. Sukan dapat menyatukan rakyat kerana sukan adalah agen perpaduan. Aktiviti bersukan dapat mengeratkan hubungan silaturahim dan pada masa sama menerapkan disiplin dan integriti dalam kalangan peserta.

Melalui sukan, kita juga akan menyelami erti perpaduan, menghormati antara kaum, menanam rasa cinta kepada negara dan sanggup membantu dalam mempertahankan kedaulatan negara. “Ini merupakan salah satu pengisian ke arah pencapaian matlamat konsep 1Malaysia berdasarkan penglibatan semua pelajar pelbagai bangsa, budaya dan agama,”. Kata Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan yang sentiasa mendokong hasrat falsafah pendidikan Negara untuk melahirkan insan yang seimbang. “Dasar ini sebenarnya selaras dengan dasar sukan negara yang bermatlamat untuk membudayakan sukan dalam kalangan masyarakat. “Oleh yang demikian, penyertaan setiap pelajar dalam aktiviti kurikulum adalah amat penting sebagai satu landasan untuk melahirkan pelajar yang cergas, dinamik serta bersatu padu,” jelasnya.

Melalui latihan sukan yang konsisten dan seimbang dari pelbagai aspek yang merangkumi minda, otot saraf dan emosi, sukan juga mampu membentuk pelajar yang cergas dan patuh kepada peraturan. “Selain itu, sukan juga dapat membentuk pelajar yang berhemah tinggi, bertanggungjawab, berdisiplin dan mempunyai jati diri yang kental serta mempunyai daya kepimpinan dan integriti yang tinggi,” ujarnya lagi. Tidak kira dalam apa jua sukan, kerjasama dan hubungan akrab akan lahir apabila pemain bertungkus-lumus dan bekerjasama menyahut cabaran sebagai satu pasukan.

Sukan tidak pernah mengira latar belakang agama, keturunan, kepercayaan dan batasan yang boleh menghalang interaksi antara pemain, penyokong, pengurusan dan massa. Zaman bola sepak negara tahun 1980-an pasti tidak akan lupa kepada Allahyarham Mokhtar Dahari, Hassan Sani, V Arumugam, Soh Chin Aun, James Wong, Torai Raju, Wan Jamak, V Gunalan, Zainal Abidin dan Khalid Ali. Walaupun tidak dinafikan sukan juga menjadi ancaman provokasi perkauman sebagaimana yang berlaku dalam liga bola sepak luar negara, namun sering kali kita melihat sukan akan menjadi alat perpaduan dalam kalangan masyarakat umum walaupun mempunyai pelbagai perbezaan termasuk fahaman politik masing-masing. Ketika Perang Dunia Kedua, sukan menjadi alat untuk mengetepikan perbezaan masing-masing dan tempat penyatuan negara-bangsa yang boleh bersama walaupun mempunyai latar belakang pemerintahan dan struktur tadbir urus berbeza.

Di samping mengutamakan dasar dan pembentukan agenda pembangunan sukan, Malaysia juga berjaya dari penganjuran sukan di bawah kepimpinan Datuk Seri Najib Tun Razak. Ini termasuklah Sukan Malaysia (Sukma) yang diperkenalkan olehnya dan kini menjadi temasya sukan terbesar dalam negara. Sukma XV baru-baru ini diadakan di Pahang bertemakan 'Sukan Menjana Perpaduan'. Begitu juga dengan kejayaan menganjur Sukan SEA 1989 yang melihat Malaysia memenangi pingat emas terbesar (69 pingat emas) untuk sukan itu; yang juga merupakan pencapaian terbaik yang pernah diduduki oleh Malaysia di arena antarabangsa.

Seterusnya, dalam sukan badminton, Malaysia melayakkan diri dalam perlawanan akhir Piala Thomas 1988 dan 1990; sejarah yang masih terpahat dalam pencapaian secara keseluruhan aktiviti sukan negara. Perpaduan dalam negara yang rencam menjadi indicator penting agar sukan tidak menjadi alat politik tetapi menjadi alat 'penghubung' keseluruhan warganya. Sukan sebagai alat perpaduan harus diketengahkan dengan lebih tersusun di pelbagai ruangan termasuk sekolah dan kawasan penempatan. Pencapaian di kesemua peringkat yakni kampung, daerah, negeri dan nasional serta antarabangsa mesti diperluaskan supaya Malaysia akan menjadi gah sebagaimana Jepun dan Korea Selatan yang satu ketika dahulu di belakang Malaysia. Mutu pencapaian di peringkat antarabangsa banyak bergantung kepada organisasi dan bukan semata-mata atlet yang terlibat.

Maka, perpaduan bukan sekadar dalam kalangan masyarakat; tetapi juga segenap lapisan stratifikasi kepimpinan dan organisasi sukan agar perpaduan tidak dikompromi tetapi dijadikan sebagai benteng pembinaan jati diri menyeluruh. Ini kerana sukan merupakan antara mekanisme penting dalam melentur semangat 'kekitaan'. Dalam membangunkan prestasi sukan, ia sekali gus juga dapat memaparkan usaha memupuk penerimaan ke atas kepelbagai sukan yang wujud dari masyarakat pelbagai etnik. Sukan mampu memecah tradisi dominasi oleh sesuatu etnik terutama dengan penampilan 'kemajmukan' bukan sahaja dari segi penyertaan tetapi lebih dari itu, menghargai dan mencipta 'semangat satu negara, satu matlamat'.

## **2. BAHAGIAN B : AMALAN MENABUNG**

Amalan Menabung penting dalam kehidupan dan haruslah dididik oleh ibu bapa sejak kecil. Tulis karangan tentang faedah dan kepentingan amalan menabung.

### Amalan Menabung dan FaedahMenabung

Memang tidak dapat dinafikan bahawa amalan menabung amat penting dan memberi banyak faedah dalam kehidupan manusia. Amalan baik ini haruslah dididik oleh ibu bapa sejak kecil. Terdapat banyak cara untuk memupuk amalan menabung dalam kalangan masyarakat. Ibu bapa boleh membuka akaun di bank atas nama anak-anak untuk menggalakkan mereka menabung.

Di samping itu, Jabatan Pelajaran Sarawak telah melancarkan program menggalakkan pelajar menabung sama ada peringkat sekolah rendah mahupun sekolah menengah. Antaranya, Program Wang Simpanan Saku yang telah dilaksanakan di peringkat sekolah. Kelab Kewangan Sekolah akan mengurus wang simpanan saku tersebut. Oleh itu, amalan menabung boleh dikatakan membawa faedah yang banyak kepada kita.

### Menggunakan wang dengan cermat

Amalan menabung boleh menyemai tabiat berjimat cermat, terutamanya dalam kalangan pelajar. Dengan adanya amalan ini, kita tidak akan boros dalam perbelanjaan sehari-hari seperti makanan, hiburan dan sebagainya. kita akan menggunakan wang dengan cermat dan memastikan kita tidak terlebih guna wang yana ada pada kita. Misalnya, seseorang yang berjimat cermat sudah tentu menggunakan separuh daripada wang perbelanjaan yang tidak dibelanjakan untuk ditabung sama ada di dalam bekas tabung atau disimpan di bank. Penyimpanan bank juga akan memperoleh dividen hasil daripada simpanan, bak kata pepatah sikit-sikit lama-lama jadi bukit. Jadi, pendedahan amalan menabung harus diajar untuk mengamalkan sikap berjimat cermat dan memberikan kesan positif pada bila-bila masa.

### Amalan menabung untuk mengatasi kecemasan

Salah satu faedah menabung ialah tabungan boleh mengatasi masalah yang kita hadapi semasa kecemasan. Keadaan ini boleh digambarkan seseorang menyediakan payung sebelum hujan. Kita dapat membantu orang yang berada dalam keadaan susah, seperti mangsa dalam kemalangan atau ditimpa

bencana. Misalnya, kita boleh menggunakan tabungan kita untuk menderma kepada mangsa Gaza.

Selain itu, kita juga boleh membantu keluarga dan saudara kita apabila kecemasan berlaku. Hal ini disebabkan kita tidak mungkin dapat memperoleh sejumlah wang yang banyak dengan segera jika kita tidak ada wang tabungan. Untuk menyemai amalan yang murni ini dalam kalangan masyarakat, syarikat insurans telah menggalakkan masyarakat supaya menabung dengan cara menawarkan skim tabungan yang pelbagai untuk kecemasan, iaitu kad perubatan. Amalan menabung yang dididik sejak anak-anak kecil lagi jelas membantu meringankan masalah kecemasan ketika berdepan situasi rumit.

#### Kepentingan menabung untuk hari tua

Selain itu, amalan menabung penting untuk hari tua. Sikap yang rajin menabung semasa masih muda, bertenaga, dan sihat akan menyenangkan pada hari tua. Dengan adanya wang, kita dapat menikmati kehidupan yang lebih gembira dan selesa, bak kata pepatah berakit-rakit ke hulu, berenang-renang ke tepian, bersakit-sakit dahulu, bersenang-sengan kemudian. Kita harus bersusah dahulu dan bersenang kemudian. Bagi umat Islam, wang yang ditabung boleh digunakan untuk menunaikan haji dan umrah pada masa hadapan. Oleh itu, amalan menabung yang dipupuk sejak kecil lagi jelas memberikan masa hadapan yang lebih senang.

#### Faedah menabung membiayai keperluan semasa

Lebih-lebih lagi, amalan menabung dapat memudahkan pembiayaan keperluan semasa dan yang akan datang. Kita telah mempunyai wang yang secukupnya untuk membiayai apa-apa sahaja yang diperlukan. Kita tidak perlu meminjam wang daripada lintah darat dan berhutang selama beberapa tahun. Kini, kebanyakan harga barang telah meningkat dan perkhidmatan awam yang semakin meningkat harganya. Oleh itu, dengan ada tabungan, kita mampu membeli sesuatu yang diperlukan atau dikehendaki. Kita juga dapat membiayai pendidikan anak-anak di menara gading tanpa bergantung kepada pihak kerajaan atau mana-mana pihak. Selain itu, seseorang tidak mudah terjerat oleh lintah darat dengan amalan menabung.

#### Amalan Menabung boleh mengelakkan pergaduhan

Tambahan pula, menabung dapat menghalang pelbagai masalah yang mungkin melanda dalam kehidupan. Hubungan antara kawan sentiasa menjadi buruk disebabkan masalah kewangan. Misalnya, semasa kawan anda memerlukan sejumlah duit, tetapi wang simpanan tidak mencukupi. Tindakan meminjam duit selalunya menjaskan persahabatan kerana anda mungkin risau akan kawan tidak dapat memulangkan wang tersebut dalam waktu yang ditentukan. Sekiranya menolak kehendakan kawan anda, hubungan persahabatan mungkin terjejas. Oleh itu, menabung perlu diamalkan supaya tidak akan menghadapi keadaan yang janggal seperti yang disebut.

### Kesimpulan kepentingan Amalan Menabung

Intinya, amalan menabung mempunyai banyak kebaikan dan kepentingan. Setiap individu perlu mengorak langkah untuk menabung supaya budaya inidilaksanakan secara berterusan. Faedah menabung ini bukan sahaja dapat merealisasikan impian diri sendiri malahan memberi kebaikan kepada negara kita. Dalam keadaan kemelesetan ekonomi dunia, rakyat juga dapat menghadapi kegawatan ekonomi ini dengan tabah kerana mempunyai tabungan yang cukup untuk membiayai kos hidup. Jelaslah, amalan menabung ini juga merupakan usaha untuk menyediakan payung sebelum hujan dan juga suatu amalan yang mendatangkan banyak kebaikan kepada individu itu sendiri, keluarga, masyarakat juga negara.

## **4. BAHAGIAN B : *CIRI CIRI PERNIAGAAN DALAM TALIAN YANG MAMPU MEMAJUKAN URUS NIAGA***

Bagi yang menggunakan platform perniagaan dalam talian (online), tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) boleh disifatkan sebagai waktu yang sesuai untuk meraih jualan produk.

Pada waktu ini, keberadaan anda dalam talian lebih mudah dilihat oleh orang ramai kerana rata-rata mereka menghabiskan masa di rumah melihat telefon untuk melayari pelbagai media sosial.

Boleh dikatakan hampir 90 peratus rakyat Malaysia tertumpu kepada kepada Facebook, Instagram ataupun WhatsApp.

Kelebihan tersebut memberi peluang kepada peniaga dalam talian untuk menarik perhatian pembeli bagi meningkatkan jualan masing-masing pada waktu getir ini.

Malah, Pengarah Urusan Serantau Shopee, Ian Ho sendiri pernah berkata sebelum ini, Shopee terus mencatatkan peningkatan permintaan terhadap barang isi rumah meskipun dunia berdepan penularan Covid-19.

Kata-kata beliau itu jelas menunjukkan perniagaan dalam talian masih terus menjadi pilihan kerana ramai orang masih mampu dan mahu membeli produk yang ditawarkan melalui platform berkenaan.

@

Memulakan perniagaan baru atas talian (business online) sebenarnya mempunyai lebih kurang risiko daripada melabur wang ringgit anda untuk membuka premis perniagaan. Ini kerana, perniagaan atas talian boleh menjangkau lebih ramai pelanggan yang berpotensi, anda bebas bekerja dari mana saja dan membuat duit secara dalam talian tanpa overhead yang besar. Dengan beberapa kemahiran asas laman web dan berkomunikasi serta pengetahuan penyelenggaraan yang sedikit, hampir semua orang boleh melancarkan perniagaan atas talian dan menjalankannya hanya dalam beberapa hari. Adakah anda sudah bersedia untuk menjadi pengusaha besar online yang akan datang?

Berikut adalah beberapa ciri yang anda perlu teliti sebelum memilih untuk memulakan perniagaan online.

## 1. Mempunyai jenama yang terkenal

Jenama memainkan peranan yang penting untuk dikenali oleh ramai orang. Jenama yang telah pun popular lebih mudah untuk dijual berbanding produk yang tidak ada jenama atau belum dikenali ramai. Jenama yang terkemuka akan lebih mendapat kepercayaan dari ramai orang berbanding barang yang tidak dikenali. Jadi, lebih ramai orang yang berpotensi untuk membeli barang anda.

## 2. Mempunyai modal yang kecil

Untuk perniagaan online dari rumah yang mudah, pastikan modal yang diperlukan untuk memulakan business juga adalah kecil. Tidak perlu sehingga membuat loan hanya untuk membuat perniagaan online dari rumah.

### 3. Mempunyai rangkaian produk yang luas

Perniagaan yang mempunyai rangkaian produk yang luas mempunyai lebih luas sasaran pembelinya berbanding perniagaan yang hanya bertumpu kepada satu golongan. Contohnya, produk pakaian lelaki dewasa hanya mensasarkan lelaki sebagai pembelinya.

### 4. Tidak perlu menyimpan stock dalam kuantiti yang banyak

Perniagaan yang perlu untuk menyimpan stock, lebih-lebih lagi dalam kuantiti yang banyak berisiko mendapat kerugian sekiranya stock yang ada tidak berjaya dijual. Kos untuk menyimpan barang juga perlu diambil kira, lebih-lebih lagi sekiranya produk tersebut mempunyai tarikh luput. Jadi, adalah amat penting untuk sesuatu perniagaan atas talian yang mudah untuk tidak memerlukan seseorang menyimpan stock dalam kuantiti yang banyak.

### 5. Menawarkan produk yang membolehkan pembeli mengulang pesanan (repeat order)

Sekiranya anda membuat perniagaan yang membolehkan pembeli membeli produk anda hanya sekali sahaja, anda mungkin berisiko untuk mendapat pembeli kerana perlu mencari pelanggan baru setiap kali ingin menjual. Pilihlah perniagaan yang membolehkan pelanggan anda membeli berulang kali dengan anda. Sekurang-kurangnya, anda telah jimat kos pengiklanan apabila adanya pelanggan tetap.

### 6. Menyediakan sistem sokongan

Ini adalah antara kriteria yang sangat penting dalam memilih perniagaan online yang mudah di rumah. Apabila bersendirian di rumah, sebenarnya lebih banyak dugaan atau cabaran dari dalam diri sendiri yang perlu ditangani untuk kekal berjaya dengan business yang dilakukan. Berapa ramai orang yang dahulu membuat sesuatu perniagaan, tetapi akhirnya berhenti kerana tidak ada motivasi diri? Berapa ramai mereka yang telah mencuba pelbagai perniagaan tetapi masih tidak kekal sehingga sekarang?

## 7. Bermanfaat kepada orang lain

Walaupun ciri ini diletakkan terakhir, tapi sebenarnya ia sangat penting bagi memastikan kita bukan hanya berjaya di dunia, malah di akhirat. Pastikan perniagaan yang kita lakukan memberi manfaat kepada orang lain dan menjadi saham untuk ke akhirat. Pastikan barang yang kita jual bukanlah sesuatu yang boleh memudarangkan orang lain, apatah lagi sesuatu yang mengundang dosa. Jujurlah pada diri sendiri untuk menarik keberkatan dalam perniagaan.

## **NEGERI SEMBILAN**

### **BAHAGIAN A : KEPEMIMPINAN YANG BAIK**

Kejayaan sesebuah organisasi bergantung ke atas prestasi kolektif pentadbirnya, iaitu orang yang mengarah kerja dan memimpin kakitangan keseluruhannya. Pemimpin (atau Ketua Jabatan) secara bersendirian mesti mendapatkan kerjasama secara sukarela daripada rakan sejawatnya kerana proses kepimpinan memang melibatkan dua orang atau lebih. Seorang daripadanya cuba membimbing dan mendorong yang lain dalam usaha mencapai matlamat sistem. Dalam proses perhubungan Ketua Jabatan dan kakitangan, terdapat banyak aspek yang perlu diberi perhatian.

Misalnya, bagaimakah seorang Ketua Jabatan mempengaruhi tingkah laku kakitangan supaya dapat menghasilkan output yang sempurna. Sebagai contoh dalam situasi sekolah misalnya, pengetua/guru besar dan guru-guru berusaha melahirkan pelajar yang sempurna dari segi mental, fizikal, rohani dan jasmani. Seorang pengetua/guru besar mesti mempunyai ciri-ciri kepimpinan, agar mendapat kerjasama dan diterima oleh semua kakitangan di sekolah.

Apabila seseorang itu berjaya memimpin, ini bermakna dia berjaya mempengaruhi anggota-anggota yang lain di dalam organisasi itu. Kebolehan mempengaruhi bergantung kepada unsur yang penting iaitu kuasa yang ada pada seseorang itu. Mengikut Dr Robiah Sidin (1988), dalam bukunya ‘Asas Pentadbiran Pendidikan’, beliau menegaskan bahawa secara umumnya ada dua jenis kuasa yang boleh dipegang oleh seseorang pemimpin itu.

Pertama, kuasa yang datang dengan jawatannya di dalam organisasi itu dan kedua, kuasa yang berpunca daripada keadaan dirinya sendiri atau kuasa individu. Kuasa yang bersangkut paut dengan jawatan adalah penting kerana memberi kepercayaan kepada anggota-anggotanya. Walaubagaimanapun untuk seseorang itu kekal menjadi pemimpin dia mesti juga mempunyai kuasa yang berunsurkan kebolehan tersendirinya. Ini termasuklah:

### 1. Mentaliti

- Kebijaksanaan atau kebolehan membuat perhitungan yang jauh sebelum bertindak dengan menilai antara yang baik dan buruk berdasarkan pertimbangan ilmu dan pengalaman.
- Keberanian atau kesungguhan serta kesanggupan menghadapi cabaran dan masalah serta risiko, baik yang berpunca dari luar diri atau dalam diri sendiri.
- Mempunyai inisiatif atau tindakan yang dimulakan sendiri tanpa menunggu orang lain datang kepadanya minta bertindak.
- Mempunyai kreativiti sendiri, terutamanya dalam menyelesaikan masalah-masalah yang wujud dalam organisasi.

### 2. Kemasyarakatan

- Kesediaan memberi dan menerima pendapat.
- Sikap positif dan terbuka.
- Daya penggerak dan semangat juang yang kuat.
- Kebbolehan berkomunikasi secara berkesan.

### 3. Moraliti

- Mempunyai disiplin diri yang unggul.
- Kebersihan jiwa terutamanya dari segi keadilah, amanah, ketenangan, kesabaran,keteguhan pendirian dan ketahanan diri.
- Iman yang teguh, terutama orang yang beragama Islam.

Antara ketiga-tiga ciri yang dinyatakan, moraliti adalah yang terpenting untuk menilai seseorang pemimpin sama ada baik atau buruk, berkesan atau tidak, boleh bertahan lama atau tidak.

Pemimpin memerlukan juga sikap tertentu untuk mempengaruhi orang lain. Perkara yang paling penting ialah pemimpin harus mempunyai pengertian dan tanggapan yang tajam terhadap individu-individu yang saling berurusan dengannya. Selain daripada itu seorang pemimpin juga harus mempunyai:

- Empati; iaitu kebolehan untuk memahami perasaan orang lain dan bersimpati.
- Kesedaran; akan kelemahan dan kekuatan dirinya sendiri. Sedar tentang bagaimanakah dirinya dianggap oleh orang lain. Hanya apabila ini berlaku maka barulah kepercayaan kebolehan dirinya akan timbul.
- Kebolehan: untuk melihat secara objektif akan masalah-masalah dan tingkah laku anggota-anggota lain. Pemimpin harus bersikap adil boleh memberi analisa yang adil dan tidak emosional.

Selain itu, sekiranya seseorang itu ingin menjadi pemimpin yang baik, dia hendaklah mengamalkan perkara-perkara yang diketahui, dilihat dan diterima sebagai baik:

- Seseorang pemimpin harus bersedia untuk belajar dari siapasekalipun apa yang dia tidak tahu kerana kepimpinan itu sesuatu yang boleh terus menerus dipelajari dari latihan dan pengalaman.
- Seseorang pemimpin mesti berani memberi jawapan yang tegaskan kepada sesuatu yang difikirkan baik atau tidak baik kepada organisasinya.
- Seseorang pemimpin yang baik berupaya memudahkan semua kerja, dengan menjadikannya kerja-kerja biasa yang boleh dilakukan oleh kebanyakan orang bawahannya dan tidak memerlukan pakar khusus.
- Seorang pemimpin yang baik mempunyai perhubungan baik dengan orang-orang bawahannya. Dia mengenali mereka sebagai individu-individu yang mempunyai keistimewaan tersendiri. Pada kebiasaannya, pemimpin yang baik jarang berkasar dengan orang-orang bawahannya.

- Seseorang pemimpin yang baik pandai membahagikan masa. Dia tahu bila masa bertugas dan bila masa di luar tugas dan bertindak bersesuaian dengan keadaan. Pemimpin yang tidak cekap selalu merasa runsing dan bimbang dengan hal-hal tugas di mana juga dia berada.
- Dalam sesebuah organisasi terdapat pelbagai jenis manusia: ada yang malas, ada yang rajin dan ada yang boleh diharap serta ada yang tidak boleh diharap. Seorang pemimpin yang bijak tidak lemah semangat dengan keadaan ini. Dia menerima hakikat sedemikian dan menggunakan sebaik-baiknya apa yang ada.
- Seorang Pemimpin yang baik tahu dan mahu berbincang dengan orang-orang bawahannya mengenai sesuatu hal yang dia sendiri tidak pasti. Dia tidak hanya pandai mengeluarkan arahan saja.
- Seorang pemimpin yang baik mempunyai banyak pengetahuan dan pengalaman mengenai tugas dan manusia.
- Seorang pemimpin yang baik pandai memperkembangkan kebolehan bekerja orang bawahannya. Dia tahu mengagihkan tugas kepada mereka.
- Seorang pemimpin yang bijak tidak sekali-kali lemah semangat dan cepat mengaku kalah apabila berdepan dengan sesuatu masalah. Kalau masalah tidak dapat diselesaikan dengan satu cara, dia menggunakan cara lain. Dia sentiasa bersikap positif.

Melalui perbincangan mengenai ciri-ciri pemimpin berkesan di atas, beberapa kesimpulan dapat dibuat. Diantaranya ialah kepimpinan ialah perlakuan seseorang yang boleh menggerakkan orang lain untuk berfikir, merasa, bertindak dengan cara-cara tertentu. Dalam hal ini seorang pemimpin harus mengetahui keperluan dan motif orang-orang yang berkerja dengannya dan harus menitikberatkan pencapaian matlamat kumpulan. Dia juga harus berjaya mengekalkan kekuatan yang ada pada kumpulannya untuk menyelesaikan masalah dan mencapai matlamat masa depan.

Seseorang pemimpin boleh menonjolkan kepimpinannya hanya melalui penglibatannya dalam kumpulan. Dalam kumpulan pula kekerapan interaksi bersama kakitangan membolehkan keberkesanan kepimpinannya. Kalau seorang pemimpin sentiasa “bersembunyi” dalam biliknya dan tidak

mempunyai masa untuk berinteraksi dengan kakitangannya, maka kepimpinannya kurang berkesan.

Kepimpinan bukan bergantung sepenuhnya kepada jawatan. Status jawatan yang disandanghanya satu daripada punca potensi kepimpinan. Kejayaan kepimpinan adalah fungsi kedua-dua kuasa formal melalui jawatan dan penerimaan orang-orang bawahan secara tidak formal yang bukan kerana jawatan.

## **1. BAHAGIAN B : CARA-CARA MENJAGA KELESTARIAN ALAM SEKITAR**

Alam sekitar adalah sesuatu yang penting dalam kehidupan manusia, tidak mengira bangsa, agama dan negara. Alam sekitar ini termasuklah kawasan-kawasan tumbuhan hijau, udara dan air seperti sungai dan laut. Namun demikian, mutakhir ini, arus modenisasi menderaskan lagi pembangunan negara. Pelbagai projek sosioekonomi dijalankan dengan begitu rancak namun secara tidak sedar alam sekitar sudah terjejas. Kita sebenarnya tersepit antara keinginan menjadi sebuah negara maju dengan alam sekitar yang perlu dipelihara, bak kata peribahasa ditelan mati mak, diluah mati bapa. Sebagai masyarakat yang bertanggungjawab, kita seharusnya mensyukuri nikmat pemberian Tuhan yang amat berharga ini. Oleh itu, langkah-langkah bersama yang pragmatik dan proaktif perlu diambil untuk memelihara alam sekitar.

### Aktiviti Tanaman Pokok

Salah satu langkah yang efektif dalam penjagaan alam sekitar adalah dengan menggalakkan tanaman hijau. Tanaman pokok seperti pokok-pokok bunga dan sayur-sayuran sangat berguna dalam kehidupan manusia. Kepentingan pokok terhadap alam sekitar umpama aur dengan tebing iaitu saling memerlukan. Sebagai contohnya, pihak ibu bapa atau pihak sekolah boleh menggalakkan aktiviti penanaman pokok seperti pokok-pokok bunga di kawasan persekitaran untuk menyahut seruan atau menyokong kempen penanaman pokok yang dijalankan pihak kerajaan bagi memulihara alam sekitar. Kesannya, alam sekitar yang hijau dapat memberikan udara yang nyaman dan segar kepada penghuninya sekali gus dapat menghijaukan

alam sekitar. Tegasnya, galakan dalam aktiviti penanaman pokok dapat menjaga alam sekitar kita daripada tercemar.

### Penjagaan kebersihan sungai

Selain itu, penjagaan kebersihan sungai juga salah satu cara menjaga alam sekitar. Usaha ini penting kerana sungai sungai merupakan nadi kehidupan kita kerana sungai merupakan sumber bekalan air yang utama kepada manusia dan haiwan. Untuk memastikan sungai terpelihara daripada sebarang aktiviti pencemaran, semua anggota masyarakat perlulah melibatkan diri secara aktif dan kolektif dalam menjayakan Kempen Cintai Sungai Kita yang dianjurkan oleh pihak berautoriti.

Aktiviti membersihkan sungai perlulah dijalankan secara berkala dan bukannya hangat-hangat tahi ayam. Masyarakat juga perlulah mengelakkan tabiat membuang sampah ke dalam sungai kerana perbuatan terkutuk itu akan mendatangkan kemudaratan kepada semua makhluk Tuhan.

Kesannya, sungai yang bersih dapat menjamin kesihatan yang baik di samping dapat menjaga alam sekitar daripada berlakunya bencana alam seperti banjir kilat. Izharlah bahawa pemeliharaan alam sekitar dapat dicapai melalui kerjasama menjaga kebersihan sungai.

### Amalan kitar semula

Seperkara lagi, langkah yang juga praktikal ialah semua rakyat perlu mengamalkan kitar semula barang terpakai. Program kitar semula memainkan peranan yang penting bagi pengurusan alam sekitar dan sumber semula jadi yang mapan. Sebanyak 40 peratus sampah sarap seperti tin, besi buruk, botol, kertas dan barang plastik boleh dikitar semula. Contohnya, jika kertas dapat dikitar semula secara maksimum kita dapat mengurangkan 4,360 tan sampah sehari yang bersamaan 78,000 batang pokok. Impaknya, kita dapat menyelamatkan alam sekitar seperti pokok dan dapat pula mengurangkan kos sumber tenaga serta menambah pendapatan keluarga. Hal ini dikatakan sambil menyelam minum air. Pendek kata, amalan kitar semula yang dipraktikkan oleh semua rakyat Malaysia dapat memelihara alam sekitar di negara kita.

### Peranan Kerajaan tentang alam sekitar

Kerajaan memainkan peranan yang penting dalam pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar. Tindakan yang tegas haruslah diambil untuk memastikan masalah pencemaran alam sekitar dapat dibendung segera. Undang-undang yang ketat boleh diwujudkan oleh kerajaan dengan mengawal dan mengecilkan had jumlah bahan pencemar yang boleh dilepaskan terhadap alam sekitar oleh kilang-kilang industri. Setiap industri pencemar harus memastikan jumlah pencemaran yang dilepaskan tidak melebihi piawaian yang ditetapkan.

Seterusnya, kerajaan boleh menggalakkan kilang-kilang industri menggunakan peralatan kawalan pencemaran yang canggih dan mesra kepada alam sekitar. Kerajaan boleh memperkenalkan subsidi atau pemberian geran bagi peralatan tersebut. Kaedah ini dapat menggalakkan firma-firma supaya melabur dalam industri yang tidak mengancam alam sekitar. Sebaliknya, cukai ataupun denda yang tinggi harus dikenakan terhadap industri yang tidak mematuhi piawaian dan menyebabkan pencemaran.

#### Penutup Karangan alam sekitar

Sebagai intihanya, pemeliharaan alam sekitar dapat dilaksanakan dengan pelbagai langkah yang diambil oleh pelbagai pihak kerana memelihara alam sekitar merupakan tanggungjawab bersama. Sesungguhnya alam sekitar ini merupakan harta paling berharga yang perlu dijaga kepentingannya. Oleh itu, semua pihak perlu bersendel bahu dan bergabung tenaga ibarat ke bukit sama didaki, ke lurah sama dituruni untuk memikul amanah menjaga dan memelihara alam sekitar kita.

Hal ini bersesuaian dengan pesanan Mantan Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tan Sri Joseph Kurup yang menyeru semua pihak tanpa mengira umur, sektor swasta atau kerajaan perlu bekerjasama bagai aur dengan tebing bagi memelihara dan memulihara alam sekitar yang semakin terancam pada hari ini sehingga menyebabkan banjir, tanah runtuh dan pelbagai bencana alam yang lain. Diharapkan komitmen jitu daripada pelbagai pihak dapat melestarikan keindahan alam sekitar yang menjadi platform kepada kesihatan rakyat di negara kita. Hal ini bersesuaian dengan cogan kata ‘Negara Bersih, Rakyat Sihat’.

## **2. BAHAGIAN B : LANGKAH-LANGKAH UNTUK MENCEGAH WABAK COVID-19 DARIPADA MEREBAK**

PENYAKIT paling kritikal diperkatakan di seluruh negara dan dunia ialah wabak COVID-19 yang mula dikesan di Wuhan, China sekitar pertengahan Disember tahun lalu. Namun, penyakit ini mula menjadi isu paling serius di negara ini ekoran gelombang keduanya yang turut mencatatkan dua kematian pada hari 17 Mac lalu. Disebabkan kritikalnya wabak itu, kerajaan mengambil tindakan dengan mengisytiharkan Perintah Kawalan Pergerakan selama 14 hari bermula 18 Mac lalu sehingga 31 Mac ini bagi membendungnya daripada terus merebak. Namun, tanpa memahami tujuan sebenar Perintah Kawalan Pergerakan, ia ‘disalah guna’ apabila ada menganggap kerajaan memberi ‘cuti’ kepada rakyat.

Tidak kurang dengan itu, doktor dan jururawat tidak henti-henti merayu supaya masyarakat dapat membantu dengan tidak menambah bilangan kes di hospital. Pihak media sama ada melalui radio, televisyen, akhbar dan media sosial sudah memainkan peranan masing-masing untuk membantu kerajaan dalam menwar-warkan kempen ‘stay at home’ demi untuk mengurangkan penambahan kes positif jangkitan COVID-19.

Namun, dimanakah peranan dan tanggungjawab kita sebagai rakyat bagi membantu dalam membasmi penularan wabak COVID-19 ini? Kerajaan hanya mengarahkan rakyat untuk kekal berada di rumah masing-masing dan mengurangkan pergerakan selama 14 hari sahaja, selain menjaga kebersihan diri sebagai langkah pencegahan. Perkara begitu mudah mengapa sukar untuk rakyat fahami dan ikuti arahannya? Masih ada segelintir rakyat yang membuka gerai untuk jualan, bersukan dan bersiar-siar. Di manakah peranan kita sebagai rakyat yang prihatin bagi menyokong tindakan kerajaan dalam membasmi virus ini? Jangan bersikap pentingkan diri kerana kita fikir sihat tetapi tanpa sedar kita pembawa kepada virus itu.

**Pertama: Lakukan Saringan**

Sila datang dan membuat saringan kesihatan secara percuma di pusat kesihatan tanpa perlu dicari. Bantulah kerajaan dengan tampil secara sukarela dan menjalani pemeriksaan saringan yang ditetapkan terutama

kepada mereka yang pergi ke perhimpunan ijtimak tabligh di Masjid Seri Petaling.

#### Kedua: Kuarantin diri

Sekiranya anda baru pulang daripada mana-mana negara terutamanya China, Korea Selatan, Itali, Jepun dan Iran, anda dinasihatkan untuk melaporkan kepada pusat kesihatan dan melakukan kuarantin diri selama 14 hari berturut-turut. Sila rujuk ke klinik atau hospital terdekat sekiranya anda mendapat gejala seperti batuk, demam, selsema, sakit tekak dan kesukaran untuk bernafas.

#### Ketiga: Memakai topeng muka

Sekiranya anda tidak sihat seperti batuk atau selsema, pakailah topeng muka dan segeralah mendapatkan rawatan di klinik atau hospital. Jangan menggunakan topeng muka yang sama berulang-ulang kali, sebaiknya keraplah menukar topeng muka dari masa ke semasa.

#### Keempat: Kekal berada di dalam rumah atau ‘Stay at Home’

Dengan kekal berada di rumah dapat menghindarkan diri kita daripada dijangkiti virus COVID-19. Inilah masa terbaik untuk meluangkan masa yang berkualiti bersama keluarga. Ibu bapa boleh menjadi kreatif dengan melakukan pelbagai aktiviti bersama anak-anak seperti membersihkan rumah, bertukang, memasak, berkebun dan bersukan yang bersifat dalaman dan tidak perlu keluar.

#### Kelima: Tingkatkan kebersihan diri dan kawasan rumah

Sentiasa mengutamakan kebersihan diri seperti kerap mandi dan kerap mencuci tangan dengan betul menggunakan sabun atau menggunakan bahan pencuci tangan (hand sanitizer). Selain itu, disinfeksi kawasan rumah juga sangat digalakkan untuk membasmi virus.

Campurkan satu penutup peluntur dan sembilan penutup air sahaja dan mula disinfeksi tempat yang kerap disentuh seperti tombol pintu, suis lampu, telefon, alat kawalan, kepala paip dan pintu peti ais.

#### Keenam: Jaga jarak 1 meter

Sekiranya memerlukan anda untuk keluar seperti membeli barang atau ke tempat kerja atas urusan yang tidak dapat dielakkan, pastikan anda menjaga jarak satu meter supaya tidak bersentuhan.

Selain itu, kita juga digalakkan untuk menjaga kesihatan dengan baik seperti makan makanan yang berkhasiat dan melakukan senaman ringkas di dalam rumah. Alternatif lain aktiviti yang boleh dirancang semasa Perintah Kawalan Pergerakan ini adalah seperti mengisi masa dengan aktiviti keagamaan seperti berdoa dan membaca kitab.

Kerajaan sudah memainkan peranan mereka untuk membasmi virus COVID-19 dengan seriusnya, maka marilah kita menyokong usaha kerajaan untuk memulihkan keadaan supaya boleh kembali kepada sedia kala dengan hanya kekal berada di rumah selama 14 hari sahaja.

Diharapkan dalam tempoh ini, negara kita akan pulih dan wabak ini boleh dikawal. Bayangkan kita akan berpuasa tidak lama lagi, bagaimana rutin berpuasa di siang hari dalam keadaan tidak selamat dan bagaimana pula hendak berterawih pada malam hari sedangkan masjid ditutup seperti sekarang. Bayangkan juga bagaimana kita bakal menyambut Hari Raya Aidilfitri sekiranya wabak ini masih tidak ditangani dengan baik. Tiada kemeriahian dan kunjung mengunjungi antara satu sama lain dan kita semua kekal berada di dalam rumah semasa Hari Raya.

### **3. BAHAGIAN B : KEBAIKAN-KEBAIKAN MEMPELAJARI KARYA SASTERA**

Saidina Abu Bakar pernah berkata : Terdengar Saidina Abu Bakar akan ucapan Nabi Muhammad: Barangsiapa yang menuntut walau satu bab ilmu sahaja pun, nescaya Allah menjanjikannya sehelai selendang kemuliaan.

Berdasarkan kata-kata di atas, jelaslah bahawa kita perlu menuntut ilmu. Untuk menuntut ilmu, kita perlu membaca. Frasa menuntut ilmu bukan mengongkong masyarakat kita dengan hanya membaca bahan-bahan berkaitan pendidikan dan pembelajaran bahkan juga berkaitan ilmu kehidupan sebagaimana yang terkandung dalam karya sastera yang terbahagi kepada

beberapa genre seperti puisi, drama dan novel. Masyarakat kini acapkali mengatakan bahawa membaca adalah perkara yang membosankan dan hanya ulat buku yang membaca sehingga mereka yang membaca digelar, ‘budak skema’, ‘budak genius’, ‘si nerd’, dan sebagainya. Jangan salah sangka bahawa buku hanya tulisan semata-mata tanpa membawa apa-apa keindahan dan pengertian dalam kehidupan. Banyak faedah yang boleh diperoleh apabila kita membaca karya sastera.

Antara faedah apabila kita membaca karya tersebut ialah kita akan memperoleh pelbagai pengajaran yang berguna. Pengajaran ini boleh diaplikasikan dalam kehidupan seharian bukan sahaja sehari, seminggu, sebulan atau setahun bahkan berdekad lamanya. Hal ini dapat dilihat sebagaimana yang terdapat dalam novel ‘Kabus di Perbukitan’ karya Muhammad Kholid Hamzah. Watak utama dalam novel ini, Faridah memaparkan ketabahan dan kegigihannya dalam mengharungi kehidupan yang fana ini. Dia tabah menghadapi kehilangan kembarnya, ibunya dan suaminya lantas meninggalkan dirinya keseorangan di dunia. Penghijrahannya ke New Zealand membuka lembaran baru buat dirinya dimana setiap kepayahan dan kesusahan yang dialaminya selama ini dibalas dengan kebahagiaan dan kegembiraan apabila bertemu dengan Saleh Johnsons dan telah dikurniakan dua cahaya mata. Daripada kegigihan dan ketabahan Faridah, dapat kita aplikasikan dalam menjalani kehidupan yang penuh onak dan duri demi sebuah kehidupan yang akhirnya bahagia. Oleh itu, benarlah bahawa membaca karya sastera memberikan banyak faedah.

Selain itu, rasa kasih dan cinta akan bahasa ibunda kita juga dapat dipupuk apabila membaca karya-karya tersebut. Hal ini dapat dilihat dalam sajak ‘Dirgahayu Bahasaku’, dimana bahasa Melayu diagungkan dan ditinggikan martabatnya yang kini semakin hanyut ditelan arus kemodenan. Sajak ‘Dirgahayu Bahasaku’ melahirkan rasa bangga dalam diri pembaca yang bertutur dalam bahasa Melayu. Mereka yang bertutur dalam bahasa Melayu yang mantap bukan menunjukkan bahawa mereka skema atau ulat buku tetapi mereka menyayangi dan mencintai bahasa Melayu tanpa mencampuradukkan bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris atau bahasa lain sebagaimana yang dilakukan oleh anak muda kini. Oleh itu, jelaslah bahawa membaca karya

sastera boleh memupuk rasa kasih dan cinta akan bahasa Melayu kerana sesungguhnya ‘takkan Melayu hilang di dunia’.

Di samping itu, pembacaan karya sastera juga akan dapat melahirkan generasi yang bersemangat dan berani. Hal ini dapat dibuktikan apabila kita membaca drama ‘Gelanggang Tuk Wali’. Dalam drama ini, seni silat merupakan tradisi orang Melayu yang menjadi topik utama dalam perjalanan drama ini. Semangat anak muda dalam mendalami ilmu seni silat ini, menggambarkan betapa kukuh dan ampuhnya kekuatan seni ini sehingga dapat mengawal emosi dan pergerakan seorang pesilat meskipun dia telah dituduh membunuh dan kehilangan orang yang menjadi idolanya selama ini. Peristiwa ini dapat mewujudkan perasaan semangat dan berani dalam terus menjalani kehidupan yang penuh pancaroba meskipun pelbagai halangan dan rintangan terus kita hadapi. Jelaslah bahawa membaca karya sastera memberikan faedah yang baik dan hal ini perlu terus dipupuk agar rakyat negara ini terus berjaya kerana ‘bangsa membaca, bangsa berjaya’.

Seterusnya, pembacaan karya sastera akan dapat memperluas perbendaharaan kata terutamanya pelajar sekolah. Hal ini dapat dilihat daripada puisi-puisi klasik yang kini diaplikasikan dalam sukatan pelajaran Bahasa Melayu seperti ‘Syair Siti Sianah’, ‘Seloka Si Luncai’, dan lain-lain lagi. Pelbagai perkataan-perkataan baru akan dapat diteroka oleh para pelajar daripada karya-karya ini dah dapat digunakan apabila menyertai pertandingan-pertandingan anjuran Panitia Bahasa dan Sastera sempena Minggu Bahasa yang akan dianjurkan oleh setiap sekolah di seluruh Negara. Pembacaan prosa tradisional juga novel akan menambahkan perbendaharaan kata kita selain puisi. Oleh itu, benarlah bahawa membaca karya sastera memberi faedah yang baik.

Tambahan lagi, dengan pembacaan karya-karya sastera, pembaca akan dapat mengenali bakat-bakat penulis negara sekali gus turut mendorong pembaca untuk turut sama menulis justeru melahirkan masyarakat Malaysia yang berprinsip dan mempunyai falsafah hidup untuk terus berusaha demi menikmati kemanisan sebuah kejayaan. Hal ini dapat dilihat daripada kisah seorang penulis yang bernama Norhayati Berahim. Dulu, dia hanyalah seorang penulis yang menulis dan karyanya diterbitkan oleh syarikat lain. Kini, dia telah menulis dan menerbitkan sendiri karyanya. Norhayati Berahim juga turut

menerbitkan hasil tulisan penulis muda tanah air. Hal ini akan memajukan lagi industri penulisan Negara lantas melahirkan sebuah negara yang celik ilmu di samping kemajuan dan kemodenan yang dimiliki. Oleh itu, jelaslah membaca karya sastera akan melahirkan insan yang berprinsip dan berjaya.

Akhir sekali, pembaca akan dapat menimba pengalaman meskipun tidak mengalaminya sendiri. Hal ini dapat dilihat daripada novel-novel yang bertemakan persahabatan dan percintaan yang banyak di pasaran buku negara kini. Novel ini akan mengajar remaja terutamanya agar tidak salah pilih kawan dan memotivasi mereka untuk terus berjaya dalam kehidupan sebagaimana yang terdapat dalam novel ‘Meniti Mimpi’ karya Pitteriah Abdullah. Novel ini mengisahkan pertemuan dua orang sahabat dan bersama-sama dalam mengharungi onak dan duri kehidupan hingga ke akhir hayat. Oleh itu, benarlah membaca karya sastera akan memberi pengalaman kepada pembaca.

Kesimpulannya, pembacaan karya sastera bukanlah satu perkara yang membosankan sebaliknya membaca karya sastera adalah satu perkara yang mencabar dan memberi banyak faedah. Oleh itu, membacalah kerana segalanya ada dalam senaskah buku berbanding laman sesawang yang menjadi kegilaan remaja kini.

#### **4. BAHAGIAN B : *CIRI CIRI YANG PERLU ANDA MILIKI UNTUK MENJADI JURUTERBANG BERJAYA***

Beratus-ratus negara yang berbeza yang akan anda lawati, budaya yang menarik, peluang untuk bertemu orang baharu yang bercakap bahasa yang berbeza, dan gaji yang lumayan... Beberapa impian sentiasa di angkasa. Jika impian anda melebihi had dan mencapai langit, juruterbang mungkin merupakan profesion yang paling sesuai untuk anda. Banyak perjalanan dan bagus kazanDalam artikel ini, kami telah mengumpulkan perkara-perkara yang ingin tahu tentang juruterbang, yang merupakan antara profesion popular dengan tiga peluangnya, ciri-ciri yang perlu dimiliki untuk menjadi juruterbang dan apakah jenis laluan yang harus diikuti.

Ciri-ciri yang diperlukan untuk menjadi juruterbang

Bahasa asing anda harus berada pada tahap yang baik: Pertama sekali, anda mesti lulus banyak ujian Bahasa Inggeris yang sukar dalam peperiksaan. Apabila anda memutuskan untuk menjadi juruterbang dan memulakan latihan, adalah mustahak anda mempunyai tahap bahasa Inggeris yang baik. Malangnya, alternatif seperti belajar bahasa semasa pendidikan tidak sah untuk profesi ini. Kerana tidak mustahil untuk mencapai kejayaan yang diharapkan dalam peperiksaan dengan tahap Bahasa Inggeris pertengahan.

Memandu memerlukan berinteraksi dengan budaya yang sama sekali berbeza sebagai profesi. Untuk berkomunikasi dengan baik, anda mesti dapat bertutur dalam Bahasa Inggeris dengan cara yang terbaik. Walaupun bahasa global adalah bahasa Inggeris, kami mengesyorkan agar anda belajar bukan sahaja bahasa ini tetapi juga bahasa yang berbeza.

Anda mesti sentiasa memperbaiki diri: Memandu bukanlah satu profesi yang boleh dilakukan sebagai kehendak. Oleh kerana profesi anda akan menjadi gaya hidup anda, anda semestinya sangat menyukai pekerjaan ini dan sentiasa memperbaiki diri anda. Anda harus sentiasa mengemas kini peralatan teknikal yang akan anda perolehi semasa latihan, dan mengikuti inovasi dengan teliti. Di samping itu, sangat penting anda mempunyai komunikasi yang kuat dengan orang lain. Juruterbang tidak terhad untuk menggunakan pesawat dengan baik. Dalam krisis, anda perlu menjadi pengurus tekanan yang baik untuk dapat menenangkan penumpang dan menghilangkan rasa panik. Jangan lupa bahawa sikap anda akan menjadi teladan bagi seluruh pasukan dan penumpang ketika menghadapi krisis.

Anda juga harus mendapatkan maklumat yang diperlukan mengenai budaya yang berbeza. Terutama mengetahui peraturan kesopanan dari pelbagai negara dan menguasai nilai-nilai negara akan memastikan kelancaran hubungan yang akan anda jalin.

Anda mesti dapat belajar dengan cepat: Kami menyebut bahawa latihan perintis merangkumi proses yang sukar. Merintis; Ini adalah profesi yang memerlukan memori yang kuat dan kemahiran belajar yang cepat di setiap tahap dari mengetahui lokasi panel di kokpit hingga berkomunikasi dengan menara.

Juga; juruterbang mesti mengetahui pelbagai mata pelajaran semasa berlepas, mendarat dan terbang. Adalah mustahak untuk dapat menguruskan pesawat secara sistematik dan sentiasa berhubung dengan menara pada masa yang sama. Sebagai tambahan, juruterbang harus selalu waspada terhadap kemungkinan berlakunya krisis.

Disiplin dalam mengemudi adalah gaya hidup. Memandu adalah profesi yang memerlukan anda sentiasa menepati masa dalam semua aspek kehidupan anda. Ketepatan masa sebenarnya adalah ciri orang yang berdisiplin. Disiplin, dedikasi dan tanggungjawab sangat diperlukan untuk mengemudi.

Sekiranya anda menghadapi masalah dengan pengurusan masa dan telah memutuskan untuk menjadi juruterbang, kami mengesyorkan agar anda segera mendisiplinkan diri anda dalam masalah ini.

Anda harus memperuntukkan anggaran yang baik untuk latihan perintis: Proses latihan perintis sangat mahal. Latihan yang perlu anda lalui dan ujian yang harus anda lalui untuk menjadi juruterbang boleh setara dengan sedikit keuntungan. Sekiranya anda benar-benar komited dalam profesi ini, kami mengesyorkan agar anda mula mencipta keadaan kewangan. Pada ketika ini, ramai pelajar menilai pilihan pinjaman atau membuat simpanan yang serius untuk jangka masa panjang.

Bahasa Inggeris anda sebagai bahasa asing mesti berada pada tahap yang baik. Tahap Bahasa Inggeris anda akan diuji sebagai sebahagian daripada peperiksaan aplikasi.

Calon lelaki tidak boleh lebih pendek dari 1.65 cm dan calon wanita tidak boleh lebih pendek dari 1.60 cm dan tidak boleh lebih panjang dari 1.95 cm.

Calon lelaki mesti menamatkan perkhidmatan ketenteraan atau ditangguhkan selama 2 tahun pada tarikh latihan bermula.

Untuk penilaian kesihatan, pemeriksaan kesihatan harus dilakukan di hospital yang diizinkan oleh Direktorat Jeneral Penerbangan Awam.

Akhir sekali, anda tidak boleh mempunyai rekod jenayah untuk permohonan juruterbang anda.

## **KELANTAN**

### **BAHAGIAN A : PENYAKIT BERJANGKIT**

Fenomena penyakit berjangkit sudah biasa dalam kalangan masyarakat masa kini. Di Malaysia khususnya, fenomena penyakit berjangkit ini sering diuar-uarkan di media cetak, elektronik dan sebagainya. Namun begitu, masyarakat kini kurang mengambil berat terhadap amalan gaya hidup yang sihat. Oleh hal yang demikian, masyarakat akan mudah untuk dijangkiti penyakit terutamanya penyakit berjangkit yang semakin menular kebelakangan ini seperti penyakit selesema H1N1. Oleh itu, tindakan segera perlu diambil oleh masyarakat untuk mengelakkan masyarakat daripada dijangkiti penyakit berjangkit. Hal ini demikian kerana, penyakit berjangkit ini semakin menular disebabkan amalan yang kurang sihat.

Masyarakat yang tidak mengamalkan pemakanan yang seimbang akan mudah untuk dijangkiti penyakit berjangkit. Hal ini demikian kerana, pemakanan yang seimbang akan mendatangkan pelbagai jenis sumber tenaga di dalam tubuh badan kita. Sekiranya kita tidak mengamalkannya, antibodi yang terdapat di dalam badan akan menjadi lemah, kurangnya zat di dalam tubuh badan dan sebagainya. Hal yang sedemikian akan menyebabkan kita mudah untuk dijangkiti penyakit berjangkit disebabkan antibodi atau ketahanan diri yang lemah untuk melawan penyakit tersebut. Oleh hal yang demikian, langkah yang proaktif perlulah diambil oleh masyarakat untuk mengatasi masalah penyakit berjangkit ini daripada dijangkiti, bak kata pepatah, "Mencegah lebih baik daripada mengubati".

Selain itu, masyarakat juga kurang menjaga kebersihan diri dan juga persekitaran. Hal yang sedemikian akan menyebabkan seseorang itu mudah untuk dijangkiti oleh penyakit berjangkit ini. Dengan persekitaran yang kotor, seseorang akan mudah dijangkiti oleh penyakit berjangkit ini. Sebagai contohnya, apabila seseorang itu memegang tombol pintu, kemudian tanpa membasuh tangan lalu makan, sudah tentu seseorang itu akan mendapat penyakit kerana tombol pintu tersebut mengandungi kuman yang dibawa oleh orang lain. Oleh hal yang demikian, langkah untuk membasuh tangan perlulah diperaktikkan oleh semua anggota masyarakat untuk mengelakkannya daripada dijangkiti oleh penyakit. Hal ini bersesuaian dengan peribahasa Melayu, "Jangan sudah terhantuk baru nak tengadah".

Hubungan sosial tanpa sekatan turut juga menyumbang kepada penularan fenomena penyakit berjangkit yang berteraskan kurangnya amalan gaya hidup sihat. Hubungan seks yang dilakukan oleh segelintir masyarakat akan menyebabkan virus HIV tersebar. Hal ini berlaku demikian kerana, tanpa pemakaian alat pencegahan seperti kondom, virus tersebut akan tersebar melalui alat sulit mereka. Hal yang sama juga berlaku seperti penggunaan atau perkongsian jarum suntikan untuk dadah. Amalan tersebut akan menyebabkan seseorang itu akan dijangkiti virus HIV dan seterusnya menghidap AIDS. Oleh itu, langkah yang bijak perlulah diambil oleh semua anggota masyarakat supaya dapat mengatasinya, bak kata pepatah, "Sediakan payung sebelum hujan".

Selain itu, kurang kesedaran daripada masyarakat turut menyebabkan penularan fenomena ini. Masyarakat pada masa kini terlalu mengejar kemewahan dengan mengumpul harta dunia sehingga kurang mengambil tahu terhadap isu semasa pada masa ini. Masyarakat jenis ini terlalu mementingkan diri mereka sendiri serta hidup di dalam dunianya sendiri. Kebanyakan daripada mereka ini tidak mengetahui isu semasa yang berkaitan dengan virus H1N1 yang mementingkan penjagaan kebersihan diri dan mengelakkan mereka daripada pergi ke luar negara untuk mengelakkan diri mereka daripada dijangkiti oleh virus tersebut. Namun begitu, segelintir daripada mereka terlalu mementingkan diri sendiri sehingga melanggar larangan tersebut. Apabila sudah dijangkiti barulah hendak menyesal, bak kata pepatah, "Nasi sudah menjadi bubur".

Pihak Kementerian Kesihatan Malaysia telah menyarankan supaya sesiapa yang disyaki dijangkiti penyakit virus H1N1 supaya dikuarantin bagi mengelakkan virus tersebut daripada merebak. Namun begitu, masyarakat kini keras kepala sehingga mengancam nyawa orang lain. Perbuatan yang sedemikian telah membantu penyebaran virus tersebut sehingga sukar untuk dikawal oleh pihak berkuasa kesihatan. Langkah yang diambil seperti mengadakan kuarantin seperti yang disarankan oleh pihak berkuasa bertujuan untuk menjaga kepentingan orang lain serta mengawal mereka daripada terus menyebarkan virus tersebut dengan lebih cepat.

Oleh hal yang demikian, penularan wabak penyakit berjangkit ini memang disebabkan oleh kurangnya amalan gaya hidup yang sihat oleh masyarakat. Jadi, langkah yang proaktif perlulah diambil oleh pihak kerajaan dan bukan kerajaan dengan cara yang lebih efektif seperti mempertingkat kempen-kempen kesedaran. Selain itu, pihak sekolah juga turut memainkan peranan yang penting untuk memberikan input mengenai penyakit berjangkit ini kepada para pelajar. Sekiranya langkah ini tidak diambil, nescaya masyarakat akan menjadi mangsa kepada ancaman penyakit berjangkit ini. Oleh itu, kita perlulah bersiap sedia untuk menghadapinya dan hal ini bersesuaian dengan peribahasa Melayu, "Sediakan payung sebelum hujan".



## **1. BAHAGIAN B : FAEDAH MEMBACA**

Kempen-kempen untuk memberikan kesedaran kepada rakyat tentang kebaikan membaca perlu diteruskan dan dipelbagaikan kerana banyak kebaikannya. Bincangkan kebaikan membaca kepada semua lapisan masyarakat terutamanya golongan remaja.

Pada era globalisasi ini, pendidikan dalam semua lapisan masyarakat semakin penting dan diutamakan. Walaupun pelbagai usaha telah dilakukan oleh pihak berkuasa dalam memupuk amalan membaca namun, budaya membaca dalam masyarakat masih rendah lagi. Melalui pembacaan, seseorang dapat memperoleh pelbagai ilmu pengetahuan yang secara tidak langsung dapat membantu memajukan negara. Dengan ini, isu budaya membaca dalam kalangan masyarakat tidak boleh dipandang ringan. Jika budaya tersebut dibiarkan begitu sahaja hasrat masyarakat untuk

menjadikan negara kita negara maju pasti akan terganggu. Pengamalan budaya membaca dalam kalangan masyarakat akan mendatangkan pelbagai faedah terhadap diri kita. Oleh itu, semua lapisan masyarakat haruslah berusaha mengamalkan budaya membaca kerana Membaca Jambatan Ilmu.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa dengan membaca, seseorang akan dapat menambahkan ilmu pengetahuan. Hal ini kerana terdapat berbagai bagai maklumat termasuk isu semasa dan pengetahuan tentang kehidupan harian yang terdapat di dalam buku, majalah dan surat khabar. Terdapat banyak bahan bacaan telah dipasarkan di pasaran. Ibu bapa haruslah sanggup membelikan bahan bacaan yang sesuai untuk anak-anak dan diri sendiri. Dengan membaca, seseorang dapat meneroka pelbagai ilmu yang dapat dimanfaatkan untuk mencapai kejayaan kerana Bangsa Membaca Bangsa Berjaya. Sewajarnya masyarakat rajin berusaha dalam memupuk amalan membaca dan seterusnya menjayakan kempen-kempen yang telah dianjurkan oleh kerajaan tentang amalan membaca. Pembacaan yang luas juga dapat memupuk nilai-nilai murni dalam diri seseorang. Oleh itu, masyarakat hendaklah rajin membaca supaya dapat menambahkan ilmu pengetahuan.

Selain itu, membaca akan membantu menambahkan perbendaharaan kata yang kita miliki. Hal ini kerana dengan membaca kita akan menemukan pelbagai jenis perkataan baharu. Jika kita membaca bahan bacaan yang berkaitan dengan bidang Sains kita akan mengenali lebih banyak istilah atau kosa kata baharu dalam bidang berkenaan seperti Anemia dan X-ray. Malah, apabila seseorang telah mengenali banyak perbendaharaan kata, mereka akan dapat bertutur dengan lancar dalam bahasa berkenaan. Individu itu juga akan dapat menguasai sesuatu bahasa dengan mudah. Penguasaan perbendaharaan kata sangat berguna dalam menongkah arus globalisasi kini. Persaingan antara masyarakat dalam pelbagai disiplin ilmu juga akan menjadi lebih mudah. Dengan ini, kita haruslah rajin membaca supaya dapat menambahkan perbendaharaan kata dalam minda kita.

Tambahan pula, budaya membaca dapat membantu pelajar lulus dengan keputusan yang cemerlang. Hal ini demikian kerana pembacaan bahan bacaan yang banyak dapat menambahkan pengetahuan tentang sesuatu mata pelajaran. Terdapat juga mata pelajaran tertentu yang memerlukan

pembacaan yang banyak. Sebagai contoh, Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Sejarah. Mata pelajaran tersebut memerlukan pembacaan yang luas kerana kita akan dapat maklumat atau isu semasa yang amat berguna dalam penulisan eseи. Pembacaan boleh dilakukan di perpustakaan mahupun di rumah. Dengan ini, perpustakaan hendaklah dinaik taraf dengan kemudahan yang lebih selesa seperti meja, kerusi, penghawa dingin dan kemudahan ICT supaya pelajar-pelajar dapat menjalankan pembacaan mereka dalam keadaan yang kondusif. Secara eksplisit, pelajar akan mengingati lebih banyak ilmu pengetahuan daripada bahan bacaan tersebut. Pelajar yang cemerlang adalah pelajar yang rajin membaca. Oleh itu, semua pelajar hendaklah menjadikan tabiat membaca sebagai rutin harian agar mendapat keputusan yang cemerlang.

Membaca juga dapat memenuhi masa lapang kita. Masa lapang ialah masa senggang antara dua pekerjaan. Masa lapang perlu diisi dengan perkara yang berfaedah. Kita boleh menjadikan amalan membaca sebagai hobi kita. Selain membaca, kita boleh menjadikan perkara lain sebagai hobi sekiranya perkara itu berfaedah. Terdapat 24 jam diperuntukkan kepada seseorang, namun masa yang singkat itu sememangnya tidak cukup untuk kita melaksanakan pelbagai aktiviti. Dengan ini, kita haruslah menggunakan masa lapang dengan efisien kerana masa itu emas. Sekiranya seseorang itu tidak mempunyai masa untuk membaca, mereka boleh membaca ketika menunggu bas. Oleh itu, sebagai insan yang begitu mengutamakan masa mereka seharusnya mengisi masa dengan amalan membaca.

Di samping itu, budaya membaca dapat membantu memajukan negara. Hal ini demikian kerana tokoh-tokoh yang pakar dalam bidang tertentu dapat membantu meningkatkan ekonomi negara kita. Lanjutan itu, negara kita dapat membangun dengan pesat. Kemajuan dalam bidang sains dan teknologi telah menyebabkan banyak ciptaan baharu direka. Sebagai contoh, Negara Jepun yang maju dalam bidang sains dan teknologi telah mencipta pelbagai jenis barang yang berfungsi secara automatik. Membaca akan menambahkan ilmu pengetahuan kita dan ilmu-ilmu yang diperoleh ini bolehlah digunakan dalam memajukan sektor-sektor tertentu seperti sektor pelancongan. Apabila sektor-sektor dibangunkan, ekonomi negara kita akan pesat membangun seperti Cendawan Tumbuh Selepas

Hujan. Secara umumnya, negara kita akan layak bersaing dengan negara maju yang lain. Kemajuan negara pula perlu disusuli dengan budaya menulis buku. Oleh itu, kita hendaklah rajin membaca supaya tanah air kita dapat dibangunkan dan dimajukan. Malah, kita dapat hidup dalam keadaan yang lebih baik.

Kesimpulannya, budaya membaca banyak mempunyai faedah kepada individu mahupun negara. Melalui membaca kita akan dapat menambahkan ilmu pengetahuan kita. Ilmu pengetahuan yang diperoleh itu bukan sahaja dapat membantu seseorang mendapat keputusan yang cemerlang malah dapat memajukan negara. Walaupun pada hari ini pelbagai prakarsa telah dilaksanakan untuk memupuk amalan membaca namun, usaha tersebut diumpamakan hujan jatuh ke pasir. Ibu bapa mempunyai tanggungjawab yang besar dalam memupuk budaya membaca. Hal ini disebabkan budaya membaca perlu dipupuk sejak anak-anak kecil lagi kerana Melentur Buluh Biarlah dari Rebungnya. Ibu bapa juga bertanggungjawab menjadi suri teladan kepada anak-anak dengan banyak membaca buku. Selain itu, pihak kerajaan perlu menyediakan pelbagai kemudahan seperti perpustakaan supaya kita dapat membaca dengan selesa. Kempen-kempen membaca juga perlu dipergiat. Jika usaha-usaha memupuk budaya membaca giat dijalankan, negara Malaysia pasti akan menjadi negara yang maju. Oleh itu, semua orang wajiblah membaca dan berusaha meningkatkan budaya membaca agar masyarakat yang celik ilmu dapat dilahirkan.

## **2. BAHAGIAN B : KESAN PENGGUNAAN TELEFON BIMBIT KEPADA GOLONGAN REMAJA**

Alexander Graham Bell merupakan insan yang bertanggungjawab mencipta alat telekomunikasi yang dinamakan sebagai telefon. Ciptaan beliau ini telah dimajukan dan dimodenkan melaui penciptaan telefon bimbit atau dikenali juga sebagai telefor selular. Dalam era yang serba canggih dengan kemajuan sains dan teknologi, telefon bimbit adalah satu kemestian untuk dimiliki oleh semua orang terutamanya pelajar zaman sekarang. Telefon bimbit merupakan satu alat komunikasi yang sangat popular dan semakin meluas dengan kecanggihannya tanpa mengira harganya. Hal ini kerana pelajar zaman sekarang mampu untuk mendapatkan atau memiliki telefon

bimbit yang canggih dengan teknologi sekarang. Terdapat pelbagai jenama telefon bimbit di pasaran di negara kita seperti telefon bimbit jenama nokia, samsung, iphone, blackberry dan lain-lain. Jika diperhalusi, penggunaan telefon bimbit dalam kalangan pelajar ini mendatangkan implikasi yang pelbagai kepada para pelajar. Hal ini dikatakan demikian kerana telefon bimbit dapat memberikan impak negatif terhadap penggunanya terutama kepada para pelajar.

Salah satu kesan negatifnya ialah penyalahgunaan telefon bimbit dapat menjejaskan prestasi akademik dalam kalangan pelajar semakin merosot. Hal ini memanglah serius kerana pendidikan merupakan teras kekuatan masyarakat supaya mampu berdaya saing dengan pasaran global pada era globalisasi yang pantas berubah. Misalnya, pelajar telah mengabaikan pelajaran mereka kerana fokus pelajar semasa waktu pengajaran dan pembelajaran telah berkurang. Menurut kajian, rata-rata generasi muda menggunakan aplikasi dalam telefon pintar untuk melayari laman sembang dan aplikasi permainan maya sehingga ketagihan. Secara implisit, prestasi akademik pelajar akan merosot kerana kekurangan inisiatif dan semangat yang membara bagi hilang kapak berganti beliung selepas ketagihan dalam perisian telefon bimbit yang semakin canggih. Jelaslah bahawa ketagihan penggunaan telefon bimbit dalam kalangan pelajar akan menjaskankan prestasi akademik mereka.

Jika ditinjau dari pandangan perancangan masa, pelajar yang menggunakan telefon bimbit tanpa batasan telah mensia-siakan masa hadapan mereka. Pengurusan masa memanglah penting untuk membentuk sahsiah diri yang berdisiplin dan mempunyai sikap yang menghargai setiap detik yang dikurniai oleh Tuhan. Masa bagi mata pedang yang akan memancung kita jika tidak dimanfaatkan dengan bijak. Jadi, usia remaja perlulah diisi dengan sebaik-baiknya dalam aktiviti yang berfaedah dan bukannya menghabiskan masa berkualiti mereka dengan menatap skrin telefon bimbit. Menurut tinjauan terkini, generasi muda telah menghabiskan sekurang-kurangnya 19 jam seminggu dalam penggunaan peranti mewah seperti telefon pintar, tablet dan sebagainya. Ironinya, pelajar kini lebih cenderung membazirkan masa untuk menghantar khidmat pesanan ringkas(SMS), bersempang dalam talian dan bermain permainan maya yang tidak membawa manfaat

dari segi perkembangan jiwa dan minda. Jadi, pengurusan masa penting kerana semakin lama kita melayani perkara yang membazir, semakin jauhlah kita dihanyutkan oleh ilusi tanpa realiti. Izharnya, penyalahgunaan telefon bimbit akan membazir masa dan usia, bak seratus tahun bah melanda kapar tetap tidak berlalu.

Akhir sekali dan tidak kurang pentingnya, penggunaan telefon bimbit dapat memudaratkan kesihatan pelajar. Akibat perkembangan arus perdana tanpa batasan, pelajar kini semakin pasif dalam pergerakan fizikal dan mental. Kebanyakan masa telah dihabiskan di depan telefon bimbit atau tablet kerana tidak ingin ketinggalan dalam arus globalisasi yang pantas bergolek. Natijahnya, kadar metabolisme yang rendah akan mengganggu sistem peredaran darah dan proses perkumuhan. Pada era atom ini, kadar radioaktif atau ultraungu telah menjelaskan penglihatan pelajar. Mengikut kajian, masalah penyakit dalam kalangan pelajar seperti penyakit lelah, asma, penyakit mata dan telinga semakin kronik dan seakan-akan tiada penghujung. Mengikut kajian terbaru daripada 31 saintis daripada 14 negara-negara maju termasuk Amerika Syarikat, penggunaan telefon bimbit yang berlebihan dapat mendatangkan penyakit barah otak. Hal ini kerana gelombang elektromagnet yang terhasil daripada telefon bimbit apabila terkena pada sel-sel otak untuk masa yang berlarutan akan menyebabkan mutasi genetik terhadap sel-sel otak tersebut dan seterusnya menyebabkan kanser otak. Jika hal ini berlaku sudah pasti pelajaran dan masa hadapan pelajar akan terjejas kerana tidak dapat hadir ke sekolah seperti pelajar yang tiada masalah kesihatan. Pendek kata, penggunaan telefon bimbit yang terlampau oleh para pelajar akan menjelaskan tahap kesihatan mereka.

Sebagai penghias penutup bicara, para pelajar akan menerima kesan negatif daripada penggunaan telefon bimbit jika tidak digunakan secara berhati-hati. Jika tidak digunakan untuk kebaikan, perkara ini mampu merosakkan masa depan dan fikiran pelajar itu sendiri. Sewajarnya para pelajar yang merupakan tonggak negara pada masa hadapan lebih bijak dalam memikirkan pro dan kontra sesuatu perkara sebelum dilakukan bak peribahasa tepuk dada tanyalah selera. Oleh itu, para pelajar perlu bijak menggunakan apa-apa sahaja gajet atau alat yang dicipta dalam dunia

serba canggih ini dengan cara yang betul. Ibu bapa juga perlu menyelamatkan para pelajar daripada ketagih kepada telefon bimbit. Memandangkan penggunaan telefon bimbit dalam kalangan pelajar lebih mengarah kepada status dan bukannya satu keperluan, ibu bapa berhak mengawal penggunaan telefon bimbit. Jika tidak, pelbagai masalah yang tidak diingini akan wujud sebaik sahaja pelajar yang belum keras ubun-ubunnya mula menggunakan telefon bimbitnya. Kita sebagai manusia sepatutnya menjadi tuan kepada alat teknologi dan bukanlah sebaliknya. Diharapkan usaha untuk melahirkan generasi muda yang cemerlang, gemilang dan terbilang di negara kita dalam pelbagai aspek dapat direalisasikan.

### **3. BAHAGIAN B : KEPENTINGAN LATIHAN TEKNIKAL SERTA VOKASIONAL (TVET)**

Dalam menongkah arus perdana globalisasi, liberalisasi dan dunia tanpa sempadan pada hari ini, tidak dapat dinafikan bahawa negara kita turut ke arah modenisasi. Malaysia kian mengorak langkah dalam mengharungi arus pembangunan yang kian menderas. Kendatipun begitu, kita acap kali tersentak dengan polemik yang melanda negara berkaitan dengan golongan belia sehingga menjadi buah mulut masyarakat tempatan iaitu mengenai isu pendidikan akademik mereka yang tidak mencapai tahap yang memuaskan. Isu ini telah menimbulkan kebimbangan di hati masyarakat tentang masa hadapan negara kelak yang bakal dipertanggungjawabkan kepada golongan ini. Oleh itu, bagi menjenihkan air yang keruh, kerajaan telah memperkenalkan Pendidikan Teknik dan Vokasional bagi menampung semula kekurangan yang sedia ada ini dan seterusnya menyelesaikan masalah dalam kalangan belia sendiri. Pendidikan Teknik dan Vokasional yang merupakan salah satu cabang sistem pendidikan yang berlandaskan industri untuk melatih individu dalam kemahiran tertentu seperti bidang automatif, animasi dan hospitaliti. Namun begitu, rakyat Malaysia seringkali memandang rendah terhadap mereka yang berkecimpung dalam aliran pendidikan perindustrian ini. Oleh hal yang demikian, kepentingan pendidikan teknik dan vokasional hendaklah dibincangkan untuk kemaslahatan kita bersama.

Kepentingan Technical and Vocational Education and Training (TVET) atau dalam bahasa melayunya dikenali sebagai Pendidikan Teknik dan Vokasional adalah melahirkan individu yang mahir dalam pelbagai kemahiran teknikal. Hal ini dikatakan demikian kerana TVET melengkapi setiap individu dengan ilmu pengetahuan bukan sahaja dalam bidang akademik tetapi juga ilmu kemahiran teknikal dalam pengendalian sesuatu peralatan. Ilmu kemahiran teknikal adalah seperti pertukangan, elektronik, pateri, automotif, amalan bengkel mesin, kimpalan dan fabrikasi logam. Kemahiran teknikal mampu dimafaatkan oleh individu tersebut di mana jua mereka berada. Tambahan pula, TVET adalah bidang pembelajaran yang bukan sahaja tertumpu kepada mereka yang cemerlang dalam akademik sahaja tetapi juga kepada semua individu yang meminati bidang kemahiran teknikal. Oleh sebab itu, lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang mendapat keputusan yang kurang menyerlah dalam peperiksaan awam itu tidak perlulah risau dan berputus asa menghadapi liku-liku kehidupan. Bagi menebus silap yang lama, mereka perlulah mengambil peluang dalam bidang TVET ini untuk melengkapkan diri dengan ilmu kemahiran yang berguna sepanjang hayat kerana di mana ada kemahuan, di situ ada jalan.

Selain itu, Pendidikan Teknik dan Vokasional juga penting untuk menjana individu yang mempunyai ilmu pengetahuan yang luas dalam bidang yang pelbagai. Individu yang berkecimpung dalam TVET akan memperoleh input baharu yang tidak diketahui semua orang. Input-input baharu ini akan menjadi nilai tambah bagi individu untuk menambah baik kualiti diri serta masyarakat. Pengetahuan baru ini adalah seperti mengetahui proses-proses kemahiran yang perlu dilakukan bagi mengendali sesuatu mesin atau proses dalam pemasangan sesuatu peralatan. Kemahiran yang dapat dipelajari adalah pengetahuan tentang sistem pendawaian yang mana merupakan sistem yang membekalkan elektrik kepada sesuatu bangunan. Oleh hal yang demikian, individu yang mendaftar sebagai pelajar Kolej Vokasional atau alma mater yang menumpukan dalam pengajian teknik dan vokasional akan memperoleh pengetahuan tentang aspek kemahiran teknikal jika dibandingkan dengan sekolah-sekolah biasa yang mempunyai skop kurikulum yang berbeza. Namun begitu, Pendidikan Teknik dan Vokasional bukanlah hanya tertumpu pada pendidikan secara formal semata-mata tetapi juga boleh dipelajari secara tidak formal dengan adanya kecanggihan

teknologi pada hari ini. Oleh hal yang demikian, tidak dapat dinafikan lagi bahawa Pendidikan Teknik dan Vokasional mampu melahirkan individu yang berkemahiran tinggi serta kompeten.

Seperti yang diketahui umum, negara kita mempunyai lambakan pekerja asing yang mengisi ruang pekerjaan yang sepatutnya disediakan kepada rakyat jelata. Mengapakan perkara ini terjadi? Permasalahan ini adalah sangat bertepatan dengan kepentingan Pendidikan Teknik dan Vokasional yang seterusnya iaitu kebolehupayaan individu yang mempunyai pendidikan TVET untuk memenuhi peluang pekerjaan di negara Malaysia. Negara kita memerlukan lebih ramai sumber tenaga kerja untuk memastikan pengeluaran produk-produk secara berterusan. Namun begitu, bilangan pekerja mahir adalah kurang dan tidak mencukupi. Anak muda sepatutnya berganding bahu untuk menjadi pekerja mahir dalam membantu ekonomi negara. Akan tetapi, bagi menunggu ayam jantan bertelur, golongan belia lebih tertumpu pada aliran akademik yang berlandaskan pembelajaran dalam kelas semata-mata dan kurang berminat terhadap TVET. Bagi menangkis perspektif negatif terhadap Pendidikan Teknik dan Vokasional yang dianggap tidak penting ini, pelbagai pihak seperti pihak kerajaan dan ibu bapa haruslah memainkan peranan dengan mendorong anak-anak remaja dalam bidang TVET demi memperbanyakkan produk pengeluaran Malaysia. Tuntasnya, kebolehupayaan bagi individu yang mengikuti kursus dalam Pendidikan Teknik dan Vokasional untuk memenuhi pasaran negara tidak dapat disangkal lagi.

Beralih pada signifikansi Pendidikan Teknik dan Vokasional yang seterusnya adalah melahirkan masyarakat yang berpengetahuan tinggi dan berinovasi. Pendidikan Teknik dan Vokasional dikatakan mampu menjana individu yang berfikiran kreatif, inovatif dan inventif. Dengan kemahiran teknikal yang diperoleh, individu ini sendiri mampu mencipta atau menambah baik produk yang sedia ada di pasaran. Umum mengetahui, bakat dalam penghasilan produk ini telah diterapkan ke dalam jiwa anak-anak muda Malaysia sejak di bangku sekolah lagi. Buktinya adalah dengan adanya pertandingan reka cipta pada peringkat pelbagai peringkat termasuklah kebangsaan dan antarabangsa. Sejak di bangku sekolah, guru-guru telah melatih murid-murid dalam pendidikan TVET melalui subjek Kemahiran

Hidup dan Bersepadu dan subjek Reka Bentuk dan Teknologi. Dalam mata pelajaran ini, para pelajar diberi peluang untuk mengenali dan mengendali mesin-mesin yang terdapat di dalam bengkel dan seterusnya mencipta sesuatu seperti tabung dan rak buku. Perkara ini akan menarik minat para pelajar untuk meneruskan pembelajaran dalam Pendidikan Teknik dan Vokasional. Tambahan pula, ramai anak muda telah mula melakar kejayaan dalam pertandingan inovasi di peringkat antarabangsa. Sebagai contoh, Pelajar Tingkatan Satu Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) ini telah mengharumkan nama negara apabila berjaya membolot tiga hadiah utama dalam Pertandingan Inovasi dan Reka Cipta (IIDEX) 2019 peringkat antarabangsa. Tuntasnya, sudah terang lagi bersuluh bahawa TVET mampu melahirkan masyarakat yang berpengetahuan tinggi dan berinovasi.

Akhir sekali, faedah yang tidak dapat diketepikan hasil Pendidikan Teknik dan Vokasional adalah dapat menggalakkan pembangunan negara untuk berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan negara-negara mapan di seluruh dunia seperti Russia, China dan Jepun. Kerajaan telah melaburkan berjuta-juta wang untuk membangunkan institusi pengajian yang berteraskan TVET dalam usaha menyediakan sumber tenaga mahir dalam kalangan anak tempatan. Segala usaha yang diiktiharkan kerajaan ini akan menjadi seperti mencurahkan air ke daun keladi sekiranya anak muda tidak mahu memanfaatkan TVET. Sebagai sebuah negara yang sedang merintis arus pembangunan ini, Malaysia memerlukan lebih ramai pekerja mahir dalam kalangan warga tempatan untuk menguruskan industri perkilangan seperti industri pemakanan, kosmetik, dan petroleum. Anak tempatan haruslah tidak memandang enteng akan isu ini dan seharuslah mengambil peluang untuk menjadi seorang pekerja mahir untuk membantu dalam pembangunan ekonomi dalam negara serta tidak melepaskan tanggungjawab ini kepada warga asing. Memetik laporan akhbar Berita Harian, Datuk Seri Richard Riot Jaem yakni Menteri Sumber Manusia telah menyatakan kerajaan akan mewujudkan lebih 1.5 juta pekerjaan baru dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11) dan daripada jumlah itu, 60 peratus memerlukan pekerja mahir. Justeru, anak muda pewaris bangsa haruslah merebut peluang ini dengan mengambil aliran TVET demi pembangunan negara.

Sebagai penutup wacana, Pendidikan Teknik dan Vokasional adalah amat vital untuk membangunkan sebuah negara lestari pada masa hadapan. Sebagai rakyat yang berhasrat untuk memajukan Malaysia agar menjadi sebuah negara mapan, janganlah kita melepaskan peluang untuk menjadi pekerja mahir dalam sektor peindustrian agar produk buatan Malaysia diusahakan, dibungkus dan dijaga kualitinya oleh anak watan kita sendiri dan bukan lagi warga asing. Cukuplah sehingga hari ini kita mengharapkan kudrat mereka, kini tiba masanya kita berdiri di atas kaki sendiri untuk mengorak langkah untuk melakukan perubahan yang besar buat negara dan bangsa dengan memanfaatkan Pendidikan Teknik dan Vokasional.

#### **4. BAHAGIAN B : USAHA USAHA YANG BOLEH ANDA LAKUKAN UNTUK MENUNJUKKAN RASA CINTA AKAN NEGARA**

---

Hujan emas di negeri, hujan batu di negeri sendiri, lebih baik di negeri sendiri. Peribahasa ini jelas mendukung tanah air walau dalam apa-apa situasi sekalipun. Malaysia ialah sebuah negara unik terdiri daripada rakyat yang berbilang kaum dan agama. Meskipun warna kulit, bahasa ibunda dan pegangan agama berbeza-beza dalam kalangan penduduknya, namun perbezaan inilah yang mewujudkan keistimewaa di tanah tercinta ini. Sejak mencapai kemerdekaan pada 1957, Malaysia yang dahulunya dikenali

---

sebagai Tanah Melayu terus mengorak langkah sama ada dalam aspek pembangunan maupun kesejahteraan rakyat. Sehubungan itu, wajarlah setiap seorang yang bergelar warganegara Malaysia mempunyai perasaan cinta yang mendalam untuk ibu pertiwi ini. Persoalannya, apakah usaha-usaha yang boleh dilakukan untuk menunjukkan rasa cinta akan negara?

kedaulatan negara. Remaja perlu menyemai semangat cinta akan negara dan sanggup berjuang demi mempertahankan negara daripada terjajah. Sejarah telah menunjukkan bahawa pada tahun 1930-an, pemuda merupakan golongan yang begitu lantang dalam perjuangan menentang penjajah yang menindas rakyat pribumi negara ini. Sebagai contoh, Gerakan Islah di Tanah Melayu pada suatu ketika dahulu dipelopori oleh golongan pemuda seperti Syeikh Tahir Jalaluddin dan Syed Syeikh al-Hadi. Mereka menjadikan karya-karya penulisan dalam akhbar, majalah dan novel sebagai wadah untuk menyalurkan penentangan mereka terhadap penjajah. Hal ini berikutnya semangat patriotisme yang begitu tinggi dimiliki oleh golongan pemuda ini. Oleh itu, saya akan menjadikan golongan pemuda terdahulu sebagai model ikutan agar pembangunan negara yang dilaksanakan dapat ditingkatkan.

Selain itu, saya juga berperanan untuk mengharumkan nama negara di peringkat antarabangsa selaku golongan remaja dan pemuda harapan bangsa. Pemuda dan pemudi negara ini hendaklah berusaha melakukan perkara-perkara yang dapat mengharumkan nama negara di persada antarabangsa. Sebagai contoh, jika dilihat pada masa kini, kebanyakan atlet yang mewakili negara dalam arena sukan antarabangsa terdiri daripada golongan muda dan remaja. Contohnya, Hafiz Hashim yang merupakan pemuda yang mewakili negara dalam acara badminton perseorangan. Terbaru, beliau telah menjuarai Terbuka Denmark dengan mengalahkan Bao Chun Lai dari China. Selain itu, beliau juga pernah dinobatkan sebagai juara 'Kejohanan Badminton All England' pada suatu ketika dahulu. Hal ini dapat menaikkan martabat negara dalam arena sukan antarabangsa seterusnya dapat mengharumkan nama negara seantero dunia. Tugas seperti hendaklah dipikul oleh golongan muda seperti saya.

Sebagai seorang remaja yang berwawasan, saya juga berperanan untuk menyokong usaha-usaha dan kempen yang dijalankan kerajaan untuk membangunkan negara pada masa hadapan. Sebagai contoh, remaja hendaklah memberi sokongan kepada usaha-usaha kerajaan memerangi dadah yang menjadi 'virus' pemusnah generasi muda di negara ini. Antara usaha tersebut ialah kempen alam sekitar, kempen kitar semula, kempen Budi Bahasa, kempen Bulan Keluarga Kebangsaan, kempen mencegah penagihan dadah dan sebagainya. Golongan muda khususnya remaja seperti saya akan memberi sokongan dan kerjasama kepada kerajaan dalam usaha-usaha tersebut demi meningkatkan pembangunan kerohanian rakyat. Hal ini disebabkan kempen-kempen yang dilaksanakan oleh kerajaan ini menjadi 'batu loncatan' untuk melahirkan masyarakat yang dinamik dan progresif serta dapat memberi sumbangan kepada negara. Peranan ibu bapa juga penting dalam mendidik remaja bak kata pepatah, 'melentur buluh biar dari rebungnya'.

Sesungguhnya, golongan remaja mempunyai peranan yang besar dalam pembangunan negara. Remaja hendaklah sedar akan perkara ini serta mengorak langkah untuk mencapai aspirasi negara agar matlamat pembangunan negara dapat direalisasikan. Bagi diri saya, saya akan terus berusaha gigih bagi mencapai kecemerlangan dalam pelbagai aspek kehadiran saya sebagai warga Malaysia benar-benar bermakna dalam membantu pembangunan negara.

Sudah terlalu banyak nikmat yang kita kecapi sepanjang bernadi di bumi Malaysia ini. Jika hendak dibandingkan kehidupan rakyat di kebanyakan negara mundur dan negara ketiga di dunia, rakyat Malaysia selayaknya sujud syukur atas segenap keselesaan yang dinikmati. Justeru, rasa cinta terhadap tanah air perlu disemarakkan dan dibiarkan bernyala dalam hati setiap individu yang bergelar warganegara. Sesungguhnya, kita tidak boleh bersikap bagai kacang lupukan kulit dengan tidak mengenang jasa dan bakti negara yang kita diamini ini. Ingatlah negara ialah cerminan bangsa. Oleh itu, setiap rakyat perlu meletakkan rasa cinta terhadap negara Malaysia dalam hati masing-masing kerana di mana bumi dipijak, di situ langit | dijunjung.

## **JOHOR**

### **BAHAGIAN A : KEPENTINGAN MEMELIHARA BANGUNAN BERSEJARAH**

Pada era globalisasi ini, pelbagai industri perkilangan, pusat beli-belah, dan perumahan telah dibina dan menggunakan kawasan tanah yang luas. Isu perobohan bangunan bersejarah adalah antara isu yang hangat yang sering dibincangkan daripada meja kopi sehingga dewan parlimen tetapi keputusan tetap untuk menjaga bangunan bersejarah. Akan tetapi, terdapat juga negara yang merobohkan bangunan-bangunan bersejarah ini. Mengapakah perkara ini berlaku? Adakah perlu untuk merobohkan bangunan bersejarah ini? Malahan, terdapat pelbagai kepentingan untuk memeliha bangunan- bangunan bersejarah di negara kita.

Kepentingan yang pertama adalah bangunan dan monumen bersejarah dapat member contoh dan pengajaran kepada masyarakat, khususnya kepada remaja yang mempunyai semangat patriotisme yang lemah. Walaupun, sebahagian bangunan lama hanya menunjukkan peristiwa hitam, akan tetapi jika kita menghargai sejarah di sebalik bangunan itu dan mengambil pengajaran daripada peristiwa hitam yang telah berlaku, kita

akan lebih maju kehadapan tanpa mengulangi kesilapan yang telah berlaku oleh masyarakat terdahulu. Sebagai contoh, Kota A'Famosa di Melaka iaitu kubu kuat tentara Portugis yang dibina setelah menawan Melaka dapat dijadikan pengajaran. Penawanan ini berlaku kerana masalah perpaduan, kelemahan pemimpin dan kelemahan tentera Melaka sendiri. Negara kita juga boleh menjadi negara yang setaraf dengan negara maju lain jika kita tidak mengambil mudah perkara ini dan mengambil pengajaran terhadap sejarah negara kita. Oleh itu, bangunan bersejarah di Negara kita tidak perlu dirobohkan .

Seterusnya, dari sudut pelancongan, bangunan dan monumen bersejarah mampu menarik minat pelancong. Sama ada pelancong tempatan maupun pelancong dari luar negara yang melawat negara ini. Bangunan ini juga merupakan faktor dominan bagi pelancong yang melancong di negara ini selain Petronas Twin Tower. Oleh itu, bangunan bersejarah tidak perlu dirobohkan tetapi perlu dipelihara dan diubahsuai. Sebagai contoh, bangunan lama sewajarnya diubahsuai untuk menjadi muzium, galeri seni dan pusat pelancongan. Fenomena ini menjadi perkara biasa di sesetengah negara Eropah seperti England, Perancis, Itali dan juga Belanda. Kota bersejarah seperti York, Bath, Oxford dan Cambridge di England berjaya untuk mempelihara sebahagian besar bangunan bersejarah mereka. Usaha ini mampu untuk menarik minat pelancong dari seluruh dunia dan mampu menjadi sumber pendapatan bagi negara ini.

Tambahan pula, bangunan dan monumen lama juga memainkan peranan penting dalam pelajaran negara ini, khususnya para pelajar dan penyelidik. Pelbagai ilmu pengetahuan dapat dipelajari dengan memahami dan mempelajari bangunan dan monumen lama. Misalnya, dengan kehadiran bangunan dan air pancut Kuda di sekitar Dataran Merdeka dan Masjid Jamek di mana pertemuan antara Sungai Gombak dan Sungai Klang di Kuala Lumpur, masyarakat bukan sahaja mempelajari tentang kepentingan Kuala Lumpur di zaman penjajahan British malah tentang kehidupan dan budaya penjajah dan masyarakat tempatan pada ketika itu. Bangunan Royal Selangor Club dan Dataran Merdeka dibina bagi kemudahan sosial dan rekreasi terutamanya bagi rakyat British dan Eropah yang berkhidmat di Malaya pada hujung abad ke-19. Perkara sama yang berlaku di mana

kepentingan air pancut Kuda yang dibina di persimpangan antara Jalan Raja dan Jalan Raja Laut pada tahun 1897. Air pancut tersebut dibina bagi memperingati Inspektor polis negeri Selangor, Steve Harper. Oleh demikian, bangunan dan monumen bersejarah mempunyai nilai yang tersendiri.

Sebagai kesimpulan, bangunan bersejarah amat penting dalam membentuk minda generasi muda di negara ini, terutamanya terhadap penghargaan warisan dan khazanah negara ini. Bangunan dan monumen bersejarah merupakan aset yang sepatutnya dipelihara dan diwarisi dari satu generasi ke generasi yang lain. Dengan kehadiran bangunan bersejarah, generasi baru akan lebih menghargai dan sensitif terhadap pembangunan sejarah negara ini. Ini akan membentuk masyarakat yang sensitif terhadap sebarang perobohan dan kemusnahan bangunan bersejarah. Kerajaan perlu mewartakan bangunan bersejarah sebagai bangunan yang perlu dipelihara. Jadi sekiranya terdapat sebarang pihak yang ingin merobohkan atau memusnahkan bangun bersejarah akan dikenakan tindakan undang-undang.

## **1. BAHAGIAN B : PERANAN PERANAN PELBAGAI PIHAK DALAM MEMARTABATKAN BAHASA MELAYU**

Bahasa Melayu merupakan bahasa pengantar pendidikan yang telah banyak membawa kemajuan kepada pembangunan negara serta dapat menerapkan perpaduan dalam kalangan rakyatnya. Oleh itu, wajarlah keyakinan dan kepercayaan kepada kemampuan bahasa Melayu diteruskan dalam sistem pendidikan negara. Rakyat Malaysia mesti yakin dengan keupayaan dan kemampuan bahasa kebangsaan. Kita seharusnya berasa bangga dengan bahasa Melayu kerana telah dikekalkan sehingga sekarang sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi. Semua pihak perlulah bekerjasama untuk memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan.

Dalam usaha memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan kita, kita sebagai pelajar perlu rajin mempelajari bahasa Melayu kerana ia merupakan satu-satunya bahasa yang menyatukan rakyat yang berbilang kaum di negara ini. Pelajar boleh menyemai minat dalam mempelajari bahasa Melayu melalui pelbagai cara yang berkesan seperti mendengar

lagu Melayu. Pelajar juga boleh melibatkan diri dalam komuniti seperti di sekolah dan badan-badan yang relevan. Di sekolah, pelajar boleh menimbulkan kesedaran tentang keistimewaan bahasa Melayu dan bagaimana ia melambangkan jati diri bahasa Melayu di kelas. Para pelajar boleh menjalankan program-program yang berkaitan dengan bahasa Melayu seperti bengkel mempromosikan bahasa Melayu dan kempen kesedaran tentang kepentingan bahasa Melayu. Aktiviti-aktiviti ini tentu dapat membantu para pelajar memartabatkan bahsa Melayu.

Selain itu, idea Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) juga harus dilupuskan. Sifat dominan bahasa Inggeris dalam kehidupan kita tidak harus dinafikan, tetapi langkah ini dilihat berpotensi memadamkan kegemilangan bahasa Melayu di peringkat lokal. Jika teras pentarbiahan turut dilaksanakan dalam bahasa asing, tidak mustahil pada satu era nanti, generasi akan datang tidak mengenali lagi perkataan 'Melayu'. Ironinya, usaha Memartabatkan Bahasa Malaysia dan Memperkasakan Bahasa Inggeris (MBMMBI) dilihat sangat proaktif sebagai mangkin yang efektif demi membejat kemelut bahasa yang sedang dihadapi Malaysia kini.

Selain itu, kewujudan Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) Cina dan Tamil juga tidak harus dikerling enteng berikutan perkara tersebut berkemampuan memperkasakan bahasa Cina dan bahasa Tamil lantas menjatuhkan darjah bahasa ibunda di sekolah-sekolah berkenaan. Guru-guru di sekolah perlu mengajar murid-murid menguasai bahasa Melayu dengan cara yang berkesan. Sebagai contoh, guru boleh mengajar murid murid dengan perkataan Melayu yang senang dan menjalankan aktiviti-aktiviti yang melibatkan penggunaan bahasa Melayu seperti aktiviti menyanyi dan bercerita. Pelbagai pertandingan yang menarik minat para pelajar untuk mempelajari bahasa Melayu juga boleh dianjurkan seperti pertandingan menulis karangan, bersyair dan menyanyi. Sudah tentulah para pelajar akan lebih meminati bahasa Melayu setelah menyertai pertandingan sebegini. Dengan itu, tujuan memartabatkan bahasa Melayu dapat dicapai.

Di samping itu, bagi mengukuhkan kedudukan bahasa Malaysia dalam sanubari rakyat pelbagai kaum, DBP harus melaksanakan pelbagai aktiviti yang mencapai minat umum terhadap keindahan bahasa Melayu. Aktiviti

seperti Sayembara Pidato Antarabangsa anjuran Kementerian Kebudayaan, Kesenian, Warisan dan Pelancongan dengan usahasama Radio Televisyen Malaysia (RTM) baru-baru ini dilihat sebagai anjakan paradigma yang berpotensi memperkenalkan bahasa kebangsaan di peringkat dunia. Deduksinya, langkah yang sama harus diambil DBP untuk mewujudkan 'jiwa bahasa' dalam kalangan rakyat.

Sehubungan dengan itu, peranan sektor swasta dalam memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dab bahasa rasmi amatlah dialu-alukan. Sektor swasta haruslah peka dan menganjurkan lebih banyak kegiatan bahasa di luar negara seiring dengan promosi perniagaan atau produk masing-masing. Kegiatan promosi dan pasaran secara terancang akan memberikan pulangan yang merangsangkan perkembangan bahasa Malaysia sebagai bahasa ekonomi, sains, dan teknologi. Papan-papan tanda dan iklan yang mempromosikan sesuatu produk haruslah menggunakan kata-kata bahasa Malaysia yang betul dalam semua urusan rasmi. Dengan cara ini, kita akan dapat mendaulatkan dan memartabatkan bahasa Malaysia bukan sahaja di negara kita malah di pentas dunia.

Kesimpulannya, semua pihak haruslah menggembungkan tenaga untuk meledakkan darjah bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi dalam semua urusan harian, selain status utamanya sebagai bahasa kebangsaan. Janganlah kita menjadi manusia yang khusyuk menyelami sungai pemodenan dengan mementingkan bahasa asing sebaliknya melupakan kebolehan bahasa Melayu untuk membawa kita ke mata dunia. Pepatah Melayu ada menyebut, "yang kurik itu kendi, yang merah itu saga, yang baik itu budi, yang indah itu bahasa". Oleh hal yang demikian, marilah kita berpijak di bumi yang nyata dengan menjaga bahasa kebangsaan supaya kekal nirmala dan 'tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas.

## **2. BAHAGIAN B : KEBAIKAN PENGGUNAAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (TMK) DI SEKOLAH**

Dalam usaha membina modal insan yang seimbang dari sudut intelek, emosi dan spiritualnya, maka keberkesanannya dalam proses pengajaran dan

pembelajaran tidak boleh mengabaikan peranan teknologi dalam membangunkan sahsiah dan personaliti unggul manusia lebih-lebih lagi pada era digital ini.Teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran wajar diberikan tumpuan dalam usaha untuk merealisasikan harapan untuk melahirkan generasi yang bijak pandai menjelang abad 2020.

Information and Communication Technology ( ICT ) ataupun dikenali sebagai Teknologi Maklumat dan Komunikasi merupakan suatu kaedah yang penting yang boleh diaplikasikan penggunaannya oleh guru-guru dalam menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran abad ini.Teknologi ini dan adalah salah satu usaha meningkatkan keberkesan dan kualiti terhadap pengetahuan yang disampaikan oleh guru dan diterima dengan pemahaman yang mendalam oleh pelajar.Bermulanya kaedah pengajaran dengan menggunakan kapur,kini dengan kemajuan sains dan teknologi telah merubah kaedah pengajaran tradisional tersebut kepada kedah pengajaran yang lebih canggih lagi iaitu penggunaan komputer,bahan elektronik,LCD,kamera digital dan lain-lain lagi dalam proses PDP abad ini.Dalam hal ini tidak dinafikan lagi kepentingan dan kelebihan penggunaan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran yang boleh dibahagikan kepada dua aspek iaitu kelebihan kepada murid dan guru.

## KELEBIHAN PENGGUNAAN ICT DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (TERHADAP MURID)

Terdapat banyak kelebihan menggunakan kemudahan ICT dalam proses pengajaran dan pembelajaran.Penggunaan ICT dalam proses pengajaran dan pembelajaran tidak lain tidak bukan adalah dapat menarik perhatian murid ketika proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung.Hal ini kerana aplikasi yang digunakan seperti microsoft powerpoint,flash video dan lain-lain mempamerkan imej dan visual yang menarik dan berwarna-warni sekali gus dapat menarik lagi minat murid untuk terus mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran.Disamping kesan audio dan imej suara yang menarik dapat mengelakkan murid daripada mudah berasa jemu dan bosan menjalani proses pembelajaran dan pengajaran kerana lebih tertarik dengan gaya persembahan yang ditunjukkan melalui ICT.Justeru itu suasana pengajaran dan pembelajaran

yang dijalankan akan menjadi lebih seronok dan murid-murid akan lebih aktif mengikuti aktiviti pembelajaran yang dijalankan.

Meningkatkan daya kefahaman murid juga adalah salah satu kelebihan penggunaan ICT dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Sebagai contoh dalam pengajaran subjek sejarah yang memerlukan murid mengingati sesuatu peristiwa yang berkronologi. Guru hanya perlu menyediakan persediaan grafik contohnya tayangan filem dalam pengajaran. Hasil pengaplikasian ICT tersebut dapat merangsang daya kefahaman dan ingatan murid dengan lebih mudah kerana murid akan lebih fokus dan cenderung dengan persempahanan grafik yang ditayangkan. Tidaklah mereka hanya bergantung dengan nota-nota dan catatan yang kadang kala memeningkan kepala dan menimbulkan kekeliruan untuk memahaminya. Senario ini sekali gus dapat meningkatkan prestasi murid terhadap mata pelajaran yang agak sukar dengan bantuan pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan ICT.

Selain itu, penggunaan ICT dalam proses pengajaran dan pembelajaran juga dapat mendidik murid-murid mendalami ilmu tentang dunia teknologi disamping melatih mereka untuk lebih bersedia menghadapi masa depan pendidikan yang lebih mencabar. Contohnya dapat melatih dan mendidik mereka mengendalikan komputer dengan lebih efisyen lagi. Sebagaimana yang diketahui, kewujudan Sekolah Bestari memerlukan kemahiran penggunaan komputer dikalangan murid-murid mereka kerana hampir seratus peratus proses pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan adalah dengan menggunakan sumber teknologi komunikasi maklumat (ICT). Sebagai contoh murid-murid dibekalkan dengan komputer yang dimasukkan di dalamnya unsur-unsur pembelajaran mengikut silibus buku teks. Guru perlu mengajar hanya melalui komputer. Jika murid tidak berkemahiran dan tidak didedahkan dengan ilmu pengendalian komputer lebih awal, mana mungkin proses pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan dengan lancar. Oleh sebab demikian penggunaan ICT amat penting kepada murid-murid kerana sedikit sebanyak membantu murid mengetahui cara pengendalian komputer sekali gus membuat persiapan awal untuk mereka lebih celik

komputer bagi menyahut seruan kerajaan agar melahirkan generasi yang celik komputer pada abad ke-21 bermula daripada peringkat awal lagi.

## KELEBIHAN PENGGUNAAN ICT DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (TERHADAP GURU)

Sebagaimana pentingnya penggunaan ICT kepada murid,begitu juga pentingnya penggunaan ICT kepada guru.Salah satunya adalah membantu meningkatkan pengetahuan dan kemahiran guru dalam bidang teknologi maklumat.Secara tidak langsung guru terdedah dengan penggunaan alatan dan aplikasi ICT seperti penggunaan komputer,LCD dan lain-lain lagi melalui pengalaman yang diperoleh semasa menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran berdasarkan ICT.Pengetahuan dan kemahiran mengendalikan alatan ICT ini amat penting bagi seseorang guru itu kerana gurulah yang perlu menghadapi murid-murid abad-21 yang bersifat multimedia ini.Tidak menjadi satu kerugian kepada guru apabila mengaplikasikan penggunaan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran.

Selain itu,penggunaan ICT juga memudahkan guru menyampaikan ilmu kepada murid. Apabila guru menggunakan ICT dalam pembelajaran,keperhatian murid akan lebih tertumpu dengan pengajaran yang sedang berlangsung.Hal ini kerana tumpuan murid tidaklah hanya tertumpu terhadap nota dan catatan sahaja.Dengan adanya penggunaan ICT dalam pembelajaran,proses tersebut akan menjadi mudah dan murid juga tidak akan berasa bosan mengikuti proses pembelajaran tersebut.Sekali gus ilmu yang disampaikan oleh guru akan lebih mudah difahami oleh murid-murid.

Disamping itu,kelebihan yang diperolehi guru apabila menggunakan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran adalah bahan pengajaran yang telah disiapkan boleh diguna pakai semula pada masa akan datang.Sebagai contoh guru menggunakan slaid dalam pengajaran sejarah.Sepertimana yang diketahui sejarah yang ada sekarang ini tidak berubah dari dulu kini dan selamanya.Guru-guru yang menjalankan proses pengajaran sejarah dengan menggunakan slaid boleh menggunakan kembali slaid yang telah disiapkan dan menggunakannya lagi pada tahun yang akan datang.Tidak

perlulah guru tersebut membuat dan menyediakan slaid yang baru kerana mereka sudah sedia ada bahan pengajaran yang lepas.Paling tidak guru hanya perlu meng'edit' atau menambah bahan dalam slaid tersebut untuk penambahbaikan.Selain memudahkan kerja ianya juga menjimatkan masa guru untuk menyediakan bahan bagi proses pengajaran dan pembelajaran.

Secara keseluruhannya,penggunaan ICT dalam proses pengajaran dan pembelajaran dilihat banyak memberi impak positif terhadap murid-murid dan guru-guru.Mengikut statistik kajian yang dilakukan terhadap guru-guru j-QAF tentang penggunaan BBM berdasarkan Teknologi Mulimedia dalam pengajaran j-QAF yang dilakukan oleh Siti Fatimah Ahmad dan AB Halim Tamuri,dapat disimpulkan bahawa hampir semua murid dan guru mendapat kelebihan dan manfaat daripada penggunaan ICT dalam proses pengajaran dan pembelajaran mereka.

Konklusinya,abad ke-21 ini adalah abad yang bersifat multimedia dan interaktif beranimasi.Setiap guru serta pelajar tidak kira di bangku sekolah rendah dan menengah mestilah didedahkan kepada teknologi multimedia bagi mempersiapkan diri mereka untuk menghadapi masa depan pendidikan yang mencabar.Persiapan awal dalam pendidikan komputer dan teknologi multimedia akan memudahkan para guru dan pelajar agar celik IT dan tidak mengalami 'kejutan budaya multimedia' pada masa akan datang.

## **KEDAH**

### **BAHAGIAN A : FAEDAH MELANCONG DALAM NEGARA**

Dewasa ini halwa telinga dan mata kita sering dihidangkan dengan pelbagai inisiatif oleh pihak kerajaan untuk menggalakkan lebih ramai rakyat untuk melancong dalam dan luar negara. Persoalannya, apakah faedah melancong dalam negara sendiri?

Pelbagai maslahat melancong dalam negara telah dikenal pasti. Salah satu daripadanya ialah semangat patriotisme dapat ditanam dalam sanubari setiap individu. Hal ini adalah kerana, apabila melawat tempat-tempat dan bangunan bersejarah seperti Chimney Labuan, bandar Melaka, Stadium Merdeka, Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan, secara tidak langsung semangat biar putih tulang jangan putih mata dapat

dibangkitkan. Tambahan pula, lokasi sedemikian turut memaparkan penderitaan dan kepayahan hidup pada zaman penjajah. Tegasnya, semangat patriotisme pasti dapat disemai dengan melancong dalam negara sendiri.

Selain itu, melancong dalam negara juga dapat merapatkan hubungan kekeluargaan antara anggota keluarga terutamanya mereka yang jauh di mata tetapi dekat di hati. Secara logiknya, apabila melancong ke daerah atau negeri lain, kita pasti akan terus melawat ahli keluarga kita yang kebetulan menetap disana. Sambil menyelam minum air, jurang pemisah antara ahli keluarga pasti akan terhapus lantas memapangkan lagi hubungan silaturahim yang sedia ada. Jadi, terbuktilah bahawa melancong dalam negara sendiri dapat merapatkan lagi hubungan kekeluargaan seperti isi dengan kuku.

Disamping itu, tidak dapat dinafikan bahawa melancong dalam negara juga dapat meningkatkan ekonomi negara khususnya dalam sektor pelancongan. Dalam era modenisasi ini, negara acap kali berdepan dengan masalah kewangan. Oleh itu, dengan melancong dan seterusnya berbelanja dalam negara, secara tidak langsung perihal tersebut akan menyuntik pendapatan negara seterunya menambah aliran wang masuk negara. Pendek kata, sudah terang lagi bersuluh, dengan melancong dalam negara sahaja, kita turut menyumbang kepada perkembangan ekonomi negara.

Intinya, melancong dalam negara mendatangkan pelbagai maslahat yang berguna untuk individu, komuniti waima bumi watan ini. Seruan kerajaan untuk menggalakkan kita melancong dalam negara tidak harus dipandang enteng agar kemajuan dan kemakmuran negara terus terjamin pada masa hadapan.

## **1. BAHAGIAN B : *LANGKAH-LANGKAH MEMUPUK SEMANGAT KEJIRANAN DALAM KALANGAN MASYARAKAT***

Jiran ialah orang yang tinggal di sekeliling rumah kita, iaitu di sebelah, di hadapan, dan juga di belakang rumah kita. Jika kita tinggal di dalam satu taman atau di sebuah kampung yang sama, mereka akan dikenali sebagai jiran tetangga kita. Jiran sangat penting kerana mereka lah yang akan

menjadi sahabat kita dan orang yang akan membantu kita apabila kita menghadapi kesusahan nanti. Pepatah Melayu ada mengatakan bahawa "Jiran sepakat membawa berkat". Jadi, kita perlulah mengukuhkan semangat kejiranan supaya kita sentiasa bersatu hati dalam melakukan sesuatu perkara. Oleh itu, langkah-langkah yang wajar hendaklah diambil untuk memupuk semangat kejiranan dalam kalangan penduduk setempat.

Langkah primer yang harus diambil ialah mengadakan aktiviti gotong-royong. Melalui aktiviti gotong-royong, jiran dapat berkumpul dan bekerjasama sambil berbincang tentang aktiviti yang akan dilakukan. Apabila berkumpul dan berbincang, mereka akan dapat berkenal-kenalan antara satu dengan yang lain yang sekali gus membolehkan seseorang itu mengenal hati budi jiran mereka dengan lebih dekat. Hal ini dapat digambarkan melalui pepatah Melayu yang mengatakan bahawa "tak kenal maka tak cinta". Sebagai contoh, aktiviti yang boleh diadakan secara bergotong-royong ialah membersihkan kawasan taman, menyediakan hidangan untuk kenduri-kendara, dan sebagainya. Melalui cara ini, kita dapat menjalankan dan meningkatkan hubungan sesama jiran.

Selain itu, kita juga hendaklah mengadakan majlis-majlis rumah terbuka semasa sesuatu sambutan perayaan. Amalan ini dapat membentuk ikatan silaturahim dan memperkuuh semangat kejiranan dalam kalangan jiran setempat. Melalui acara rumah terbuka, jiran dapat bertanya khabar dan bercerita tentang pengalaman dengan lebih dekat. Seterusnya, melalui majlis rumah terbuka ini, semua ahli dalam masyarakat berpeluang untuk berkumpul dan berbincang sambil menikmati juadah yang disediakan oleh tuan rumah. Sebagai contoh, semasa perayaan Hari Raya Aidilfitri, Tahun Baharu Cina, Krismas, Deepavali, dan sebagainya majlis-majlis rumah terbuka hendaklah dijadikan acara tahunan. Tegasnya, majlis rumah terbuka mampu mendekatkan ahli masyarakat untuk bertemu muka dan berkenalan dengan lebih erat lagi.

Di samping itu, kita juga hendaklah mengadakan aktiviti Hari Keluarga untuk memupuk semangat kejiranan dalam kalangan masyarakat setempat. Semasa aktiviti ini diadakan, semua ahli keluarga jiran akan turut serta untuk melibatkan diri dalam aktiviti seperti berkayak, memasukkan air ke dalam botol, terompah gajah, dan sebagainya. Apabila aktiviti Hari Keluarga

diadakan, kemesraan akan terjalin bukan sahaja antara ibu dengan bapa, malah anak-anak juga. Aktiviti seperti ini hendaklah diadakan di padang bola sepak, gelanggang bola tampar, taman rekreasi, atau padang sekolah yang berhampiran. Jadi, melalui aktiviti ini, hubungan yang erat sesama jiran dapat dibentuk yang secara tidak langsung akan menimbulkan perasaan ingin membantu antara satu dengan yang lain seperti yang terungkap dalam peribahasa Melayu ke bukit sama didaki, ke lurah sama dituruni.

Bukan itu sahaja, kita juga harus menggalakkan rakyat supaya melibatkan diri dalam aktiviti sosial seperti persatuan atau pertubuhan. Penduduk setempat mestilah membentuk satu persatuan yang mempunyai satu sistem organisasi yang teratur. Persatuan atau pertubuhan ini hendaklah melibatkan semua penduduk sebagai ahli. Dewasa ini, banyak pertubuhan sukarela ditubuhkan dalam masyarakat seperti Pertubuhan Rukun Tetangga, Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung, Pertubuhan Khairat Kematian, dan sebagainya. Sebagai contoh, melalui Pertubuhan Rukun Tetangga, masyarakat setempat secara bergilir-gilir mengawasi keselamatan taman untuk mengelakkan kejadian-kejadian yang tidak diingini berlaku. Hal ini dapat kita lihat dalam peribahasa Melayu, iaitu ibarat aur dengan tebing yang mementingkan semangat sandar-menandar atau saling membantu dalam kehidupan.

Seterusnya, kita mestilah menyemarakkan budaya kunjung-mengunjung dalam kalangan rakyat sebagai langkah untuk memupuk dan mengekalkan semangat kejiranan. Dalam hidup bermasyarakat, kita digalakkan menziarahi jiran kita. Melalui aktiviti ini, kita akan mengetahui masalah dan kesusahan yang dialami oleh jiran kita. Sebagai contoh, kita perlu berkunjung ke hospital jika kita mendapat berita bahawa jiran kita dimasukkan ke hospital kerana menghidap sesuatu penyakit atau kemalangan. Walaupun pepatah Melayu ada mengatakan bahawa berat mata memandang berat lagi bahu memikulnya, namun sebagai jiran, kita mestilah berpegang pada prinsip cubit paha kiri, paha kanan terasa juga. Maksudnya ialah jika kita mempunyai semangat kejiranan yang tinggi, kita akan dapat merasai segala kesusahan dan keperitan yang dialami oleh jiran

kita. Jadi, melalui lawatan kita itu, sekurang-kurangnya kita dapat meringankan penderitaan yang dialami oleh jiran kita itu.

Kesimpulannya, kita perlu memupuk semangat kejiranan dalam kalangan penduduk setempat. Dalam era globalisasi ini, sikap mementingkan diri sendiri dan sikap tidak mempedulikan orang lain semakin menebal seperti yang terkandung dalam pepatah Melayu “bagai enau dalam belukar melepaskan pucuk masing-masing”. Jika hal ini dibiarkan, semangat kejiranan akan luntur dan seterusnya akan menjadikan perpaduan negara. Ada pepatah yang mengatakan bahawa “bersatu kita teguh, bercerai kita roboh”. Oleh itu, dengan meningkatkan semangat kejiranan, perpaduan akan bertambah utuh dan teguh. Jadi, dalam setiap masa, kita mestilah sentiasa berusaha untuk memastikan semangat kejiranan sentiasa terpelihara supaya negara kita sentiasa aman, harmoni dan sejahtera.

## **2. BAHAGIAN B : KEPENTINGAN MENJAGA KESIHATAN KEPADA SEORANG REMAJA**

Dasawarsa ini, sama ada kita sedar atau tidak lantaran terlalu dihidangkan dengan pembangunan negara yang semakin gah di persada dunia. Namun disebalik itu, kita acapkali tersentak oleh pelbagai masalah kesihatan dan penyakit berjangkit yang semakin meningkat dalam kalangan masyarakat domestik dan antarabangsa. Polemik ini boleh dikurangkan dengan mengamalkan dua perkara asas iaitu menjaga kesihatan dan kebersihan diri. Amalan ini mungkin dipandang remeh oleh sesetengah orang tetapi ia merupakan kunci utama dalam memastikan kelangsungan hidup seseorang pada ketika ini. Kita sering kali digalakkan untuk bersenam, bersukan, membasuh tangan dan bergotong-royong membersihkan kawasan sekitar. Oleh itu, wajar untuk kita mengetahui apakah kepentingan mengamalkan aktiviti tersebut demi menjaga kesihatan dan kebersihan diri.

### **Isi 1**

Salah satu kepentingan memastikan kesihatan dan kebersihan diri berada pada tahap yang tinggi kerana ia dapat meningkatkan produktiviti kehidupan seseorang. Apabila kita dikurniakan kesihatan yang baik, kita mampu melakukan kerja-kerja yang secara langsung dan tidak langsung membantu setiap makhluk dimuka bumi ini. Pelajar sekolah dapat memberikan fokus pada pelajaran mereka dan pekerja profesional boleh menjadi lebih kreatif dan inovatif dalam melaksanakan tugas masing-masing. Setiap pekerjaan berfungsi dengan baik seperti mana kitaran ekologi yang berlaku dengan semula jadi. Justeru, kesihatan dan kebersihan diri yang baik dapat menjamin kemajuan dalam setiap perkara untuk dikecapi.

### **Isi 2**

Di samping itu, menghindari penyakit berjangkit dan masalah kesihatan juga merupakan kepentingan dalam menjaga kesihatan dan kebersihan diri. Tamsilnya, apabila seseorang itu aktif bersukan, kekuatan sistem kardiovaskular individu tersebut akan bertambah kuat dan dapat menghindar daripada serangan jantung. Selain itu, amalan membasuh tangan menggunakan sabun selama 20 saat juga adalah penting agar kita tidak membawa bakteria atau virus yang mungkin dibawa oleh kita tanpa disedari. Amalan gotong-royong membersihkan kawasan sekitar juga dapat membantu mencegah pembiakan nyamuk aedes dan sisa lain yang mampu menjadi punca kepada penyakit-penyakit berjangkit. Kesannya, masyarakat dapat hidup dengan sejahtera tanpa merisaukan masalah kesihatan atau penyakit berjangkit.

### **Isi 3**

Pada waktu yang sama, amalan menjaga kesihatan dan kebersihan diri adalah penting bagi memupuk sikap disiplin dalam setiap individu. Hal ini demikian kerana, apabila individu tersebut ingin melaksanakan aktiviti seperti bersukan, mereka perlu mematuhi peraturan dan etika dalam aktiviti tersebut. Sebagai contoh, sukan olahraga dimana atlet perlu mengikuti jadual latihan dan konsisten untuk menjaga kekuatan fizikal dan mental sebelum menyertai kejohanan tertentu. Selain itu, dari sudut kebersihan, amalan memberus gigi di waktu pagi telah pun menjadi rutin harian semua manusia. Secara tidak langsung, perkara di atas telah membuatkan kita untuk lebih berdisiplin berbanding dahulu hasil daripada usaha untuk menjaga kesihatan dan kebersihan diri.

### **Isi 4**

Seterusnya, penjagaan kesihatan dan kebersihan diri penting kerana ia dapat menonjolkan imej dan perwatakan yang menarik seseorang individu. Jika anda perlu menemuduga calon pekerja anda, apakah kriteria yang anda utamakan terlebih dahulu? Sudah semestinya calon yang mempunyai perwatakan menarik beserta pakaian yang rapi dan imej yang kemas. Mutakhir ini, pelbagai produk kesihatan yang boleh membantu kita untuk mendapatkan imej yang menarik di samping baik untuk kesihatan. Contohnya, penggunaan gel rambut dapat membantu golongan lelaki merapikan rambut mereka dengan kemas agar ia kelihatan elok di mata setiap orang yang memerhati. Natijahnya, apabila imej dan perwatakan yang menarik hasil daripada penjagaan kesihatan dan kebersihan diri, ia akan memudahkan kita untuk bergaul dengan orang ramai serta diterima oleh masyarakat.

### **Penutup**

Intihannya, menjaga kesihatan dan kebersihan diri adalah penting seperti yang telah dihuraikan di atas. Setiap pihak mempunyai peranan dalam memastikan kesihatan dan kebersihan diri, keluarga dan masyarakat berada pada tahap yang baik. Hasil usaha ini dapat menjadikan masyarakat kita sentiasa dihormati dan disanjung tinggi. Oleh itu, amalan menjaga kesihatan dan kebersihan perlu disemai dan dipupuk kepada setiap generasi agar ia menjadi budaya contoh manusia sejagat. Sejajar dengan kata-kata hikmat, " Negara bersih, rakyat sihat; Badan sihat, otak cergas".

## **3. BAHAGIAN B : PERANAN IBU BAPA DALAM MEASTIKAN ANAK ANAK DAPAT MENGIKUTI PEMBELAJARAN MAYA SECARA BERKESAN**

Ibu bapa memainkan peranan yang penting dalam sesebuah keluarga. Sebagai anak, seseorang itu memerlukan bantuan dan sokongan daripada ibu bapa untuk mencapai kejayaan yang cemerlang dalam pelajaran. Dengan bantuan dan doa daripada ibu bapa, anak-anak mampu mencipta kejayaan yang cemerlang dalam pelajaran. Ibu bapa mempunyai tanggungjawab yang amat besar terhadap anak-anak dan rumah tangga. Sekiranya, ibu bapa sering mengabaikan anak-anak, anak-anak pasti berasa dirinya terabai dan mereka akan melibatkan diri dalam kegiatan gejala sosial yang tidak baik. Oleh hal yang demikian, ibu bapa perlulah bertanggungjawab dan memastikan anak-anaknya cemerlang dalam pelajaran. Persoalannya, apakah usaha-usaha yang perlu dilakukan oleh ibu bapa untuk membantu anak-anak mencapai kejayaan yang cemerlang dalam pelajaran?

Peranan pertama yang dapat dimainkan oleh ibu bapa untuk membantu anak-anak mencapai kejayaan yang cemerlang ialah ibu bapa mengutamakan iklim rumah tangga yang dibina dalam situasi yang aman dan bahagia. Anak kunci keamanan dan kebahagiaan rumah tangga ialah sikap saling memahami, berkasih sayang dan tambatan cinta yang luhur dan abadi. Keharmonian dan keceriaan rumah tangga menjamin anak-anak membesar dengan selamat dan sihat. Hal ini demikian kerana, kehidupan yang bahagia akan membebaskan anak-anak daripada masalah keluarga seperti pertengkaran antara ibu bapa atau ibu bapa yang berpecah-belah. Perpecahan keluarga boleh mengganggu kesejahteraan dan pelajaran anak-anak. Dalam hal ini, peranan ibu bapa penting dalam mewujudkan rumah tangga yang bahagia agar anak-anak dapat menganggap “rumahku syurgaku”. Anak-anak sudah pasti dapat berusaha bersungguh-sungguh tanpa gangguan dalam pelajaran kerana mereka hidup dalam keadaan gembira tanpa ada tekanan yang berat. Tegasnya, ibu bapa bertanggungjawab memastikan anak-anak membesar dalam suasana yang harmoni dan ceria sepanjang masa bagi mencapai kejayaan yang cemerlang dalam pelajaran.

Selain itu, ibu bapa juga perlulah bertanggungjawab mengawasi perkembangan dan pergaulan anak-anak dengan rakan sebaya. Pergaulan anak-anak dengan rakan sebaya memberikan pengaruh yang besar dalam

kehidupan harian dan masa depan anak-anak. Hal ini demikian kerana anak-anak lebih mudah dipengaruhi oleh rakan sebaya dalam segala tindakan atau kelakuan kerana remaja mempunyai prinsip, nilai dan identiti yang hampir sama. Anak-anak lebih mempercayai dan meyakini kawan daripada ibu bapa sehingga mereka sukar untuk membezakan antara perkara baik dengan perkara yang buruk. Apabila anak-anak bergaul dengan rakan yang bermasalah seperti ponteng sekolah dan menghisap rokok, mereka juga akan mengikut jejak rakan sebaya itu dan hilang minat untuk belajar. Untuk menangani hal ini, ibu bapa mestilah mengenali latar belakang setiap rakan sebaya anak mereka dan mengenal pasti perubahan yang berlaku kepada anak-anak mereka pada setiap masa. Ibu bapa perlulah bertindak lebih awal, bak kata pepatah beringat sebelum kena, berjimat sebelum habis kerana anak-anak dapat diselamatkan dan boleh memberikan tumpuan terhadap kecemerlangan dalam pelajaran. Tegasnya, ibu bapa perlulah mengawasi perkembangan dan pergaulan anak-anak dengan rakan sebaya bagi melahirkan anak-anak yang cemerlang dalam pelajaran.

Di samping itu, ibu bapa juga perlulah memastikan anak-anak mendapat pendidikan agama dan moral yang secukupnya. Pendidikan agama dan moral ini perlu diberikan sejak kecil lagi, bak kata pepatah melentur buluh biarlah dari rebungnya. Anak-anak ibarat sehelai kain putih, ibu bapalah yang mencorakkan warna pada kain tersebut. Pendidikan agama dan moral yang diberikan oleh ibu bapa mampu menepis segala bentuk kemungkaran yang berlaku. Anak-anak akan dapat membezakan perkara yang baik dan yang buruk. Mereka juga akan menjadi anak-anak yang lebih bertanggungjawab dan memahami peranan mereka sebagai seorang anak dan tidak akan menghamparkan harapan ibu bapa. Hasil didikan agama dan moral yang cukup ini dapat membantu anak-anak untuk memperoleh kejayaan yang cemerlang dalam pelajaran. Tegasnya, ibu bapa perlulah memberikan didikan agama yang secukupnya untuk memastikan anak-anak mencapai kejayaan yang cemerlang dalam pelajaran.

Seterusnya, ibu bapa juga perlulah menyediakan kemudahan yang lengkap untuk anak-anak belajar supaya anak-anak boleh memberikan tumpuan terhadap pelajaran. Ibu bapa perlu memberi motivasi dan galakan terhadap anak-anak untuk belajar. Dalam hal ini, ibu bapa perlulah

menjadi contoh teladan yang baik terhadap anak-anak kerana anak-anak akan mencontohi kelakuan ibu bapa mereka bak kata pepatah, bagaimana acuan begitulah kuihnya. Ibu bapa perlulah menitikberatkan pelajaran anak-anak dengan menghantar anak-anak ke kelas tambahan atau tuisyen serta menyediakan buku-buku rujukan yang lengkap untuk memudahkan anak-anak mengulang kaji pelajaran di rumah. Selain itu, ibu bapa juga perlulah menyediakan bilik yang sesuai dan selesa untuk kemudahan anak-anak belajar. Ibu bapa perlulah menggalakkan anak-anak membaca untuk mencapai kecemerlangan dalam pelajaran. Oleh itu, ibu bapa hendaklah membawa anak-anak ke pameran buku, ke kedai buku atau ke perpustakaan. Langkah ini penting kerana secara tidak langsung anak-anak telah ditanamkan dengan sikap suka membaca. Situasi ini boleh menimbulkan persaingan dalam diri anak-anak untuk membaca buku-buku tersebut. Natijahnya, anak-anak akan mempunyai kesedaran dan keinsafan betapa pentingnya pengetahuan dalam kehidupan mereka sehingga mereka berusaha untuk mencapai kejayaan yang cemerlang dalam pelajaran.

Daripada perbincangan di atas, dapatlah disimpulkan bahawa ibu bapa memainkan peranan yang penting untuk membantu anak-anak mencapai kejayaan yang cemerlang dalam pelajaran. Ibu bapa hendaklah bertanggungjawab terhadap masa depan anak-anak sebelum nasi menjadi bubur. Sekiranya ibu bapa kurang memberikan perhatian terhadap masa depan anak-anak, anak-anak pasti sukar untuk mencapai kejayaan dan kemungkinan mereka terjebak dalam masalah sosial sehingga sukar untuk diselamatkan. Tegasnya, ibu bapa memainkan peranan yang besar dalam mencorakkan masa depan anak-anak khususnya untuk mencapai kejayaan dan kecemerlangan dalam pelajaran.

#### **4. BAHAGIAN B : USAHA USAHA PELBAGAI PIHAK UNTUK MENARIK GENERASI MUDA MENCEBURKAN DIRI DALAM BIDANG PERTANIAN**

Dalam meniti arus modenisasi dan globalisasi, semua negara di seluruh dunia sedang rancak menggerakkan usaha pengembangan teknologi dan kemahiran bagi menjayakan Revolusi Perindustrian 4.0. Rentetan daripada itu, sektor pertanian semakin dilupakan dan disisihkan daripada usaha pembangunan

negara. Jika kita menelusuri liku-liku sejarah, kita dapat mengetahui bahawa antara masyarakat maritim dengan agraria, masing-masing saling memerlukan. Namun kini, marhaen yang berfikiran jumud menganggap sektor pertanian sebagai solusi pekerjaan bagi mereka yang hidup di kampung dan tidak berpendidikan, Walhal, pembangunan negara tidak boleh dilaksanakan hanya dengan pengembangan sektor perindustrian kerana sektor pertanianlah yang menjadi nadi terpenting dalam membangunkan ekonomi negara. Pihak kerajaan telah meningkatkan kedudukan sektor ini semul dalam pelan pembangunan negara kita iaitu Rancangan Malaysia Kesembilan apabila menyedari bahawa negara terpaksa berbelanja melebihi RM15 bilion setahun untuk mengeksport barang dan makanan. Oleh itu persoalannya, apakah peranan pihak-pihak dalam mengambil inisiatif untuk menarik minat para siswazah menceburkan diri dalam bidang tersebut?

Salah satu langkah bagi menarik perhatian para siswazah menceburkan diri dalam bidang tersebut ialah ibu bapa perlulah mendedahkan anak-anak dengan bidang pertanian sejak mereka di usia dini lagi kerana melentur buluh biarlah dari rebungnya. Ibu bapa perlulah menunjukkan khud wah hasanah dengan melakukan aktiviti pertanian bersama-sama di halaman rumah masing-masing. Sikap cinta akan pertanian dalam diri anak-anak juga dapat disemai dengan membawa mereka ke Pameran Pertanian, Hortikultur dan Pelancongan Agro Antarabangsa (MAHA) yang diadakan setiap 2 tahun supaya mereka dapat meneroka pelbagai cabang pertanian dengan lebih lanjut. Konsekuensinya, anak-anak akan sedar betapa menariknya bidang pertanian dan mereka akan berazam untuk menceburi bidang ini apabila mereka dewasa kelak. Tegasnya, ibu bapa memainkan peranan yang amat ampuh bagi melahirkan siswazah-siswazah yang meneruskan legasi bidang pertanian di negara kita.

Dalam nada yang lain, pihak bank pertanian perlulah memberi pinjaman dan modal kepada para siswazah yang baru memulakan projek pertanian mereka. Siswazah-siswazah pada umumnya tidak mempunyai simpanan wang yang banyak kerana tidak mempunyai sumber pendapatan yang tetap yang menjadi batu penghalang bagi mereka memulakan usaha pertanian. Skim pinjaman berkadar faedah rendah perlulah ditawarkan kepada para siswazah. Tamsilnya, bank Agrobank telah menawarkan Modal Usahawan 1 Malaysia kepada para

petani baru untuk mengusahakan industri kecil dan sederhana (IKS) berasaskan pertanian. Natijahnya, ramai siswazah yang boleh mengusahakan bidang pertanian tanpa perlu rungsing memikirkan jalan penyelesaian bagi membekalkan dana yang cukup untuk memulakan usaha pertanian. Sesungguhnya, peranan pihak bank pertanian amat ampuh dalam membolehkan siswazah-siswazah memulakan usaha pertanian sendiri.

Sementelahan, para siswazah perlulah didedahkan dengan bidang-bidang dalam sektor pertanian seperti bidang agropelancongan. Majoriti masyarakat berfikiran bahawa pekerjaan dalam sektor pertanian hanya melibatkan aktiviti turun padang untuk menanam dan menuai serta perlu bergelumang dengan peluh dan lumpur di bawah cahaya matahari yang terik. Namun sebenarnya, peluang pekerjaan dalam sektor pertanian amatlah luas. Siswazah yang mempunyai ijazah pelancongan boleh menceburkan diri dalam bidang agropelancongan. Kemudahan di kawasan pertanian perlulah disediakan seperti komoditi penginapan yang lengkap. Para pelancong asing bolehlah menginap di kawasan kampung sambil mendapatkan pengalaman menjalankan aktiviti pertanian persis gaya hidup orang kampung. Scenario ini adalah seperti kata peribahasa menyelam sambil minum air. Jelaslah bahawa pendedahan bidang-bidang dalam sektor pertanian akan menarik lebih ramai siswazah untuk menceburkan diri dalam bidang pertanian.

Selain itu, pihak kerajaan perlulah membuat reformasi terhadap sektor pertanian agar siswazah-siswazah tertarik untuk menceburkan diri dalam bidang pertanian. Ramai anak-anak berdarah muda yang kurang berminat untuk menceburkan diri dalam bidang pertanian kerena berfikiran bahawa mereka perlu bertani dengan kaedah tradisional seperti yang telah diamalkan sejak berzaman-zaman dahulu. Bukan sahaja kaedah ini sudah ketinggalan zaman, namun kadar pengeluaran hasil pertanian adalah sangat rendah berbanding dengan masa dan tenaga yang dicurahkan. Jika keadaan ini dikekalkan sebegini, petani akan dibelenggu kemiskinan. Untuk mengikut rentak perkembangan sektor industri, sektor pertanian perlulah digabungkan dengan ilmu sains dan teknologi yang canggih bagi memantapkan lagi proses pertanian dan melonjakkan hasil tanaman yang berkualiti dan berkuantiti. Melalui ilmu bioteknologi, para petani dapat menanam baka benih berkualiti yang mempunyai daya ketahanan terhadap serangga persoak dan dapat

tumbuh cepat seperti benih padi Bahagia dan Malinja yang dihasilkan oleh Institut Penyelidikan Pertanian Malaysia (MARDI). Kaedah ini amat sesuai untuk para siswazah yang sudah terbiasa hidup dikelilingi dengan teknologi canggih yang membuatkan sesuatu pekerjaan dapat dilakukan dengan efisien dan tangkas. Tegasnya, reformasi terhadap sektor pertanian perlulah dilaksanakan oleh pihak kerajaan agar siswazah-siswazah lebih tertarik untuk menceburkan diri dalam bidang pertanian.

Akhir sekali, kempen kepentingan sektor pertanian perlulah giat dijalankan oleh pihak kerajaan. Input mengenai maslahat-maslahat sektor pertanian perlulah disebarluaskan melalui media massa dan media sosial. Rata-rata para siswazah mempunyai akaun peribadi dalam aplikasi sosial seperti ‘Instagram’, ‘Whatsapp’ dan ‘Facebook’. Oleh itu, maklumat-maklumat ini mudah untuk disebarluaskan ke seluruh negara hanya dengan mengklik tombol perkongsian tanpa perlu mengeluarkan kos bagi mencetak edaran kempen. Konsekuensinya, persepsi siswazah-siswazah terhadap pekerjaan dalam sektor pertanian akan berubah dan mereka mula peka dengan betapa luasnya skop dalam bidang pertanian. Mereka akhirnya celik dengan peluang luas dalam bidang pertanian dan boleh mengaplikasikan ilmu kemahiran mereka dengan sektor pertanian. Sebagai tamsilnya, pelajar jurusan sains boleh menggabungkan bidang sains dan pertanian untuk mewujudkan bidang pertanian moden iaitu bidang bioteknologi. Pelbagai inovasi dan pengembangan dapat dilakukan oleh anak muda apabila kempen kepentingan sektor pertanian menyedarkan mereka tentang potensi-potensi yang tersembunyi di sebalik sektor pertanian. Sesungguhnya, kempen kepentingan sektor pertanian dapat mengubah persepsi siswazah-siswazah untuk menceburi bidang pertanian ini.

Berdasarkan huraian-huraian yang telah dikupas di atas, izharlah bawa semua golongan mempunyai peranan masing-masing dalam memupuk minat para siswazah menceburkan diri dalam bidang pertanian. Kita haruslah meluaskan horizon pemikiran kita dengan mengubah persepsi masyarakat terhadap pekerjaan dalam sektor pertanian yang sebenarnya mempunya seribu satu maslahat kepada masyarakat kita. Siswazah-siswazah yang baru sahaja menamatkan pelajarannya dan baru hendak memulakan langkah pertama menginjak fasa kehidupan yang seterusnya perlulah diberi peluang untuk

meneruskan legasi sektor pertanian di negara kita supaya terus berkembang maju seiring dengan perkembangan perindustrian negara kita. Kesimpulannya, semua pihak perlulah menggembungkan tenaga untuk menggalakkan penglibatan siswazah-siswazah dalam bidang pertanian. Marilah kita bersama-sama menyemai sikap cinta akan pertanian agar kejayaan gemilang kerajaan agrarian yang dulunya megah bertapak di tanah Nusantara dapat kita wujudkan kembali.

## **PERAK**

### **BAHAGIAN A: PENYAKIT BERJANGKIT**

Rujuk karangan di Kelantan Bahagian A.

#### **1. BAHAGIAN B : FAEDAH FAEDAH PERNIAGAAN DALAM TALIAN**

Marcapada, dunia dan negara pascaglobalisasi dan pascamodenisasi memperlihatkan perkembangan pesat penggunaan media sosial bagaikan cendawan tumbuh selepas hujan terutama dengan adanya teknologi maklumat serta aplikasi dan gajet berasaskan internet. Media sosial ini bukan sahaja berfungsi sebagai wahana mempercepatkan penyebaran maklumat malah telah menjadi satu medium kepada ahli perniagaan untuk memperagakan barang jualan mereka yang dikenali sebagai e-dagang. Hal ini kerana dengan aplikasi e-dagang, peniaga boleh melakukan urusan jual beli dengan pengguna melalui Internet secara mudah kerana maklumat di hujung jari dan dunia tanpa sempadan. Seyogia, marcapada aktiviti perniagaan Internet semakin terkenal dan mendapat sambutan dalam kalangan masyarakat, selaras dengan kemajuan pembangunan dan ekonomi negara.

Antara faedah yang dapat diperolehi adalah, urusan perniagaan dapat dilakukan tanpa memerlukan ruang atau tempat contohnya seperti kebiasaan perniagaan lain yang memerlukan kedai atau pasar raya untuk menjalankan proses jual beli. Sebagai contoh premis peniagaan yang menawarkan jual beli atas talian seperti Lazada, Shoppe, mudah.my, Lazada.com.my dan sebagainya. Proses jual beli menggunakan e-dagang boleh berlaku di skrin komputer atau telefon bimbit sahaja, justeru, pembelian secara internet akan menguntungkan kedua belah pihak sama ada pengguna atau peniaga dengan istilah “menang

menang". Bagi pihak peniaga mereka tidak perlu menggunakan kos untuk menyewa tepat perniagaan atau pekerja dan bagi pihak pengguna mereka tidak perlu menghabiskan masa berjam-jam kerana masa itu emas hanya untuk membeli dan membayar barang keperluan di kedai atau pasar raya. Tegasnya, sudah terang lagi bersuluh aplikasi perniagaan di Internet dapat menjimatkan masa dan kos kepada pengguna dan peniaga.

Seterusnya, aplikasi perniagaan secara atas talian membolehkan pihak pengguna memilih pelbagai pilihan produk yang ditawarkan oleh pihak peniaga. Sebagaimana kita sedia maklum antara premis maya yang menawarkan pembelian atas talian seperti Zalora, Lazada, Shopee, mudah.my, dan sebagainya. Pelbagai barang yang ditawarkan oleh setiap premis maya ini dengan cara mengiklankan produk keluaran mereka seperti baju, seluar, beg. tali pinggang, cermin mata, sehingga kereta semuanya ada di dalam laman sesawang premis maya mereka, namun begitu elakkan membeli barang yang membazir kerana peribahasa Melayu ada mengatakan ikut hati mati, ikut rasa binasa. Premis maya memudahkan pelanggannya memilih barang secara alternatif dan pengguna hanya perlu memilih pelbagai barang ditawarkan di skrin komputer riba atau telefon pintar dan bebas memilih barang yang diperlukan serta sesuai dengan harga barang yang ditawarkan kerana alah membeli, menang memakai. Setiap proses pembelian akan berlaku sekiranya, pengguna bersetuju dengan syarat pembelian dan bayaran boleh dilakukan dengan menggunakan kad debit, kad visa, atau "mastercard" tanpa memerlukan pengguna membayar di premis maya. Tegasnya, perniagaan secara atas talian membolehkan pihak pengguna memilih pelbagai pilihan produk yang ditawarkan oleh pihak peniaga.

Selain itu, perniagaan atas talian mampu meluaskan pasaran produk syarikat besar ke pasaran global atau antarabangsa. Hal ini kerana dengan menggunakan e-dagang syarikat besar boleh melebarkan sayap pasaran mereka ke segenap penjuru alam kerana dengan Internet dunia tanpa sempadan. Seyogia, peniaga yang ingin memacu perniagaan secara global memerlukan mereka menyediakan aset yang cukup dan bukan sekadar indah khabar dari rupa, maksudnya syarikat perniagaan berkenaan perlu menerima hakikat bahawa pasaran sebegini memerlukan mereka bersiap siaga dari segi aset dan kewangan yang melibatkan jutaan ringgit malah mungkin bilion ringgit

untuk memberi kepercayaan kepada pengguna sama ada mereka dari kalangan syarikat asing atau penguna antarabangsa. Sebagai contoh, pengusaha pelancongan yang mengiklankan syarikat mereka bukan saya di e-dagang malah di bloger , facebook, istagram dan pelbagai lagi laman sosial yang lain perlu mempunyai aset seperti kenderaan untuk urusan pergerakan pelancong, hotel atau chalet bertaraf mewah, penyediaan makanan yang sistematik, dan pemandu pelancong yang profesional. Pada masa yang sama, kedatangan pelancong asing ini akan meningkatkan pendapatan pengusaha pelancongan dan juga negara apabila berlakunya pengaliran wang asing ke nagara kita tercinta.

Di samping itu, perniagaan atas talian juga memudahkan pelancong asing atau pelancong tempatan memilih hotel yang sama taraf mutu perkhidmatanya tetapi kos yang perlu dikeluarkan lebih murah kerana alah membeli menang memakai. Hal ini dapat kita saksikan dengan kewujudan laman sesawang seperti Trivago, Agoda, TripAdvisor, Expedia, Hotels, Booking, merupakan antara laman sesawang yang banyak membantu pelaong untuk membuat pemilihan hotel yang perlu ditempah secara bijak kerana laman sesawang berkenaan membolehkan pelancong memilih hotel yang menawarkan perkhidmatan terbaik dengan kadar sewa yang murah. Sebagai contoh, dua hotel menawar ruang bilik dengan kemudahan dan perkhidmatan tambahan yang sama seperti Hotel Angsana dan Hotel Seri Malaysia di dapati Hotel Angsana mengenakan bayaran RM 500.00 sehari semalam sedangkan Hotel Seri Malaysia menawarkan bayaran yang sama untuk ruang tamu yang sama dan perkhidmatan yang sama, sudah pasti pelancong yang bijak belelanjan akan menempah Hotel Seri Malaysia untuk program pelancongan mereka. Sebaliknya pelancong yang tidak menggunakan laman sesawang berkenaan untuk menentukan hotel yang mereka pilih, sudah pasti mereka akan membazirkan wang mereka. Sudah terang lagi bersuluh, perniagaan atas talian juga memudahkan pelancong asing atau pelancong tempatan memilih hotel yang sama taraf mutu perkhidmatanya tetapi kos yang perlu dikeluarkan lebih murah.

Intinya, perkhidmatan dan juga perkembangan media sosial negara sememangnya sudah berada pada tahap yang semakin maju dari semasa ke semasa. Dengan kemodenan bidang teknologi telekomunikasi pelbagai usaha

dalam bidang perniagaan dapat berkembang pesat ditambah pula dengan inisiatif daripada pihak kerajaan dengan menyediakan peruntukan yang besar untuk memastikan media sosial ini diimplimentasikan sepenuhnya oleh masyarakat di Malaysia untuk memacu negara ke arah negara maju pada tahun 2020. Hal ini sejajar dengan perkembangan pesat sistem media sosial yang telah diterapkan oleh beberapa negara maju dan negara lain yang sedang membangun untuk memacu pertumbuhan ekonomi masing-masing.

## **2. BAHAGIAN B : FAKTOR-FAKTOR YANG MENGALAKKAN AKTIVITI PELANCONGAN DOMESTIK MENGALAMI PERKEMBANGAN POSITIF**

Malaysia merupakan salah satu destinasi pelancongan utama di dunia. Saban tahun, jumlah pelancong yang direkodkan semakin bertambah bukan sahaja pelancong dari negara jiran seperti Singapura, Thailand dan Indonesia malah turut menjadi tumpuan pelancong asing dari Asia Barat, Eropah dan Amerika Syarikat. Industri pelancongan ini juga mempunyai potensi besar dan mampu dijadikan sumber ekonomi baharu yang menguntungkan. Justeru, banyak syarikat besar yang tumbuh “bak cendawan selepas hujan” mahupun agensi kerajaan yang giat melaksanakan usaha bagi menarik pelancong berkunjung ke Malaysia. Sebenarnya terdapat pelbagai faktor yang menyebabkan Malaysia menjadi tumpuan pelancong.

Antara faktor tersebut adalah kerana Malaysia mempunyai banyak tempat menarik untuk dilawati. Tempat menarik tersebut lazimnya menjadi tumpuan pelancong asing yang berkunjung ke negara kita. Sebagai contohnya, Malaysia memiliki kawasan rekreasi di tanah tinggi yang mempunyai suhu sejuk seperti Cameron Highlands dan Genting Highlands. Di kawasan ini, para pelancong dapat menikmati keindahan alam semula jadi yang unik di samping melihat pelbagai tanaman hawa sederhana iaitu sayur-sayuran serta buah-buahan tropika. Malaysia juga mempunyai hutan semula jadi iaitu hutan hujan Khatulistiwa yang berusia lebih dua juta tahun. Di kawasan hutan semula jadi ini pelancong dapat menjalankan aktiviti riadah sambil menikmati keindahannya mahupun menjalankan kajian tentang flora dan fauna yang

terdapat di situ. Justeru, kewujudan kawasan reakrasi seperti ini dapat menarik pelancong dari dalam dan dari luar negara.

Selain itu, perkembangan industri pelancongan di negara kita juga disebabkan oleh keadaan iklim semula jadinya yang panas sepanjang tahun. Corak iklim seperti ini amat digemari oleh pelancong asing khususnya pelancong dari negara-negara barat seperti negara Eropah dan Amerika Syarikat. Ramai pelancong barat yang mengambil kesempatan bercuti di Malaysia untuk berjemur di bawah sinaran matahari terik terutamanya di kawasan pantai yang terdapat di Malaysia. Hal ini disebabkan juga oleh keadaan pantai yang terdapat di Malaysia amat cantik, bersih dan berpasir putih. Di kawasan pantai ini juga disediakan pelbagai aktiviti untuk para pelancong seperti berkayak, berperahu layar mahupun mandi-manda. Oleh itu, keistimewaan tersebut berjaya menambat hati para pelancong untuk terus berkunjung ke negara kita.

Di samping itu, perkembangan industri pelancongan di negara kita juga turut disebabkan oleh kewujudan banyak pulau yang indah dan menarik. Di antara pulau yang menjadi tumpuan para pelancong di negara kita termasuklah Pulau Redang, Pulau Kapas dan Pulau Tioman. Kemudahan prasarana di kawasan ini dijaga dengan rapi bagi memastikan kawasan ini sentiasa bersih dan selesa untuk kunjungan para pelancong. Para pelancong juga akan dapat merasai "syurga dunia" dengan melakukan aktiviti skuba di kawasan batu karang yang terletak di Pulau Kapas sehingga diakui sebagai satu daripada tujuh keajaiban dunia. Bagi memastikan pelancong dapat menikmati keindahan semula jadi di kawasan pulau tersebut, kerajaan telah mewartakan kawasan itu sebagai Taman Laut. Jadi, dengan adanya keistimewaan tersebut, Malaysia dapat menarik lebih ramai pelancong yang sekaligus dapat menjana kemajuan industri pelancongan negara.

Pada masa yang sama, kemajuan industri pelancongan tanah air dibantu oleh wujudnya keunikan budaya di negara kita. Memandangkan Malaysia merupakan sebuah negara yang memiliki masyarakat majmuk maka pelbagai budaya menarik terdapat di sini. Gabungan budaya masyarakat Melayu, Cina dan India telah berjaya meningkatkan kunjungan pelancong asing ke Malaysia.

Kaum Melayu umpamanya terkenal dengan tarian inang dan zapin manakala kaum Cina pula terkenal dengan tarian naga. Selain itu, Malaysia juga kaya dengan pelbagai makanan tradisional yang dapat dinikmati oleh para pelancong. Masyarakat Melayu misalnya terkenal dengan makanan seperti Sate, ketupat dan rendang manakala kaum India pula terkenal dengan masakan kari, tosei, idali dan lain-lain. Justeru keunikan budaya masyarakat di Malaysia telah berjaya menjadi daya tarikan kepada para pelancong untuk berkunjung ke negara kita.

Peranan pihak kerajaan dan agensi kerajaan yang berkaitan dengan pelancongan juga turut memajukan sektor pelancongan di Malaysia. Sebagai contohnya, Kementeria Pelancongan telah mengadakan pelbagai pertunjukan kebudayaan dan destinasi pelancongan Malaysia ke beberapa buah negara sebagai usaha mempromosikan Malaysia kepada pelancong asing. Tumpuan promosi bukan sahaja terhad ke negara-negara Eropah atau Amerika Syarikat malah meliputi semua negara di dunia termasuk di Asia Barat dan di Asia Timur. Pada masa yang sama, kerajaan juga turut mengadakan pelbagai aktiviti tahunan bagi menarik lebih ramai pelancong seperti mengadakan Pesta Flora Kuala Lumpur, Pesta Makanan Tradisional Malaysia, sukan Le Tour De Langkawi dan sebagainya. Malaysia juga turut memperkenalkan konsep pelancongan baru seperti “ekopelancongan”, “agrotourism”, pelancongan perubatan, pelancongan pendidikan dan lain-lain. Dengan usaha yang berterusan ini maka sektor pelancongan di Malaysia semakin berkembang maju.

Intinya, sektor pelancongan merupakan sektor baru yang berpotensi untuk menyumbang pada ekonomi negara. Industri ini masih perlu diterokai kerana “kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya”. Justeru, peranan kerajaan dan agensi pelancongan berserta dengan kerjasama daripada semua masyarakat adalah amat diperlukan. Semoga melalui keprihatinan dan rasa bertanggungjawab dan cinta akan negara, nama Malaysia akan menjadi sebutan dan tumpuan utama seluruh penduduk dunia untuk berkunjung sambil merehatkan minda mereka.

### **3. BAHAGIAN B : FAKTOR-FAKTOR PEMILIHAN KERJAYA YANG BAIK**

Pada zaman pascakemerdekaan ini, Malaysia telah berkembang menjadi pemacu ekonomi terutamanya dalam rantau Asia Tenggara. Dasar keterbukaan kerajaan kepada pelabur asing telah membantu meningkatkan pertumbuhan ekonomi dalam negara sekaligus membuka peluang-peluang pekerjaan dalam pelbagai bidang. Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, kerjaya merujuk kepada profesion atau pekerjaan yang dipilih sebagai cara mencari nafkah hidup. Jika ditelusuri realiti masa kini, manusia boleh memilih kerjaya pilihan mereka atau mencipta sendiri kerjaya mereka. Kelahiran ciptaan teknologi dan kemampuan sains hari ini telah mendorong manusia untuk berubah dan mengadaptasi corak kehidupan baru yang bergantung kepada sains dan teknologi yang membawa kemajuan kepada tamadun manusia. Kesannya, terdapat kerjaya yang kekal relevan seperti bidang perubatan dan pendidikan. Tetapi terdapat bidang yang perlu diadaptasi dengan perkembangan teknologi hari ini seperti bidang komunikasi dan pembuatan yang lebih cenderung ke arah bebas tenaga manusia. Justeru, golongan remaja hari ini perlu mengetahui apakah faktor-faktor pemilihan kerjaya yang baik dan menjamin masa hadapan yang cerah untuk diri mereka.

### Isi 1

Faktor utama yang mempengaruhi pemilihan kerjaya dalam kalangan remaja adalah berdasarkan minat dan cita-cita. Sebagai manusia, kita dilahirkan dengan fitrah untuk meminati sesuatu dan membenci perkara yang kita tidak inginkan. Faktor minat menjadi pendorong utama dalam pemilihan kerjaya adalah kerana individu tersebut mempunyai semangat dan keterujaan untuk melaksanakan tugas yang memberikan kebahagiaan kepada diri mereka. Sebagai contoh, Allahyarham Sudirman Bin Haji Arshad yang merupakan penyanyi terkenal dan penghibur tersohor negara pada suatu ketika dahulu. Beliau merupakan graduan undang-undang tetapi meninggalkan bidang guaman untuk memilih bidang seni sebagai kerjaya pilihannya. Ternyata disebabkan minat dan cita-citanya yang kuat, beliau berjaya menambat hati hampir seluruh rakyat Malaysia pada ketika itu dengan lagu-lagu ciptaan beliau sehingga digelar "Penghibur Nombor 1 Di Asia". Senario itu menunjukkan bahawa sekiranya anda mempunyai minat dan cita-cita yang tinggi dan mendalam, ia mampu menghasilkan kerjaya yang cemerlang dan memberikan kepuasan kepada diri sendiri.

### Isi 2

Faktor lain yang mendorong para remaja dalam memilih kerjaya mereka adalah faktor latar belakang akademik. Sebagai warganegara Malaysia, kita diwajibkan untuk bersekolah di peringkat rendah selama enam tahun dan peringkat menengah selama lima tahun. Kemampuan akademik selama sebelas tahun ini mempengaruhi sebilangan besar para remaja dalam membuat pilihan kerjaya mereka. Ada di antara mereka yang gemar dengan mata pelajaran matematik akan memilih bidang kejuruteraan dan yang gemar akan mata pelajaran biologi memilih bidang perubatan. Dalam erti kata lain, pemilihan mata pelajaran para pelajar di sekolah menjadi pendorong kepada pemilihan kerjaya mereka di masa hadapan. Pembelajaran teori di peringkat umum akan mempengaruhi pelajar untuk belajar dengan lebih mendalam dan fokus kepada bidang-bidang tertentu. Tambahan pula, majikan atau syarikat akan menapis calon-calon pekerja berdasarkan kelayakan akademik pelajar kerana hanya jauhari sahaja yang mengenali manikam. Jikalau pelajar berjaya menguasai mata pelajaran berkenaan sudah pasti mereka ada kelebihan untuk menggapai kerjaya yang diidam-idamkan. Intihannya, latar belakang akademik merupakan faktor yang penting untuk menentukan kejayaan pelajar merealisasikan kerjaya yang mereka minati.

### **Isi 3**

Pada waktu yang sama, golongan remaja perlu melihat dan mengkaji faktor prospek kerjaya yang akan dipilih. Faktor ini penting bagi menjamin kelangsungan hidup setiap individu kerana kerjaya yang baik memberikan gaji yang lumayan. Misalnya, bidang perubatan dan perbankan menjadi pilihan ramai remaja kerana ia memberikan kestabilan kerja, gaji yang berpatutan dan prospek kerjaya yang meyakinkan. Namun prospek tersebut adalah bergantung kepada kelayakan dan kemampuan individu tersebut untuk mengembangkan kemahiran mereka sehingga berjaya ditawarkan pangkat ke jawatan yang lebih tinggi. Kenaikan taraf kehidupan dan kos sara hidup menjadi titik tolak kepada remaja dalam memilih kerjaya yang memberikan upah atau gaji yang berpatutan untuk mereka meneruskan kelangsungan hidup. Keadaan ekonomi dunia amnya dan negara khususnya yang tidak menentu ketika ini menambah lagi idea di mana kerjaya yang dipilih seharusnya mampu menampung diri dan rancangan masa hadapan individu untuk berkeluarga serta memiliki aset-aset seperti rumah dan kereta. Jelaslah bahawa faktor prospek kerjaya mempengaruhi remaja dalam memilih kerjaya pilihan mereka.

### **Isi 4**

Selain daripada itu, pengaruh dan sokongan daripada ibu, bapa dan ahli keluarga juga menjadi faktor dalam pemilihan kerjaya remaja. Ironinya, keredaan ibu dan bapa adalah penentu kehidupan setiap individu kerana dengan halangan atau dorongan akan memberikan impak kepada keputusan yang diambil oleh mereka. Pada pandangan saya, ibu dan bapa seharusnya memberikan sokongan terhadap minat anak-anak mereka kerana jika kita memaksa mereka melakukan kerja yang tidak diminati, pasti mereka akan mudah kecundang dan gagal dalam kerjaya tersebut. Sebaliknya ibu dan bapa boleh membantu anak-anak mencapai cita-cita mereka dengan memberikan kata-kata semangat atau menghantar mereka ke kelas yang berkaitan dengan minat mereka. Misalnya, atlet berbasikal negara, Azizulhasni Awang tidak akan berjaya menjadi atlet yang bertanding di peringkat dunia sekiranya ayah beliau tidak menghadiahkan sebuah basikal sebagai ganjaran kecemerlangan beliau di sekolah. Bermula daripada dorongan itu, beliau meneruskan cita-cita dalam menjadi atlet berbasikal negara dan berjaya merangkul pingat emas di kejohanan peringkat dunia. Siapa sangka, anak kelahiran Dungun, Terengganu bersaiz fizikal yang kecil berbanding atlet di Eropah dan Amerika mampu bersaing dan menjadi juara dunia dalam acara yang dikuasainya. Natijahnya, sokongan ibu dan bapa adalah faktor yang mustahak dalam pemilihan kerjaya para remaja.

### **Penutup**

Tuntasnya, pelbagai faktor yang telah dikupas menjadi pemangkin kepada pemilihan kerjaya dalam golongan remaja hari ini. Ia merupakan suatu perkara yang tidak boleh dipandang enteng kerana tanpa kerjaya yang baik, kehidupan seseorang boleh musnah dan memundurkan masyarakat, bangsa dan negara. Setiap pihak yang berkaitan terutamanya ahli keluarga seharusnya memberikan bimbingan dan panduan yang tepat agar remaja hari ini membuat pilihan yang baik. Sokongan dalam bentuk fizikal, mental dan kerohanian wajar diberikan kerana para remaja hari ini perlu bersaing dan membentuk diri mereka dengan kemahiran dan kelayakan yang tinggi bagi merebut peluang kerjaya yang semakin terhad. Semoga generasi muda hari ini tabah dan dikurniakan kebijaksanaan dalam mencipta peluang kerjaya serta mengembangkan kerjaya mereka agar kemajuan negara diteruskan dengan jayanya. Peribahasa melayu berkata di mana ada kemauhan, di situ ada jalan. Kata mutiara ini sesuai untuk dijadikan sebagai pedoman para remaja dalam menempuh dugaan dan cabaran sebelum berjaya mencapai cita-cita dan kerjaya impian mereka.

## **SARAWAK (LIMBANG)**

### **BAHAGIAN A : CARA MENGELAKKAN KEMALANGAN JALAN RAYA**

Kemalangan jalan raya boleh mengakibatkan tragedi ngeri kepada sesiapa sahaja. Pengguna jalan raya perlu mengamalkan etika pemanduan yang betul untuk mengelakkan situasi tidak terduga seperti ini berlaku dengan mematuhi peraturan jalan raya dan cara pemanduan yang betul. Oleh itu, ikuti 10 tips mengelakkan kemalangan seperti berikut bagi melindungi diri anda di jalan raya:

#### **1. Pemeriksaan Kenderaan**

Pemeriksaan rawak terhadap kenderaan perlu dilakukan sebelum dan semasa memandu kereta bagi memastikan perjalanan yang selamat. Sentiasa periksa sudut cermin sisi dan tekanan angin tayar agar tidak kurang atau berlebihan.

Pastikan bamper hadapan kereta berada pada jarak selamat semasa memandu demi menjaga pergerakan kenderaan.

#### **2. Penyenggaraan**

Penyenggaraan berjadual amat penting untuk dilakukan bagi memastikan kenderaan berada dalam keadaan baik, selamat dan mempunyai tahap operasi optimum. Oleh itu, pastikan anda sentiasa melakukan servis kenderaan mengikut jadual.

Periksa tayar, lampu, penggilap cermin, brek, transmisi, stereng, minyak enjin, paras air dan sistem lain pada kereta anda supaya ia berada dalam keadaan baik.

#### **3. Keadaan Jalan Raya**

Sentiasa berwaspada dengan situasi di jalan raya seperti keadaan trafik, jalan raya berlubang dan hujan bagi mengelakkan kemalangan. Pastikan anda memandu kenderaan secara perlahan apabila hujan kerana jalan raya yang basah dan licin akan mengurangkan daya cengkaman tayar kenderaan.

#### **4. Jangan Memandu Dalam Keadaan Mabuk**

Memandu kenderaan di bawah pengaruh alkohol adalah satu tindakan yang dilarang di sisi undang-undang. Ia boleh membuat anda hilang tumpuan semasa memandu dan mengakibatkan kemalangan.

Oleh itu, minta pertolongan teman atau rakan anda untuk memandu atau gunakan teksi sekiranya tubuh anda mempunyai paras alkohol yang tinggi.

#### 5. Peka Terhadap Keadaan Sekeliling

Sebagai pemandu berhemah anda perlu sentiasa memberi tumpuan sepenuhnya terhadap pemanduan anda dan peka terhadap keadaan sekeliling. Pastikan fokus hanya berada pada jalan raya dan persekitaran serta elakkan penggunaan telefon bimbit semasa memandu kerana ia boleh mengalihkan tumpuan anda.

#### 6. Gunakan Lampu Isyarat Dengan Betul

Ramai pemandu gagal memberi lampu isyarat semasa menukar lorong atau membelok. Ia sentiasa menjadi salah satu punca berlakunya kemalangan jalan raya. Oleh itu, pastikan selalu memberi lampu isyarat lebih awal sekiranya anda ingin membelok atau menukar lorong.

#### 7. Patuhi Had Kelajuan

Jalan raya digunakan untuk menuju ke sesuatu destinasi dengan selamat. Ia bukan medan perang atau lumba di mana ramai gemar memecut sehingga mengundang kemalangan.

Bagi mengelakkan situasi tidak terduga, pastikan jangan memecut atau memandu terlalu laju. Patuhi had kelajuan jalan raya yang ditetapkan demi menjaga keselamatan diri dan penumpang.

#### 8. Titik Buta

Titik buta adalah kawasan disekeliling kenderaan yang tidak boleh dilihat secara langsung oleh pemandu. Hal ini berpunca daripada reka bentuk kenderaan yang mengehadkan penglihatan pemandu.

Oleh itu, sentiasa berhati-hati dengan titik buta iaitu di belakang dan tepi kereta semasa pemanduan terutamanya semasa jalan sesak.

## **9. Jangan Memandu Terlalu Dekat**

Pastikan anda sentiasa berada pada jarak selamat dengan kereta di hadapan atau sisi bagi memastikan kenderaan anda masih berada di jarak yang selamat jika anda menggunakan brek kecemasan. Amalkan peraturan tiga saat dari kereta di hadapan.

## **10. Patuhi Peraturan**

Peraturan jalan raya diwujudkan bagi menjaga keselamatan pengguna. Oleh itu, jangan abaikan peraturan jalan raya dan sentiasa patuhi had laju, lampu isyarat dan peraturan-peraturan lain. Jangan pentingkan diri sendiri. Sayangi nyawa anda dan orang tersayang.

Kemalangan boleh dielakkan jika anda sentiasa berhati-hati dan mematuhi peraturan jalan raya. Jadilah pemandu yang berhemah.

## **1. BAHAGIAN B : AKTIVITI KEJIRANAN MEMPERERAT HUBUNGAN**

Rujuk karangan kedah bahagian B, no. 1.

## **2. BAHAGIAN B : USAHA USAHA UNTUK MENGELAKKAN TEKANAN MENTAL DAN EMOSI BAGI REMAJA**

Sejak kebelakangan ini, isu depresi dan kemurungan menjadi polemik yang dibincangkan dalam masyarakat konvensional. Kenaikan kos sara hidup dan ketidak tentuan ekonomi negara telah menyebabkan isu yang sebelum ini tidak diberi perhatian umum kini menjadi masalah utama dalam kalangan komuniti terutamanya golongan remaja dan belia. Masalah depresi atau kemurungan berpunca daripada tekanan atau stres yang berpanjangan, keterlaluan dan tiada kemampuan daya tindak seseorang individu terhadap masalah tersebut. Ia merupakan tindak balas fizikal, emosi dan juga mental yang dialami oleh seseorang apabila terdapat desakan terhadap sesuatu perkara. Sesiapa sahaja yang mengamalkan berbagai cara gaya hidup samada kanak-kanak, remaja, dewasa serta warga emas boleh mengalami stres atau tekanan. Justeru, wajar untuk kita bincangkan apakah cara-cara yang boleh dilaksanakan bagi mengatasi tekanan atau stres sebagai panduan kepada masyarakat hari ini.

### **Isi 1**

Prakarsa utama dalam membendung tekanan atau stres adalah dengan mempelajari kawalan emosi kendiri. Terdapat tekanan yang berbentuk sedikit, sederhana dan berlebihan di mana dalam jangka masa panjang dan tidak dapat ditangani oleh individu tersebut, ia akan menyebabkan kesan negatif serta memudarangkan kesihatan mereka. Oleh itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah memperkenalkan penyelesaian jangka pendek sebagai kawalan emosi kendiri yang dikenali sebagai kaedah "10B". Sekiranya anda mengalami stres atau tekanan anda perlu mengikuti kaedah ini secara berturutan iaitu bertenang, bernafas secara dalam, berkata relaks kepada diri, beribadat, bercakap dengan seseorang, berurut, berehat dan mendengar muzik, beriadah, bersenam serta akhir sekali berfikiran positif. Kaedah ini juga baik untuk membantu menangani tekanan darah tinggi yang meyumbang kepada punca stres. Memang kita tidak boleh nafikan bahawa punca tekanan dan stres lazimnya bukan daripada diri kita dan sukar untuk mengatasinya tetapi dengan kaedah yang diutarakan, kita dapat mencegah perkara yang lebih negatif daripada berlaku.

### **Isi 2**

Di samping itu, tekanan atau stres boleh diatasi dengan berkongsi masalah atau bercerita tentang perkara yang dilalui kepada individu yang dipercayai. Sebagai contoh, apabila majikan memarahi pekerja tentang tugas yang diberikan, pekerja tersebut tidak berasa tertekan dan tidak tahu cara untuk menyelesaikan masalah terbabit untuk mengurangkan stress. Maka, pekerja tersebut boleh mencari rakan kerja yang berkecimpung dalam bidang yang sama seterusnya berkongsi masalah dan berbincang tentang jalan penyelesaian terbabit. Tindakan ini bukan sahaja dapat mengurangkan tekanan malah menunjukkan teladan dan tahap profesional yang lebih baik daripada majikan pekerja tersebut yang menuding jari tanpa memberikan sebarang bantuan. Selain itu, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah pun membangunkan Talian Kasih 15999 yang beroperasi selama 24 jam pada setiap hari. Talian aduan krisis ini membolehkan sesiapa sahaja yang mempunyai masalah berkaitan kaunseling, kebijakan, perlindungan dan masalah keluarga untuk berhubung dengan pegawai yang bertugas dan mereka akan membantu mangsa atau individu yang tiada kenalan untuk berkongsi masalah serta untuk menghilangkan stres.

### **Isi 3**

Alternatif lain yang dapat dilakukan oleh individu bagi mengelakkan tekanan atau stres adalah dengan melakukan aktiviti riadah seperti bersenam atau bersukan. Umum mengetahui bahawa aktiviti riadah mendatangkan pelbagai manfaat sekiranya kita aktif dalam menyertainya. Misalnya, apabila seseorang bermain sukan badminton bersama rakan-rakan, secara zahirnya mereka dapat melepaskan tekanan yang mereka alami dengan menghasilkan pukulan smesy ke arah lawan. Tambahan pula permainan sukan mewujudkan semangat setiaawan dan kerjasama di mana satu bentuk kepuasan akan diperoleh sekiranya pasukan individu tersebut memenangi permainan yang disertai. Bagi golongan dewasa yang berkerjaya dan mempunyai kekangan masa untuk bersukan seharusnya meluangkan masa dihujung minggu untuk beriadah sekurang-kurangnya selama 30 minit. Kemudahan pusat riadah seperti taman permainan dan taman komuniti telah lengkap dengan trek untuk berjogging atau berbasikal serta kelengkapan asas gimnasium yang boleh digunakan tanpa bayaran untuk melepaskan hormon kesehatan tubuh. Kesannya, badan yang cergas akan membentuk minda sihat dan tekanan atau stres dapat diatasi.

#### **Isi 4**

Jika dilihat pada sudut pandang yang berlainan, tekanan dapat dielakkan dengan mendekatkan diri kepada Tuhan. Hal ini demikian kerana, ketenangan hati dan segala urusan duniaawi adalah kurniaan dan ujian yang diberikan oleh Tuhan. Maka, kita seharusnya sentiasa bermuhasabah diri sama ada perkara atau kehidupan yang kita jalani seiring dengan ajaran dan kehendak Beliau. Setiap agama mengetengahkan konsep kebaikan dan nilai-nilai murni supaya kita tidak terjerumus dalam lembah duniaawi yang tidak kekal dan bersifat sementara. Sebagai seorang muslim, ibadat solat merupakan tiang agama dan mampu membantu menenangkan hati dan minda jika dilakukan dengan kekhusukan. Tambahan pula, segala perbuatan dalam solat telah ditafsirkan sebagai bentuk senaman ringan kepada kita setelah mengharungi pekerjaan sepanjang hari. Lantaran itu, pendekatan diri kepada Sang Pencipta bukan sahaja memberikan kita ketenangan malah menunjukkan jalan yang benar dan diperlukan oleh manusia yang lemah seperti kita semua untuk meningkatkan kerohanian. Izharnya, kekuatan rohani akan mezahirkan ketahanan jasmani terhadap apa sahaja masalah yang timbul.

#### **Penutup**

Sebagai kesimpulan, terdapat banyak cara menghilangkan stress yang boleh dilakukan bagi mengatasi tekanan atau stres. Ia adalah perasaan semula jadi yang ada pada setiap individu dan pelbagai faktor yang menyumbang kepada desakannya terhadap sesorang individu. Dengan kesedaran masyarakat yang semakin baik terhadap perkara ini, ramai pihak seharusnya menggembungkan tenaga bagi memperkenalkan mekanisme kawalan terhadap tekanan atau stres yang dihadapi oleh ahli masyarakat. Perkara ini boleh diputar menjadi sumber motivasi seseorang untuk mencapai segala bentuk kejayaan dalam perkara yang mereka ceburi. Kita hanya memerlukan kepakaran dan kajian yang telus supaya dapat membantu golongan yang terkesan serta untuk mengetahui kaedah terbaik kerana mencegah lebih baik daripada merawat. Semoga segala inisiatif dan cara menghilangkan stres yang diatur dapat memangkin sifat mahmudah dalam diri setiap individu seterusnya melahirkan komuniti yang hidup sejahtera, aman dan harmoni.

### **3. BAHAGIAN B : *LANGKAH LANGKAH UNTUK MENGGALAKKAN MASYARAKAT MEMBACA***

Dalam menempuh arus kemodenan, masyarakat Malaysia kian mengabaikan amalan membaca. Terdapat pelbagai bahan bacaan yang boleh dibaca seperti novel, majalah dan surat khabar. Dengan membaca kita akan memperoleh seribu satu manfaat dan pengetahuan. Oleh itu, semua pihak wajarlah menerapkan amalan membaca dalam diri masing-masing. Persoalannya, apakah langkah-langkah yang boleh diambil untuk menerapkan amalan membaca?

Antara langkah untuk memupuk amalan membaca dalam kalangan rakyat Malaysia ialah ibu bapa digalakkan untuk mewujudkan perpustakaan mini di rumah. Perpustakaan ini haruslah kelihatan menarik, kemas dan ceria. Hal ini dapat menarik minat anak-anak untuk membaca setiap hari. Buku yang

disediakan hendaklah ilmiah dan mempunyai banyak informasi menarik serta isu semasa. Perpustakaan yang menarik dapat menggalakkan anak-anak yang masih kecil untuk membaca. Hal ini kerana meluntur buluh biarlah daripada rebungnya.

Seterusnya, pihak perpustakaan awam seharusnya mengadakan karnival membaca. Karnival membaca ini akan menggalakkan masyarakat setempat untuk berkunjung ke perpustakaan awam. Pelbagai aktiviti menarik hendaklah diadakan seperti pertandingan bercerita, pertandingan mendeklamasikan sajak, menubuhkan gerai jualan buku dan membaca selama 10 minit. Hal ini bukan sahaja dapat menggalakkan pengunjung membaca tetapi juga dapat memberikan keuntungan kepada pihak perpustakaan. Hal ini dapat dikaitkan dengan peribahasa sambil menyelam minum air.

Selain itu, pihak sekolah haruslah mewajibkan setiap kelas untuk mewujudkan ruang bacaan di kelas masing-masing. Dengan adanya ruang bacaan ini, pelajar dapat membaca di dalam kelas ketika guru tiada di kelas. Hal ini akan menyebabkan pelajar tidak membuang masa begitu sahaja kerana masa itu emas. Seterusnya, pihak sekolah bertanggungjawab untuk memastikan pelajar berkunjung ke pusat sumber sekolah sekurang-kurangnya sekali sebulan.

Akhir sekali, tempat-tempat awam seperti tempat menunggu haruslah disediakan dengan sumber bacaan. Sebagai contoh, ruang bacaan wajarlah diwujudkan di stesen komuter, bas dan kereta api. Bahan bacaan ringkas boleh disediakan seperti surat khabar dan majalah. Selain itu, hospital dan klinik juga boleh menyediakan bahan bacaan untuk para pesakit dan orang yang menunggu. Dengan cara ini masa mereka dapat dimanfaatkan dengan perkara yang berfaedah.

Kesimpulannya, terdapat pelbagai langkah yang boleh diambil untuk menggalakkan masyarakat Malaysia membaca. Sesungghnya, membaca itu jambatan ilmu. Kita haruslah rajin membaca kera banyak faedah dan isu semasa yang boleh kita peroleh.

#### **4. BAHAGIAN B : PERSIAPAN YANG PERLU DILAKUKAN UNTUK MEMBANTU INDIVIDU MENJALANKAN PERNIAGAAN**

Perniagaan ialah aktiviti yang melibatkan urusniaga jual beli barang atau perkhidmatan antara pihak penjual dan pembeli bagi memenuhi keperluan dan kehendak pengguna dan melibatkan pertukaran nilai bagi mendapatkan keuntungan.

Manakala Usahawan mengikut definisi Dewan Bahasa Dan Pustaka adalah orang yang mengusahakan sesuatu perusahaan, pengusaha; keusahawanan (segala-gala) yang berkaitan dengan usahawan atau kegiatan dan kemahiran usahawan. Kita perlu mencari kaedah-kaedah bagi membantu mempercepat pembangunan pengurusan.

Usahawan/bakal usahawan yang ingin menjalankan perniagaan perlu membuat persediaan rapi dari segi pengetahuan, kemahiran dan nilai berkaitan perniagaan berkenaan bagi memastikan kejayaan entiti perniagaan tersebut.

### Persediaan Sebelum Memulakan Perniagaan

#### #1 – Mendapatkan Khidmat Nasihat Pra-Perniagaan

Para usahawan disarankan untuk mendapatkan ilmu perniagaan secukupnya sebelum melangkah ke alam perniagaan yang penuh dengan cabaran dan dugaan. Terdapat beberapa agensi kerajaan yang menyediakan khidmat nasihat kepada bakal usahawan seperti berikut:

Majlis Amanah Rakyat (MARA)

Perbadanan Usahawan National Berhad (PUNB)

#### #2 - Membuat Persiapan Diri

Sebagai seorang usahawan, kita bukan sahaja perlu bijak dalam mentadbir syarikat serta para pekerja sahaja, kita juga perlu memiliki kemahiran dan pengalaman yang berkaitan dengan bidang yang diceburi. Jadi, sebelum anda memulakan perniagaan dan menggaji pekerja, pastikan anda mempunyai ilmu dan kemahiran mengenai bidang perniagaan anda terlebih dahulu. Ia penting bagi memastikan anda benar-benar tahu apa yang para pekerja anda sedang lakukan dan dapat membantu jika mereka melakukan sebarang kesilapan.

#### #3 - Perancangan Kewangan Syarikat

Kaedah yang digunakan bagi memastikan sesebuah perniagaan mempunyai cukup wang adalah:

Penyediaan rancangan kewangan (belanjawan).

Jangkaan. Ramalan dan analisis terhadap sesuatu peristiwa atau keadaan pada masa hadapan.

Analisis. Kesan kepada prestasi dan kedudukan kewangan perniagaan.

Penilaian. Tindakbalas kepada peristiwa atau keadaan yang dijangka akan berlaku.

Dua (2) proses penting dalam Merancang Kewangan Perniagaan iaitu:

Merancang Masa Hadapan

Mengawal Prestasi Perniagaan

#### #4 - Mendapatkan Maklumat Lokasi & Premis Perniagaan

Memilih lokasi yang baik untuk perniagaan anda amat penting dari segi meningkatkan peluang anda untuk berjaya. Memilih tapak yang sesuai untuk perniagaan anda memerlukan pemikiran dan penyelidikan yang teliti untuk membuat keputusan yang bijak. Terdapat juga agensi-agensi yang menawarkan ruang niaga untuk disewa seperti MARA, Pihak Berkusa Tempatan dan Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB).

#### #5 – Membuat Rancangan Perniagaan

Usahawan yang telah mempunyai pengetahuan, kemahiran dan nilai untuk memulakan perniagaan perlu merangka rancangan perniagaan bagi memastikan segala aspek di dalam perniagaan di ambil kira termasuk keperluan kewangan, sumber dan operasi perniagaan.

Tujuan penyediaan kertas kerja ini bukan semata-mata bagi tujuan memohon pembiayaan daripada institusi kewangan, tetapi sebagai garis panduan kepada usahawan berkenaan tentang perniagaan yang diceburi.

Usahawan boleh mendapatkan maklumat daripada website agensi yang menawarkan contoh panduan Rancangan Perniagaan.

## #6 – Memohon Program Usahawan

Para usahawan perlu menjalani aktiviti latihan keusahawanan bagi menyediakan pakej untuk Bumiputera memperlengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan, kemahiran dan ciri-ciri keusahawanan untuk menjadi usahawan yang berdaya maju dan berdaya saing. Program-program di bawah latihan keusahawanan biasanya meliputi kursus, latihan, seminar, bengkel bagi input pendedahan, pengetahuan dan kemahiran di tahap pembudayaan keusahawanan, pewujudan usahawan serta peningkatan dan pengukuhan yang dianjurkan oleh Bahagian Pembangunan Usahawan serta dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan, swasta dan badan-badan bukan kerajaan (NGO).

Terdapat pelbagai program yang ditawarkan kepada usahawan untuk dipohon. Di antara agensi-agensi/badan berkanun yang menyediakan program usahawan adalah seperti berikut:

Program Usahawan Di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar  
Program di bawah Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SME Corp. Malaysia)

## #7 – Menjalani Latihan Usahawan

Latihan usahawan adalah proses penambahan ilmu dalam bentuk latihan/ kursus/ seminar/ bengkel yang disediakan oleh Kementerian/ Agensi meliputi pelbagai bidang seperti pengurusan kewangan, pemasaran, tadbir urus korporat, motivasi, pengurusan am dan sebagainya.

Berikut adalah antara Kementerian /agens yang menyediakan latihan / kursus kepada usahawan bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran keusahawanan bagi membantu mereka.

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)

Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB)

Institut Keusahawanan Negara (INSKEN)

Kementerian Pembangunan Usahawan (MED)

SME Corp. Malaysia

## **SELANGOR 1.0**

### **BAHAGIAN A : KEGIATAN RASUAH YANG SEMAKIN MEMBIMBANGKAN NEGARA**

Kegiatan rasuah semakin berleluasa di negara kita dan menjadi ancaman kepada imej negara. Terdapat beberapa faktor dan langkah-langkah drastik yang perlu dilakukan untuk mencegah kegiatan rasuah ini.

Antara faktor yang menyebabkan gejala rasuah ini adalah kelemahan peribadi seseorang individu. Kelemahan peribadi ini mungkin disebabkan oleh kurangnya didikan agama dan moral seseorang. Sikap ingin hidup mewah dan tamak menyebabkan golongan yang mengambil rasuah ini sanggup mengetepikan ajaran agama. Mereka hanya memikirkan kesenangan sementara tanpa sedar balasan dan hukuman yang bakal diterima kelak.

Selain itu, kelemahan kepimpinan dan pengurusan organisasi juga merupakan faktor utama berlakunya rasuah. Kepimpinan yang tidak cekap dan lemah menyebabkan kurang penyeliaan dan pemantauan ke atas golongan pekerja. Hal ini akan mendorong aktiviti rasuah berlangsung secara berleluasa dalam sesebuah organisasi. Oleh itu, golongan pekerja merupakan golongan yang mudah terjebak dalam gejala rasuah.

Di samping itu, terdapat beberapa langkah untuk mengatasi gejala rasuah ini seperti memperkuatkuasakan undang-undang dan hukuman. Hal ini bagi memastikan pengamal rasuah akan berfikir dua kali sebelum melakukan rasuah. Hukuman yang berat perlu dijatuhi kepada pesalah rasuah agar mereka serik untuk melakukan gejala rasuah di kemudian hari. Melalui langkah ini, masyarakat akan sedar betapa bahayanya aktiviti rasuah ini.

Seterusnya, pendedahan awal tentang bahayanya gejala rasuah sejak di bangku sekolah lagi merupakan langkah yang bijak bagi menangani gejala rasuah. Generasi yang dididik agar membenci gejala rasuah ini akan lebih bersikap telus, jujur dan amanah semasa menjalankan tugas mereka. Pendedahan awal tentang gejala rasuah ini boleh diterapkan dalam sukatan pelajaran di sekolah dalam mata pelajaran Pendidikan Islam, Pendidikan Moral, dan Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan.

Langkah lain ialah mempermudahkan urusan menggunakan kemudahan teknologi maklumat (ICT). Proses yang panjang dan sukar semasa melakukan urusan harus dipermudahkan menggunakan kelebihan ICT. Melalui cara ini, seseorang individu lebih cenderung berurusan dengan menggunakan perkhidmatan atas talian yang lebih cepat dan cekap sekaligus membendung gejala rasuah yang mudah berlaku seperti sogokan semata-mata untuk mempercepatkan prosedur proses urusan.

Konklusinya, rasuah merupakan wabak sosial yang mestilah dibanteras hingga ke akar umbi. Semua pihak tidak kira pangkat atau harta seharusnya menggembeleng tenaga dan berganding usaha untuk mengatasi gejala rasuah di negara kita. Jika setiap individu memainkan peranan dengan mengelakkan diri daripada mengambil rasuah, pastilah masalah ini dapat ditangani kerana bak kata pepatah, di mana ada kemahuan, di situ ada jalan. Maka, tindakan saksama yang dikenakan terhadap pesalah rasuah tanpa mengira kedudukan juga dapat meningkatkan kepercayaan dan keyakinan rakyat. Lantas, negara kita dapat terus maju dan muncul sebagai negara kelas pertama di pentas dunia.

## **1. BAHAGIAN B : FAEDAH MEMBACA**

Rujuk bahagian B, KELANTAN no.1

## **2. BAHAGIAN B : LANGKAH MENINGKATKAN SEMANGAT PERPADUAN**

Perpaduan merujuk kepada suasana dan ikatan mesra antara rakyat dalam sesebuah negara. Sudah terang lagi bersuluh, semakin hari kita semakin menghampiri ambang 2020. Keadaan ini menandakan titik permulaan pelbagai cabaran dan rintangan yang bakal menghambat. Isu perpaduan kaum bukanlah sesuatu isu yang baharu di negara kita bahkan telah menjadi fokus perbincangan dalam media massa dan buah mulut dalam kalangan rakyat. Senario ini amat mengecewakan kerana pembangunan negara kita yang pesat sejak merdeka akan terjejas disebabkan pergaduhan dan pergolakan politik dalaman. Tiada penyakit yang tiada penawarnya, maka langkah-langkah yang konkret, sistematik dan pragmatik haruslah dijalankan secara berterusan agar masalah ini boleh dibasmi hingga akar umbi.

Peranan ibu bapa dan barisan pendidik merupakan wahana dalam membina generasi masa hadapan yang mementingkan keharmonian antara kaum. Dalam institusi keluarga, ibu bapa merupakan entiti mithali kepada anak dan perlu menunjukkan teladan baik. Contohnya, ibu bapa haruslah bertegur sapa dan melayani jiran setangga dengan mesra tanpa mengira bangsa, kaum dan anutan agama. Maka, sejak usia muda anak akan terpengaruh untuk meneladani sikap ibu bapa yang menghormati kaum lain, bak kata pepatah, melentur buluh biarlah daripada rebungnya. Barisan pendidik di sekolah juga memainkan peranan signifikan dalam menerapkan nilai murni ke dalam sanubari anak murid. Melalui pengajaran subjek pendidikan moral dan sivik kewarganegaraan, barisan pendidik dapat memberikan bimbingan dan nasihat yang berterusan untuk membentuk sahsiah positif dalam para murid. Yang kita pastikan ialah gabungan usaha antara ibu bapa dengan barisan pendidik dapat memupuk nilai perpaduan dalam generasi muda.

Selain itu, pada masa ini juga aktiviti kemasyarakatan dapat mengukuhkan perpaduan kaum di negara kita. Melalui penganjuran aktiviti gotong-royong, masyarakat dapat memupuk semangat bekerjasama bak aur dengan tebing untuk membersihkan dan mengindahkan kawasan persekitaran tempat kediaman. Aktiviti sebegini mampu menjamin keceriaan kawasan kediaman masyarakat dan juga membuka ruang serta peluang komunikasi antara jiran tetangga. Pada masa yang sama, konsep rumah terbuka haruslah diperkuuh di negara kita. Rumah terbuka merupakan kaedah pemupukan perpaduan yang efektif kerana dapat mendedahkan masyarakat kepada keunikan adat resam kaum lain. Secara tidak langsung, persefahaman antara kaum dapat diwujudkan dan hubungan erat bak isi dengan kuku dapat dijalin. Dengan perkataan lain, aktiviti kemasyarakatan merupakan saluran yang paling berkesan untuk memupuk perpaduan kaum.

Pada realitinya, memang tidak dapat dinafikan bahawa media massa merupakan rangkaian perhubungan yang banyak digunakan dalam era globalisasi ini. Dalam konteks mengukuhkan perpaduan kaum, media massa seharusnya digunakan dengan sebaik-baiknya untuk menyebarkan mesej dan informasi positif tentang kepentingan bersatu padu. Sebagai analoginya, stesen penyiaran tempatan boleh menyiarkan program yang berunsur perpaduan dan mempunyai pelakon yang berbilang pelbagai bangsa. Siaran

program sudah pasti dapat menerapkan nilai perpaduan dalam jiwa masyarakat secara berunsur-unsur terutamanya jika unsur hiburan turut diselitkan dalam program tersebut. Sesungguhnya, perpaduan kaum akan tercapai dengan lebih mudah melalui peranan media massa.

Dalam sistem perundangan negara kita, rakyat diberikan hak kebebasan bersuara. Namun demikian, rakyat Malaysia seharusnya menghindari sebarang tindakan yang boleh mencetuskan provokasi kaum. Rakyat negara kita haruslah mengawal nafsu diri dan tidak mengambil kesempatan dengan mencetuskan isu sensitif dan kontroversi. Hal ini dapat mengelakkan muhibah dan perpaduan kaum daripada terjejas kerana bak kata pepatah, mencegah lebih baik daripada mengubati. Justeru, peranan rakyat sendiri tidak boleh dinafikan kepentingannya dalam usaha memupuk perpaduan kaum di negara kita.

Konklusinya, perpaduan merupakan tunjang dan asas negara Malaysia. Semua pihak haruslah menggembangkan tenaga dan berganding usaha untuk memainkan peranan masing-masing dalam menerbitkan semangat perpaduan dalam sanubari sendiri dan orang lain. Jika semua masyarakat berganding bahu, ibarat ke bukit sama didaki, ke lurah sama dituruni, insyallah perpaduan rakyat dapat dicapai dan digenggam erat. Dengan ini diharapkan peristiwa hitam seperti 13 Mei 1969 dapat dielakkan daripada berulang kembali. Demi merealisasikan visi kudsi Wawasan 2020, marilah kita bersama-sama menyeru sahutan kerajaan dan berusaha untuk mewujudkan masyarakat yang harmoni dan bersatu.

### **3. BAHAGIAN B : CARA MEMBANTU GOLONGAN ORANG KURANG PAYA (OKU)**

Orang Kurang Upaya merupakan orang yang kurang berasib baik. Mereka dilahirkan dalam keadaan cacat atau mengalami kemalangan yang menjelaskan anggota badan. Mereka tidak dapat menjalani kehidupan yang sempurna kerana kekurangan yang dimiliki. Mereka perlu dibantu untuk melakukan sesuatu pekerjaan. Terdapat pelbagai pihak yang perlu memainkan peranan untuk membantu Orang Kurang Upaya (OKU).

mendidik anak-anak supaya menghormati OKU

Ibu bapa berperanan mendidik anak-anak mereka supaya menghormati serta tidak memandang hina OKU. Hal ini demikian kerana OKU juga mempunyai perasaan ingin dihargai, disayangi dan dihormati oleh masyarakat. Sebagai contoh, anak-anak diajar supaya tidak memandang sebelah mata serta tidak mentertawakan apabila berhadapan dengan golongan tersebut. Tegasnya, ibu bapa perlu mendidik anak-anak supaya menghormati OKU.

#### Peluang pendidikan

Selain itu, pihak kerajaan boleh menyediakan pelbagai peluang pendidikan dan memberikan kemahiran kepada golongan OKU. Hal ini demikian kerana pendidikan dan kemahiran sangat penting demi masa depan mereka. Langkah pihak kerajaan mewujudkan Kelas Pendidikan Khas patut dipuji..Jelaslah bahawa, pihak kerajaan memainkan peranan penting dalam membantu OKU sebagaimana slogan yang dilaungkan oleh Perdana Menteri Malaysia Dato' Seri Najib bin Tun Abdul Razak , 'Rakyat Didahulukan,Pencapaian Diutamakan'.

#### Pihak Swasta

Di samping itu, pihak swasta juga hendaklah turut sama membantu golongan OKU menjalani kehidupan yang lebih baik. Mereka tidak seharusnya bersikap lepas tangan dan jangan menganggap OKU sebagai beban. Sebagai contoh, usaha murni pengusaha pusat beli-belah yang menyediakan kemudahan untuk golongan OKU seperti lorong khas, tandas dan tempat letak kenderaan amat dihargai. Sikap pihak swasta yang menunjukkan keperihatinan dan menunaikan tanggungjawab mereka terhadap golongan yang kurang bernasib baik ini perlu dicontohi.

#### Peranan media massa

Seterusnya, pihak media massa boleh memainkan peranan mereka dengan menyebarkan maklumat peluang pendidikan dan kerjaya bagi OKU. Setiap maklumat mestilah disampaikan dan disebarluaskan oleh pihak media massa kepada orang ramai. Kempen Masyarakat Penyayang yang dilancarkan oleh pihak kerajaan perlulah disampaikan melalui saluran media massa, maklumat boleh disalurkan melalui iklan,kempen,dan melalui drama. Kesannya, orang ramai akan mendapat maklumat tentang OKU secara telus. Jelaslah, nasib OKU akan terbela dengan adanya peranan media massa.

menunjukkan nilai-nilai murni

Setiap individu perlu menunjukkan nilai-nilai murni. Hal ini demikian kerana setiap individu mempunyai tanggungjawab masing-masing. Sebagai contoh, mereka perlu membantu golongan OKU semasa melintas jalan, menaiki bas atau ketika OKU memerlukan sebarang bantuan, berat mata memandang, berat lagi bahu memikul. Pendek kata, setiap individu hendaklah mengamalkan nilai-nilai murni bagi membantu golongan ini.

#### **Penutup Karangan Usaha Membantu OKU**

Kesimpulannya, sudah terang lagi bersuluh, pelbagai pihak perlu memainkan peranan untuk membantu OKU. Kita hendaklah percaya golongan OKU juga ada peranan dan mampu memberi sumbangan bermakna andai diberi peluang dan ruang sewajarnya. Semua pihak perlu berganding bahu, bak kata peribahasa berat sama dipikul, ringan sama dijinjing, bagi membela nasib dan masa depan golongan OKU.

#### **4. BAHAGIAN B : FAKTOR FAKTOR KEJAYAAN SESEORANG USAHAWAN**

Usahawan ialah individu yang menggabungkan tiga faktor utama dalam ekonomi iaitu tanah, buruh dan modal dalam mengeluarkan sesuatu proses pengeluaran. Ganjaran kepada usahawan adalah untung kerana berani menanggung risiko kerugian yang besar. Setiap hari di dada-dada akhbar itu kejayaan usahawan tempatan sering menjadi isu yang sering hangat diperdebatkan. Hal ini bermaksud bahawa usahawan merupakan salah satu penyumbang utama dalam ekonomi negara kita. Nabi Muhammad SAW bersabda, satu per sembilan daripada sumber rezeki adalah berniaga. Justeru, semua pihak mestilah komited dan beritizam untuk mendepani isu ini kerana hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih. Persoalannya, apakah faktor-faktor kejayaan seorang usahawan?

Pada pendapat saya, antara faktor kejayaan seorang usahawan ialah penguasaan ilmu pengetahuan. Hal ini di katakan demikian kerana tanpa penguasaan ilmu kita mudah ditipu dan ditindas oleh golongan lintah darat. Kita juga boleh menjalankan kajian tentang cara untuk memperoleh keuntungan yang maksimum pada setiap tempoh perakaunan. Selain

itu, antara bidang keilmuan yang boleh diceburi untuk mendalami dunia keusahawanan ialah Sains Akuatori, Prinsip Perakaunan, Ekonomi Asas , dan Matematik Perniagaan. Contoh yang boleh dijadikan teladan untuk menjadi seorang usahawan yang berjaya ialah Myclin, Donald Trumh, Bill Gates dan Syed Mokhtar Bhukori. Memang tidak dinafikan, penguasaan ilmu pengetahuan membolehkan kita menjadi seorang usahawan yang berjaya.

Selain itu, faktor yang paling dominan ialah modal yang mencukupi. Modal terbahagi kepada dua iaitu modal wang dan modal fizikal. Modal wang merupakan modal boleh dicairkan untuk mengeluarkan sesuatu produk yang menelan kos . Modal fizikal adalah mesin, bangunan kilang, dan bahan mentah. Tanpa ketiga-tiga objek ini, usahawan tidak akan dapat mengeluarkan ‘output’ yang ingin dikeluarkan atau ‘output’ yang memaksimumkan keuntungan. Ganjaran kepada pemilik modal adalah faedah atau dikenali sebagai bunga. Modal boleh diperoleh melalui pinjaman bercagar atau dikenali pinjaman persendirian. Usahawan boleh membuat pinjaman dalam kuantiti yang banyak berbanding “overdraf” bank. Antara agensi kerajaan yang boleh menyediakan kemudahan pinjaman ialah MARA, TEKUN dan Pusat Urus Zakat. Tegasnya , modal yang mencukupi akan menjamin kejayaan seseorang usahawan dalam bidang keusahawanan.

Akhir sekali, untuk menjadi usahawan yang berjaya ialah gigih berusaha. Sebagai contoh, seseorang usahawan mestilah memajukan lagi perniagaannya di peringkat antarabangsa tanpa mengenal erti putus asa. Tokoh usahawan yang boleh dijadikan contoh ialah Puan Rozita Ibrahim, pengusaha Sendayu Tinggi. Beliau sanggup bermalam di dalam lorinya semasa memasarkan produknya. Hasil ketekunan dan kegigihannya, kini beliau bergelar jutawan kosmetik yang tersohor di Malaysia. Tuntasnya, untuk menjadi usahawan yang berjaya kita mestilah gigih berusaha , bertepatan dengan kata peribahasa genggam bara api biar sampai jadi arang.

Kesimpulannya, faktor-faktor kejayaan untuk menjadi usahawan ialah semua pihak mestilah berusaha tanpa mengenal erti jemu. Kita mestilah rajin, jujur, berdaya saing dalam usaha menjadi usahawan Berjaya. Pengembangan tenaga dan usaha untuk menjayakannya amatlah ditagih kerana orang bijak pandai pernah berpesan , kalau tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya. Dalam pada itu usaha yang sistematik dan

proaktif mestilah digerakkan mulai dari sekarang kerana perjalanan yang beribu batu bermula dengan langkah yang satu.Jika kita merancang tetapi malas berusaha,ini seakan-akan Mat Jenin dengan mimpinya.Oleh itu kita mestilah berusaha untuk mencapai kejayaan.

## **SELANGOR 2.0**

### **BAHAGIAN A : KOPERASI SEKOLAH**

Koperasi sekolah merupakan sebuah perniagaan yang dibangunkan oleh pihak sekolah sejak zaman dahulu. Anggota koperasi sekolah termasuk, pelajar, guru, dan seluruh warga sekolah. Pelajar dapat membeli barang keperluan sekolah seperti alat tulis dan buku daripada koperasi sekolah. Makanan ringan seperti roti dan biskut juga boleh didapati di sana. Hal ini menyebabkan ramai orang yang memikirkan bahawa prnubuhan koperasi sekolah hanya bertujuan untuk menjual barang keperluan dan makanan kepada pelajar. Namun, kebaikan penubuhan koperasi sekolah adalah tidak dapat dikira dengan jari jemari kita.

Seperi yang diketahui oleh kebanyakan orang, koperasi sekolah memudahkan pelajar mendapatkan barang sekolah dan perkhidmatan. Contohnya, pelbagai pen, buku nota dan fail dapat diperoleh daripada koperasi. Segala keperluan sekolah boleh didapati di sana, maka pelajar tidak perlu ke pasar raya atau kedai yang berjauhan untuk membeli peralatan sekolah. Dengan menurun beberapa anak tangga sahaja, koperasi sudah ada di depan mata. Hal ini turut menjelaskan bahawa pelajar dapat menjimatkan kos perjalanan dan kos pengangkutan untuk ke kedai peralatan sekolah. Jelaslah bahawa penubuhan koperasi telah membawa beberapa manfaat dan berfungsi bagi serampang dua mata.

Selain itu, pelajar yang menjadi ahli koperasi akan mendapat pendedahan asas terhadap perniagaan. Hal ini dapat memupuk semangat bermiaga dalam kalangan pelajar, bak kata tak kenal maka tak cinta. Sesetengah pelajar tidak berminat dalam perniagaan disebabkan kurang pengetahuan tentang bermiaga dan berasa bermiaga itu adalah sukar. Dengan terlibat dalam perniagaan koperasi, mereka akan memahami tentang bermiaga dengan lebih mendalam dan holistik. Bermiaga di koperasi juga menambahkan pengalaman pelajar khususnya dalam bidang perniagaan, bak kata jauh

perjalanan luas permandangan. Lebih banyak pelajar mencuba dan merasai perkara baharu, lebih banyak pengetahuan dan kemahiran diperoleh.

Akhir sekali, koperasi juga menambahkan sumber kewangan sekolah. Keuntungan yang diperoleh daripada penjualan barang niaga akan dimasukkan ke dalam tabung sekolah untuk kegunaan menaiktarafkan kemudahan dan pendidikan sekolah. Hal ini memberikan pelajar tempat belajar yang lebih baik untuk meyenangkan dan menenangkan hati pelajar semasa waktu pelajaran. Pihak sekolah juga boleh menggunakan wang tersebut untuk menjemput pihak yang lebih berpengalaman untuk memberi ceramah atau taklimat kepada pelajar yang akan menduduki peperiksaan seperti Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM). Tegasnya, keuntungan yang diperoleh daripada penjualan koperasi dapat disumbangkan kepada pihak sekolah untuk pelbagai penggunaan.

Tuntasnya, penubuhan koperasi sekolah banyak mendatangkan kebaikan kepada sama ada pelajar mahupun pihak sekolah. Oleh itu, setiap warga sekolah patut berkolaborasi supaya penubuhan koperasi dapat berjalan dengan lancar, umpama aur dengan tebing. Tamsilnya, pelajar perlu bergiat aktif menjadi ahli koperasi manakala pihak sekolah perlu merancang dengan bijak aktiviti tahunan koperasi supaya dapat memperoleh keuntungan.

## **1. BAHAGIAN B : *CIRI CIRI REMAJA YANG AKAN MENJADI PEMIMPIN PADA MASA HADAPAN***

Rujuk Bahagian A, Negeri Sembilan

## **2. BAHAGIAN B : *LANGKAH LANGKAH MENJAGA KEBERSIHAN ALAM SEKITAR***

Alam sekitar merupakan sesuatu yang penting dalam kehidupan manusia, tidak mengira bangsa, agama dan negara. Manakala, kemajuan dalam sektor perindustrian telah dikecapi hari ini sedikit tercalar impak daripada sikap manusia yang tidak bertanggungjawab ini. Alam sekitar turut menjadi mangsa kerakusan manusia yang membakar hutan, menggondolkan lereng bukit dan membuang sampah ke dalam sungai. Alam sekitar yang baik adalah salah satu nikmat Allah kepada kita. Alam sekitar seharusnya dijaga kerana alam sekitar bukan hanya digunakan pada masa sekarang tetapi akan digunakan sehingga

beratus-ratus tahun lagi. Oleh itu, beberapa langkah menjaga alam sekitar perlulah diambil untuk mengembalikan kesegaran alam sekitar.

### Mengurangkan penggunaan bahan kimia

Salah satu langkah yang perlu diambil untuk menangani masalah kebersihan alam sekitar ialah mengurangkan penggunaan bahan kimia kerana bahan kimia akan mendatangkan pencemaran. Hal ini jelas akan mendatangkan impak dalam jangka masa yang panjang kepada alam sekitar. Perkara yang dimaksudkan ialah penggunaan racun serangga dan penghawa dingin merupakan salah satu kesan yang paling ketara dan serius. Akibatnya, penipisan lapisan ozon dan air bawah tanah oleh kluorofluorokarbon (CFC) amat bahaya kepada masyarakat di Malaysia. Oleh itu, penggunaan bahan ini perlu dikawalkan oleh kerajaan dan pihak swasta supaya dapat menjaga alam sekitar yang dicipta oleh Tuhan.

### Menguatkuasakan undang-undang alam sekitar

Selain itu, kerajaan perlu menguatkuasakan undang-undang alam sekitar yang menyeluruh. Hal ini demikian, boleh membantu menjaga alam sekitar kita dengan lebih efektif. Jika kita lihat pada hari ini, berapakah kilang-kilang yang telah dibina oleh kerajaan mematuhi piawaian kebersihan yang telah ditetapkan? Di sini saya memberi contoh, pelepasan asap kilang dan pembuang sisa toksik ke dalam sungai mahupun laut secara terbuka. Implikasi daripada tindakan ini, undang-undang harus diketatkan lagi oleh pihak berkuasa supaya dapat mengurangkan pencemaran alam sekitar.

### Proses Kitar Semula

Dalam pada itu, kitar semula yang diperkenalkan oleh kerajaan perlu diambil perhatian kerana mampu menjaga alam sekitar. Pendidikan alam sekitar secara formal pada peringkat rendah dalam pelajaran boleh memupuk amalan kitar semula sejak kecil. Bahan-bahan buangan boleh diproses semula untuk digunakan sekali lagi dan kita boleh mengklasifikasikan bahan-bahan yang tidak diperlukan di dalam tong-tong kitar semula yang telah disediakan. Sebagai contoh, bahan buangan boleh diproseskan menjadi baja nutrien bagi menghindarkan pembaziran dan surat khabar boleh dijadikan sebagai tisu.

Melalui cara ini, sumber manusia dan negara dapat menjimatkan kos mereka mahupun kebersihan alam sekitar.

#### Kempen alam sekitar

Selain itu, langkah untuk menjaga alam sekitar ialah melalui kempen alam sekitar. Antara kempen-kempen yang boleh dilakukan ialah kempen cintailah sungai kita, kempen kitar semula, sahabat alam dan sebagainya. Dalam kempen-kempen ini masyarakat akan didedahkan tentang pentingnya menjaga alam sekitar dan cara-cara menjaga alam sekitar seperti menguruskan sisa pembuangan supaya kurang memberi pencemaran kepada alam sekitar.

Kempen kitar semula pula dapat menggalakkan pengguna supaya mengitar semula bahan-bahan yang boleh dikitar semula. Dengan itu, masyarakat akan dapat berjimat-cermat dan dapat megurangkan pencemaran alam sekitar. Dalam kempen alam sekitar ini juga, aktiviti-aktiviti seperti penanaman pokok-pokok bunga dan membersihkan kawasan-kawasan yang kotor boleh dijalankan. Penanaman pokok bunga bukan sahaja dapat mencantikkan alam sekitar tetapi dapat mengembalikan semula kehijauan sesuatu tempat serta dapat membuktikan betapa pentingnya hidupan hijau di bumi ini.

#### Bekerjasama menjaga kebersihan alam sekitar

Kesimpulannya, kita harus bekerjasama dan memainkan peranan ini untuk mengekalkan kebersihan alam sekitar. Pihak kerajaan dan badan-badan bukan kerajaan yang berkaitan juga perlu memainkan peranan penting untuk memulihkan dan memelihara alam sekitar. Kita tidak sepatutnya meletakkan masalah ini diatas bahu kerajaan dengan semata-matanya. Kerjasama yang erat antara rakyat Malaysia dengan kerajaan tentunya akan lebih bermakna dan hasilnya kelak akan memuaskan hati semua orang. Sinomin dengan slogan negara “Negara Bersih, Rakyat Sihat”.

### **3. BAHAGIAN B : PERANAN PELBAGAI PIHAK UNTUK MEMAJUKAN PERINDUSTRIAN KECIL DAN SEDERHANA (IKS)**

Industri Kecil dan Sederhana (IKS) memainkan peranan yang penting dalam pembangunan dan perkembangan ekonomi negara. IKS ditakrifkan sebagai perusahaan perkilangan atau syarikat yang menyediakan perkhidmatan berkaitan dengan perkilangan dengan pusing ganti tahunan tidak melebihi

RM25 juta dan menggaji kakitangan sepenuh masa tidak melebihi 150 orang. Di Malaysia, terdapat pelbagai peluang usaha niaga berbentuk IKS yang mendapat sokongan penuh daripada kerajaan. IKS menyediakan sebanyak 44.2 peratus peluang pekerjaan daripada jumlah tenaga kerja dalam sektor perkilangan, 48.9 peratus dan 31.7 peratus masing-masing dalam jumlah nilai keluaran dan jumlah nilai harta tetap. Demi merancakkan IKS, kerajaan telah mengatur beberapa banyak langkah yang konstruktif dan pragmatik.

Salah satu langkah perdana yang diambil oleh kerajaan ialah penawaran pembiayaan, geran, pinjaman dan insentif kepada para pengusaha IKS. Bantuan ini dapat mendorong para pengusaha yang mengusahakan perniagaan IKS berasaskan pertanian, perikanan, perternakan, pemprosesan makanan, dan sebagainya. Antara geran dan insentif yang disediakan kepada pengusaha IKS termasuklah skim kewangan, skim geran penyelidikan dan pembangunan, dan sebagainya. Kemudahan pinjaman yang disediakan pula melalui institusi kewangan kerajaan, seperti Bank Pertanian dan Bank Simpanan Nasional, bank komersial seperti Bank Rakyat dan Bank CIMB, serta syarikat kewangan Melalui Skim Khas Bank Negara, Bank Negara telah menubuhkan Unit Khas Enterpris Kecil dan Sederhana yang bertujuan membantu perusahaan IKS yang berdaya maju untuk memperoleh pembiayaan. Dengan adanya bantuan dan sokongan kerajaan, IKS nescaya dapat berkembang maju.

Hadirin yang dihormati,

Dalam pada itu, khidmat nasihat dan perundingan kepakaran turut disediakan oleh pihak kerajaan. Usahawan dan pelabur yang ingin akan maklumat atau pendedahan lanjut mengenai IKS boleh mendapatkan khidmat nasihat yang disediakan oleh agensi kerajaan dan beberapa badan yang lain. Para pengusaha memang memerlukan khidmat nasihat dan sokongan teknikal dalam usaha melicinkan operasi IKS agar lebih produktif, dinamik, berdaya maju, dan kos efektif, di samping meningkatkan daya pengeluaran dan kualiti produk, serta pemasaran global. Antara agensi yang terlibat dalam khidmat nasihat dan bantuan teknikal termasuklah MARA (skim khidmat pakar perunding MARA), UKM Pakar Runding Sdn. Bhd., dan Persatuan IKS Malaysia. Tanpa khidmat nasihat dan perundingan kepakaran, pengusaha-pengusaha yang mentah dalam selok-belok pengurusan IKS ataupun baru mencebur ke bidang ini akan menghadapi pelbagai rintangan. Pendek kata, pihak kerajaan

berprakarsa dan beriltizam membantu para usahawan untuk membangunkan IKS dan melipatgandakan perolehan.

Tidak ketinggalan juga, kerajaan menyediakan pelbagai program latihan dan pembangunan kepada usahawan dan pelabur yang cenderung mengusahakan aktiviti IKS. Dalam konteks ini, Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC) merupakan agensi kerajaan utama yang bertanggungjawab menyelaraskan pembangunan IKS. Selain menawarkan khidmat nasihat berkaitan dengan pembangunan industri, agensi ini menyediakan program latihan dan pembangunan untuk orang ramai dan pengusaha IKS. Antaranya termasuklah program rantaian industri, program pembekal global, program peningkatan kemahiran, dan sebagainya. Bahkan, Majlis Amanah Rakyat (MARA) merupakan agensi kerajaan yang ditubuhkan untuk menggalakkan, membimbing dan melatih penduduk Bumiputera, khususnya di luar bandar, supaya menyertai kegiatan perdagangan dan perusahaan. Antara program yang ditawarkan ialah latihan keusahawanan, skim latihan perintisan, dan program promosi pemasaran. Melalui agensi-agensi kerajaan, IKS berdaya maju dan memberikan sumbangan kepada iktisad negara.

Hadirin yang dimuliakan,

Seseorang pengusaha mestilah mempunyai ciri-ciri baik yang boleh dicontohi sekali gus membantu dalam meningkatkan perniagaan. Hal ini termasuklah tekun, bekerja keras, yakin dengan kebolehan, boleh menerima risiko, kreatif dan menyedari sepenuhnya tentang keperluan untuk mencapai sesuatu yang lebih baik dan cemerlang. Pemikiran baik dan bijak dalam membuat keputusan amatlah penting kerana hasilnya kelak akan memberikan impak sama ada kepada diri pengusaha itu sendiri atau perniagaan yang diusahakannya. Usahawan yang berjaya mestilah menjadi seorang yang boleh menjadi contoh kepada usahawan atau pekerja lain. Dalam organisasinya, pengusaha mestilah sentiasa

bertindak secara rasional dan tidak terburu-buru. Fikiran yang positif dalam apa-apa perkara amat perlu. Hal ini kerana tindakan yang terburu-buru boleh membawa kepada kesan yang negatif. Kesemua ciri-ciri positif yang ada dalam diri usahawan atau pengusaha akan mendorong tindak balas yang

juga positif dari pelbagai pihak khasnya kepada para pekerja. Kebajikan pekerja juga perlu dijaga dengan baik agar pekerja berasa selesa untuk bekerja dengan majikannya. Hal ini sekaligus akan dapat mengurangkan kadar peralihan kerja oleh pekerja seperti yang berlaku pada mana-mana pengusaha yang gagal menyemai sikap positif atau ciri-ciri yang baik dalam dirinya sebagai seorang pengusaha. Jelaslah menunjukkan bahawa pengusaha yang bijak mampu untuk meningkatkan perniagaan mereka terutama dalam bidang IKS.

Selain itu, sistem pengurusan yang baik turut menyumbang kepada kejayaan atau kegagalan perusahaan. Pengurusan yang baik tersebut bermaksud cekap dan berkualiti untuk memenuhi keperluan perusahaan. Persaingan antara Industri Kecil dan Sederhana dengan firma-firma yang lain adalah sangat kuat. Hal ini kerana, Industri Kecil dan Sederhana menggunakan modal permulaan yang amat kecil dan ini memerlukan pengurusan yang cekap dan bijak dari pengusahanya untuk mengurus dan membelanjakan modal tersebut agar perusahaan dapat berjalan dengan baik. Pengurusan yang bijak akan dapat mendatangkan keuntungan yang berlipat ganda dan mengelakkan berlakunya kerugian dalam perusahaan. Pengurusan dari segi mengawal pekerja juga amat penting. Pengusaha adalah sebaiknya mengasingkan tugas para pekerja mengikut tahap kemahiran atau mengikut jenis aktiviti. Sistem pengurusan yang baik dan sistematik akan membantu menggerakkan perusahaan dengan lancar seterusnya memacu IKS ke tahap yang tinggi.

Hadirin yang dikasihi,

Secara tuntasnya, semua pihak memainkan peranan yang mustahak dalam memajukan dan merancakkan IKS. Hal ini demikian kerana pertumbuhan pesat sektor perkilangan memperlihatkan kepentingan dan peranan IKS yang kian ketara. Penglibatan IKS dalam pelbagai jenis aktiviti perkilangan menjadi penggerak dan tulang belakang kepada pertumbuhan sektor perkilangan amnya. Kesedaran pelbagai pihak tentang keperluan dalam melahirkan usahawan yang berkemampuan dan bertaraf antarabangsa serta pekerja mahir adalah tinggi. Selaras dengan ini, pelbagai pihak telah mula menyedari bahawa salah satu langkah penting dalam mencapai hasrat ini adalah melalui bantuan dan sokongan kepada pembangunan IKS. Jadi, pihak-pihak yang terbabit dalam

sektor ini haruslah meneroka dan merintis bidang-bidang IKS baru dengan menghadiri ekspo-ekspo perindustrian di luar negara.

Dengan wujudnya inisiatif dan iltizam, IKS bukan sahaja berdaya maju bahkan menyumbang kemajuan ekonomi negara sekali gus merealisasikan Wawasan 2020 .